



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA

**APEX**<sup>TM</sup>

**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



**LAPORAN TAHUNAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**APEX 2020**  
MEREALISASIKAN  
UNIVERSITI GLOBAL  
REALISING A GLOBAL UNIVERSITY

**2016**



“MENTRANSFORMASIKAN PENGAJIAN TINGGI UNTUK KELESTARIAN HARI ESOK”

|  | mukasurat |
|--|-----------|
| Visi   | 2         |
| Misi   | 3         |
| 9 Teras APEX   | 4         |
| Garis Masa USM   | 6         |
| Penaung Diraja Universiti                              | 10        |
| Canselor   | 12        |
| Pro-Canselor   | 13        |
| Ahli Lembaga Gabenor                                   | 14        |
| Jawatankuasa Audit Universiti                          | 15        |
| Pengurusan Tertinggi                                   | 16        |
| Carta Organisasi Pengurusan                            | 17        |
| Pegawai Utama Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab | 18        |
| USM Dalam Angka  | 22        |
| Laporan Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti           | 27        |
| Akademik & Antarabangsa                                | 33        |
| Penyelidikan & Inovasi                                 | 65        |
| Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni                 | 73        |
| Jaringan Industri & Masyarakat                         | 115       |
| Tadbir Urus  | 147       |
| Pembangunan Institusi                                  | 153       |
| Yayasan USM  | 181       |
| Laporan Kewangan                                       | 189       |
| Sidang Editor  | 241       |

## VISI

# // Mentransformasikan Pengajian Tinggi Untuk Kelestarian Hari Esok //

USM merupakan universiti perintis, berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka.





# MISI





## 9 Teras APEX

USM telah diberi mandat untuk melaksanakan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (**APEX - Accelerated Programme for Excellence**) pada September 2008. Sejak itu, USM sentiasa berusaha untuk menanam nilai-nilai dan teras-teras utama untuk dihayati serta dijadikan pegangan utama semua warga USM.



### KEILMUAN

Tujuan utama universiti ialah menerokai dan menguasai ilmu pengetahuan. Apa jua yang dilakukan mestilah berteraskan ilmu dan kaedah-kaedah keilmuan yang ada. Ilmu ialah urusan utama universiti yang tertumpu pada usaha penerokaan, pengkayaan dan mengaplikasikan dalam setiap urusannya dalam kalangan seluruh warga universiti yang di kembang dan dimajukan secara berterusan untuk membangunkan negara dan mencapai kesejahteraan yang berterusan. Keilmuan juga menjadi teras dalam merealisasikan motto Kami Memimpin.



### KELAINAN (KEUNIKAN)

Teras ini membezakan USM dan warganya daripada orang lain dalam membangunkan kekuatan dan impak masa hadapan. Untuk bersaing dan menghadapi masa hadapan, universiti malah seseorang perlu mempunyai kelainan dengan natijah yang diharapkan daripada setiap tindakan yang dibuat, apatah lagi jika berfikir di luar kotak dan merealisasikan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy).



### MASA HADAPAN

Apa jua yang dilakukan perlulah berasaskan kepada pemikiran masa hadapan, dari segi impak kepada masyarakat dan orang lain mahu pun kepada diri sendiri. Apa yang akan ditinggalkan nanti dan bagaimana tindakan-tindakan yang berasaskan pemikiran pada hari ini akan memberi kesan kepada masa hadapan yang dibangunkan.



### KELESTARIAN

Merealisasikan pemikiran dan usaha daripada penjagaan alam sekitar hinggalah kepada memulihara tradisi dan kearifan tempatan yang terdapat dalam masyarakat, agenda kesukarelawanan dan membangunkan pelbagai inisiatif untuk menyemai semangat kelestarian ini dan merealisasikan usaha yang dibuat dalam menjaga alam seluruhnya.



### KESEJAGATAN

Menghormati nilai-nilai universal yang dikongsi bersama dengan pemikiran yang luas dan terbuka, memahami budaya dan nilai universal dan global yang dipegang dan dihormati bersama-sama dan mempertahankan jati diri seperti ungkapan Glokal iaitu berfikir global dan bertindak lokal iaitu menghormati nilai dan budaya yang ada dan pegang selama ini terutamanya dalam semangat Rukun Negara. Warga universiti juga perlu ada kesanggupan untuk bekerja bersama-sama dan melibatkan semua secara inklusif (keterangkuman) tanpa sempadan.



### PENGORBANAN

Bersedia untuk melakukan apa sahaja usaha yang berterusan dengan tulus ikhlas untuk menjayakan misi universiti yang dipegang bersama-sama demi mendapat keredaan Tuhan dan menjayakan amanah yang dipegang. Semangat ini perlu datang dari hati atau qalbu berteraskan semangat Saya Sayang USM dan Memacu Kecemerlangan.



### KEMANUSIAAN

Nilai Kemanusiaan amat penting dalam menjamin kelangsungan hidup manusia dan alam seluruhnya. Kemanusiaan bermakna kita mempunyai belas ihsan dengan berpegang pada prinsip dan nilai hidup dalam menjaga alam, manusia dan masyarakat seluruhnya.



### PERUBAHAN

Kejayaan universiti bergantung pada perubahan yang dibuat daripada dalam diri warganya membawa pada perubahan dalam pemikiran serta tindakan-tindakan yang memberikan impak besar kepada masyarakat dan dunia melalui ilmu pengetahuan dan semua teras yang dibangunkan bersama-sama.



### KESEJAHTERAAN

Matlamat utama segala usaha daripada hasil pemikiran serta tindakan yang berterusan dan lestari dengan mengambil kira rohani dan jasmani, pembangunan moral dan fizikal serta kebahagiaan yang berterusan yang dilakukan ialah memberikan kesejahteraan mental dan fizikal kepada semua merangkumi warga universiti, warga negara dan dunia seluruhnya".



# GARIS MASA USM



USM  
CSPS  
LX



PELANTIKAN CANSELOR

1970

2000

10 Jun 1972

DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail



18 April 2000

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail



2 Mei 2002

DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid



20 Mac 2007

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail



PELANTIKAN PRO-PRO CANSELOR

1970

1980

1990

2000

10 Jun 1972

DYMM Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Yusof Izzuddin Ghafarullahu



Dato' Lim Huck Aik



Tahun 1983

Tan Sri Dato' Eusoffe Abdoolcader



Tahun 1984

Tan Sri Dato' Haji Mohamed Yaacob



Tahun 1994

Tun Dr. Lim Chong Eu



Tun Daim Zainuddin



Tahun 1999

Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong



Raja Tun Mohar Raja Badiozaman



16 Julai 2001

Tan Sri Razali Ismail



19 Mac 2011

Tan Sri Dato' Dr. Jegathesan Manikavasagam



19 September 2013

Tan Sri Datuk Mustafa Mansur



PELANTIKAN NAIB NAIB CANSELOR

1960

1970

1980

1990

2000

8 April 1969

Profesor Tan Sri Datuk Hamzah Sendut



4 Oktober 1976

Tan Sri Datuk Hamdan Sheikh Tahir



Tahun 1982

Tan Sri Dato' Musa Mohamad



Tahun 1995

Profesor Dato' Dr. Ishak Tambi Kechik



1 Disember 2000

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkipli Abdul Razak



28 September 2011

Profesor Dato' Dr. Omar Osman



4 Oktober 2016

Profesor Datuk Dr. Asma Ismail



PELANTIKAN PENERUSI-PENERUSI MAJLIS/LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI/LEMBAGA GABENOR

1970

1980

1990

2000

September 1975

Tan Sri Dato' Ishak Haji Pateh Akhir



Tahun 1986

Tan Sri Dato' Haji Murad Mohd. Noor



Tahun 1992

Tan Sri Dato' Haji Ani Arope



1 April 2010

Profesor Emeritus Dato' Dr. M. Zawawi Ismail



1 April 2012

Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan





1960

11 April 1962

Majlis mesyuarat negeri Pulau Pinang membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Kolej Universiti di Pulau Pinang

26 September 1962

Kabinet meluluskan penubuhan Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi yang bertanggungjawab mengkaji dan mempertimbangkan cadangan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi di Pulau Pinang



Februari 1967

Menteri Pelajaran mengumumkan dalam Parlimen bahawa kerajaan pusat telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Pulau Pinang



7 Ogos 1967

Upacara Perletakan batu asas Kolej Universiti Pulau Pinang oleh Perdana Menteri di Sungai Ara



November 1967

Laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi telah diluluskan oleh Kabinet dan Parlimen



1970

Februari 1971

Minden diserahkan kepada Universiti Pulau Pinang



4 Oktober 1971

Universiti Pulau Pinang ditubuhkan dengan rasminya



22 April 1972

Universiti Pulau Pinang ditukarkan namanya kepada Universiti Sains Malaysia



2000

Tahun 2003

Logotaip USM diperkenalkan oleh DYMM Tuan Tengku Fauziah Binti Almarhun Tengku Abdul Rashid



11 Oktober 2006

Pengisytiharan USM sebagai Universiti Penyelidikan oleh Perdana Menteri Malaysia

4 September 2008

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia mengumumkan pemilihan USM untuk Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX)



18 Julai 2009

Proses penjenamaan semula USM bermula



25 Januari 2010

Pelancaran Blue Ocean Strategy (BOS) peringkat USM



1 Julai 2011

Perlembagaan baru USM telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2009



Tab USM

USM





USM





---

**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV  
Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj  
Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Ibni Almarhum Sultan Badlishah**

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K.(Kelantan), D.K.(Pahang), D.K.(Selangor),  
D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Johor), D.K.(Terengganu), D.K.(Perak),  
D.K. (Brunei), D.P.(Sarawak), D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.,  
Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia),  
Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K.,  
Asso. Knight Order of St. John., Hon. Ph.D (UUM), Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and  
Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan),  
The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand).

---



**PENAUNG DIRAJA UNIVERSITI**





## CANSELOR



**D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum  
Tuanku Syed Putra Jamalullail**


D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De L'Independence (Grand Medal of the Independence) - Cambodia, Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) - Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Italy), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad - The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)



## PRO CANCELOR



**Tan Sri Razali Ismail**



**Tan Sri Dato' Dr.  
Jegathesan Manikavasagam**



**Tan Sri Datuk Mustafa Mansur**

## AHLI LEMBAGA GABENOR



### Pengerusi

Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan  
(01/04/2012 - 31/03/2018)



Profesor Dato' Dr. Omar Osman  
(29/09/2014 - 28/09/2016)



Profesor Datuk Dr. Asma Ismail  
(04/10/2016 - 03/10/2019)



Datin Paduka Dr. Ir. Siti Hamisah Tapsir  
(01/12/2015 - 30/11/2018)



Profesor Dr. Raha Abdul Rahim  
(01/12/2015 - 30/11/2018)



Profesor Dato' Dr. Morshidi Sirat  
(04/09/2014 - 02/03/2017)



YM Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Arif  
(01/10/2014 - 30/09/2017)



Dato' Suriah Abd Rahman  
(15/01/2013 - 14/01/2016)



Chin Chun Yean  
(01/08/2016 - 31/07/2019)



Datuk Hj. Mohd. Esa Abd. Manaf  
(29/09/2014 - 28/09/2016)



Dr. Anuar Ariffin  
(01/12/2016 - 30/11/2019)



Dato' Ahmad Ibni Hajar  
(01/12/2016 - 30/11/2019)



Profesor Datuk Dr. Omar Shawkataly  
(13/10/2011 - 01/08/2017)



Datuk Abdullah Abdul Wahab  
(16/07/2012 - 30/09/2017)



Dato' Redza Rafiq Abdul Razak  
(01/06/2015 - 31/05/2018)



Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin  
(01/01/2016 - 31/12/2017)

Ahli

Setiausaha

### Ex-Officio

- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Pengarah Kampus Kesihatan
- Pengarah Kampus Kejuruteraan
- Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-Undang

## JAWATANKUASA AUDIT

**Pengerusi**



**Datuk Abdullah  
Abdul Wahab**  
(11/01/2014 - 30/9/2017)

**Ahli**



**Dato' Suriah  
Abd Rahman**  
(11/08/13 - 14/01/2016)

**Ahli**



**Dato' Redza Rafiq  
Abdul Razak**  
(03/01/2016 - 31/05/2018)

**Setiausaha**



**'Ubaidillah Ozmin**  
(Bermula pada 01/01/2015)

■ Aktif  
■ Tamat



## PENGURUSAN TERTINGGI



- 1 Profesor Dato' Dr. Omar Osman**  
Naib Canselor  
(29/09/2014-28/09/2016)

**Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, FASc.**  
Naib Canselor  
(04/10/2016 - 03/10/2019)

- 2 Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal**  
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa  
(15/09/2014-14/03/2017)

- 3 Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan**  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi  
(01/02/2013 - 30/04/2018)

- 4 Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar  
(01/12/2014 - 30/11/2018)

- 5 Profesor Dato' Dr. See Ching Mey**  
Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat  
(01/02/2014 - 31/01/2016)

**Profesor Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.**  
Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat  
(01/05/2016 - 30/04/2019)

- 6 Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed**  
Pengarah Kampus Kesihatan  
(01/01/2016 - 14/11/2016)

**Profesor Dr. Ahmad Sukari Halim**  
Pengarah Kampus Kesihatan  
(15/11/2016 - 31/12/2018)

- 7 Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah**  
Pengarah Kampus Kejuruteraan  
(01/01/2016 - 14/03/2017)

- 8 Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin**  
Pendaftar  
(01/01/2016 - 31/12/2017)

- 9 Dr. Rohayati Mohd Isa**  
Bendahari  
(01/01/2016 - 31/12/2018)

- 10 Dr. Khairul Anuar Che Azmi**  
Penasihat Undang-Undang  
(01/01/2016 - 31/12/2018)


- 11 Ali Abd Rahim**  
Ketua Pustakawan  
(01/02/2016 - 22/12/2016) Memangku  
(23/12/2016 - 19/02/2017)

- 12 Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar**  
Ombudsman  
(01/01/2014 - 31/12/2016)

- 13 Ubaidillah Ozmin**  
Pemangku Ketua Audit Dalam  
Bermula pada 01/01/2015



# CARTA ORGANISASI PENGURUSAN







## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI DAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

### PUSAT TANGGUNGJAWAB

**Pusat Pengajian Sains Fizik (1969; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Fizik dan Ilmu Hisab)**  
Profesor Dr. Mohamad Suhaimi Jaafar (1 Jan – 18 Ogos 2016)  
Profesor Dr. Haslan Abu Hassan (Pemangku-19 Ogos – 31 Dis 2016)

**Pusat Pengajian Sains Kajihayat (1969)**  
Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Abdullah

**Pusat Pengajian Sains Kimia (1969)**  
Profesor Dr. Afidah Abdul Rahim

**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (1970; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Kebudayaan dan Kemanusiaan)**  
Profesor Dr. Narimah Samat

**Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (1970)**  
Profesor Dr. Hairul Nizam Ismail

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (1970)**  
Profesor Dr. Azlinda Azman

**Pusat Pengajian Sains Farmasi (1972)**  
Profesor Dr. Munavvar Zubaid Abdul Sattar

**Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan (1972; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains Bangunan & Perancangan)**  
Profesor Dr. Aldrin Abdullah

**Pusat Pengajian Sains Matematik (1974)**  
Profesor Dr. Hailiza Kamarulhaili

**Pusat Pengajian Sains Perubatan (1979)**  
Profesor Dr. Ahmad Sukari Halim (1 Jan – 14 Nov 2016)  
Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail (15 Nov – 31 Dis 2016)

**Pusat Pengajian Teknologi Industri (1986)**  
Profesor Dr. Azhar Mat Easa

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (1986)**  
Profesor Dr. Mohd. Rizal Arshad

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral (1986)**  
Profesor Dr. Zuhailawati Hussain

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (1989)**  
Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah

**Pusat Pengajian Pengurusan (1989)**  
Profesor Dr. Fauziah Md. Taib

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik (1989)**  
Profesor Dr. Zainal Alimuddin Zainal Alauddin

**Institut Pengajian Siswazah (1991)**  
Profesor Dr. Rozman Hj. Din

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia (1992)**  
Profesor Dr. Azlina Harun @ Kamaruddin

**Pusat Pengajian Komunikasi (1995)**  
Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein (Memangku)

**Pusat Pengajian Sains Komputer (1995)**  
Profesor Dr. Ahamad Tajudin Khader

**Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (1998; rancangan pengajian luar kampus mula ditawarkan pada tahun 1971)**  
Prof. Madya Dr. Mustafa Fadzil Farid Wajidi

**Pusat Pengajian Sains Pergigian (1998)**  
Profesor Dr. Adam Husein

**Pusat Pengajian Sains Kesihatan (1999)**  
Profesor Dr. Ahmad Zakaria (1 Jan – 7 Okt 2016)  
Profesor Dr. Wan Rosli Wan Shah (8 Okt – 31 Dis 2016)

**Pusat Pengajian Seni (1999; dinaiktaraf daripada Pusat Seni yang ditubuhkan pada tahun 1984)**  
Prof. Madya Mohamad Omar Bidin

**Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa (1999)**  
Profesor Ir. Dr. Mohd Zulkifly Abdullah

**Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan (2008; dinaiktaraf daripada Pusat Bahasa dan Terjemahan yang ditubuhkan pada tahun 1972)**  
Profesor Dr. Tengku Sepora Tengku Mahadi

**Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (2009)**  
Profesor Dr. Azlan Amran



## PUSAT

### **Pusat Biologi Kimia**

Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien

### **Pusat IPv6 Termaju Negara**

Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa

### **Pusat Kajian Kelestarian Global**

Profesor Dr. Kamarulazizi Ibrahim

### **Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)(Pusat Virtual)**

Profesor Dr. Mohd Sakri @ Shukri Salleh

### **Pusat Kajian Samudera & Pantai**

Profesor Dr. Ahmad Sofiman Othman

### **Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik**

Profesor Dr. Mohd. Zaid Abdullah

### **Pusat Penyelidikan Arkeologi Global**

Profesor Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin

### **Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan**

Profesor Dr. Sharif Mahsufi Mansor

### **Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian Antarabangsa**

Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

### **Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar**

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria

### **Pusat Penyelidikan Wanita & Gender**

Prof. Madya Dr. Noraida Endut

### **Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk)**

Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman

### **Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia**

Profesor Dr. Merza Abbas (1 Jan – 16 Ogos 2016)  
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (17 Ogos -31 Dis 2016)

### **Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara**

Profesor Dr. Wan Mohamad Fauzy Wan Ismail

### **Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul**

Profesor Dr. Norazmi Mohd Nor

### **Institut Penyelidikan & Teknologi Nano-Optoelektronik**

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan

### **Institut Perubatan & Pergigian Termaju**

Dr. Norehan Mokhtar

### **Bahagian Pembangunan Institusi**

Profesor Dr. Phua Kia Kien

### **Bahagian Sumber Manusia**

Dr. Hj. Musa Ali

### **Hospital Universiti Sains Malaysia**

Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed (1 Jan – 14 Nov 2016)

Profesor Dr. Ahmad Sukari Halim (15 Nov – 31 Dis 2016)

### **Jabatan Keselamatan**

Prof. Madya Dr. P. Sundramoorthy

### **Jabatan Pembangunan**

Arman Abdul Razak

### **Muzium & Galeri Tuanku Fauziah**

Zolkurnian Hassan

### **Pejabat Aset & Operasi Universiti**

Nazru Hj. Ismail

### **Pejabat Inovasi & Pengkomersilan**

Profesor Dr. Rahmat Awang

### **Pejabat Kolaborasi Antarabangsa Universiti**

Profesor Dr. Lee Keat Teong

### **Pejabat Kolaborasi Masyarakat & Industri**

Syed Yusof Syed Kechik

### **Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan**

Profesor Dr. Lee Keat Teong

### **Penerbit USM**

Akhiar Salleh

### **Pusat Inkubasi Universiti**

Profesor Dr. Siti Azizah Mohd. Nor

### **Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam**

Dr. Hj. Musa Ali

### **Pusat Islam**

Profesor Dato' Dr. Muhammad Idris Saleh (1 Jan – 24 Nov 2016)

Prof. Madya Dr. Sofri Yahaya (25 Nov -31 Dis 2016)

### **Pusat Kualiti Universiti**

Prof. Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad

**Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik & Pembangunan Pelajar**

Profesor Dr. Abd Karim Alias

**Pusat Keusahawanan Universiti**

Profesor Dr. Mahmod Sabri Haron

**Pusat Media & Perhubungan Awam**

Mohamad Abdullah

**Pusat Keantarabangsaan, Mobiliti & Kerjaya Universiti**

Dr. Muhizam Mustafa

**Pusat Pembangunan Pelajar**

Dr. Nazarudin Zainun

**Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti**

Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly

**Pusat Pemindahan Ilmu**

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan

**Pusat Pendidikan & Latihan Tenaga Boleh Baru, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau**

Prof. Madya Dr. Mohd. Wira Mohd. Shafiei

**Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi**

Zulham Hamdan

**Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis**

Prof. Madya Dr. Zafarina Zainuddin

**Pusat Penyelidikan & Perkhidmatan Haiwan**

Dr. Saidi Jaafar

**Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan**

Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak

**Pusat Perhubungan Alumni**

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya

**Pusat Perkhidmatan & Penyelidikan Neurosains**

Profesor Dato' Dr. Hj. Jafri Malin Datuk Hj. Abdullah

**Pusat Racun Negara**

Prof. Madya Razak Lajis

**Pusat Sejahtera**

Dr. Normala Abdul Wahid

**Pusat Seni Reka Kreatif**

Profesor Dr. Azizi Bahauddin

**Pusat Standardisasi Herba**

Profesor Dr. Sabariah Ismail

**Pusat Sukan & Rekreasi**

Muhamad Mohd. Hanif

**Pusat Transformasi Insan**

Prof. Madya Dato' Ellias Zakaria

**Sains@USM**

Profesor Dr. Abdul Rahman Mohamed

## UNIT

### Hubungan Industri

Dr. Yeoh Fei Yee

### Kampus Sejahtera

Mohammad Shafiq Abdul Aziz

### Kualiti Akademik & Akreditasi (Kampus Kejuruteraan)

Prof. Madya Sr. Dr. Mohd. Sanusi S. Ahamad

### Pusat Kepakaran Serantau ESD Penang@USM

Profesor Dr. Munirah Ghazali

### Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kejuruteraan)

Dr. Mohd Salman Abu Mansor

### Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kesihatan)

Dr. Mohd. Ismail Ibrahim

### Taman Rekreasi Universiti

LAr. Nor A'zam Shuib

## DESASISWA

### Desasiswa Aman Damai Fajar Harapan

Nazru Hj. Ismail

### Desasiswa Bakti Permai Cahaya Gemilang

Mohd. Shafie Ariffin

### Desasiswa Indah Kembara

Hj. Mohd Zain Dollah

### Desasiswa Jaya Utama

Dr. Norazharuddin Shah Abdullah

### Desasiswa Lembaran

Dr. Mohd Hazizan Mohd Hashim

### Desasiswa Murni

Dr. Raja Azman Raja Awang

### Desasiswa Nurani

Hj. Yusoff Abdullah

### Desasiswa Restu

Dr. Nik Haslinda Nik Hussain

### Desasiswa Saujana


Profesor Dr. Mahmod Sabri Haron

### Desasiswa Tekun


Dr. Nazarudin Zainun



USM DALAM ANGKA



NOTA:  
Statistik staf pada 31 Disember 2016 (termasuk staf kontrak yang dibayar di bawah PSDK Vol 29000)  
Termasuk staf HUSM



NOTA :  
 Statistik pengambilan dan enrolmen pelajar Ijazah Pertama adalah Aktif pada 31 Oktober 2016  
 & Ijazah Tinggi adalah Dalam tempoh Januari - Disember 2016  
 Statistik graduan pada konvokesyen April dan Oktober 2016



## Pelajar Antarabangsa



Enrolmen Pelajar Antarabangsa

3,046

Pelajar antarabangsa merangkumi 65 buah negara





UIS

Sejak 1969







# LAPORAN PENERUS LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI





## SENARIO DAN CABARAN PENDIDIKAN TINGGI

Pendidikan tinggi negara terus berkembang dari hari ke hari dan pada Amanat Tahun Baru 2016, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh telah memperkenalkan Pendidikan Fleksibel kepada seluruh warga pendidikan tinggi termasuk Universiti Awam, Universiti Swasta, kolej komuniti dan juga politeknik.

Pendidikan fleksibel adalah masa depan pendidikan tinggi negara yang membawa maksud akses pendidikan pada bila-bila masa, tanpa mengira tempat dan untuk semua lapisan masyarakat. Ianya juga bertepatan dengan tema Perutusan Naib Canselor 2016 iaitu Merealisasikan Universiti Global.

Kecemerlangan dan kegemilangan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam pelbagai bidang terutamanya penyelidikan dan kolaborasi bertaraf antarabangsa membuktikan bahawa USM mempunyai ciri-ciri Universiti Global (UG).

Kejayaan yang diperoleh sehingga kini mampu memperkasakan usaha sedia ada bagi membangunkan inisiatif baharu yang memerlukan penelitian sewajarnya bagi pemantapan ke arah UG pada masa hadapan.

Tahun 2016 meneruskan agenda Universiti Penyelidikan dengan cabaran besar yang berterusan dalam memperkasakan program APEX serta mencari peluang untuk menjana pendapatan bagi keperluan masa hadapan dalam melestarikan kewangan serta pengoptimuman bakat dan sumber.

Pelbagai transformasi pendidikan tinggi diterapkan dan dilaksanakan di peringkat Universiti Sains Malaysia serta diiringi Rukun Nilai USM merangkumi QALBU yang berasaskan 'Qalbin Saleem' atau *Pureness of Heart* dengan berlandaskan amanah, lisan, bersih dan ukhuwah yang kesemuanya menjadi tunjang kepada rukun Kebijaksanaan, Kemanusiaan, Kebenaran dan Keindahan.

Antara cabaran lain adalah perubahan dinamik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta teknologi termaju yang mempengaruhi dunia keseluruhannya. Selain itu, perkembangan dan perubahan dalam tanggungjawab pembelajaran sepanjang hayat serta pendidikan yang bersifat global menjadikan bidang pendidikan lebih fleksibel.

Langkah penting dalam pembangunan bidang pendidikan tinggi ini untuk bersaing dengan lebih cekap di samping mendepani cabaran yang wujud adalah dengan menjadikan USM sebagai sebuah institusi global.





## LAPORAN PENCAPAIAN

Merealisasikan Universiti Global adalah melalui lapan ciri-ciri Universiti Global (UG) iaitu Misi Global, penghasilan ilmu, peranan baharu ahli fakulti, kepelbagaian dana, rangkaian multisektor, perekrutan sedunia, organisasi universiti yang kompleks dan kolaborasi global.

Sepanjang tahun 2016, halatuju USM adalah bagi mencapai dan merealisasikan Universiti sebagai sebuah Univesiti global di mata dunia. Antara faktor utama yang memainkan peranan dalam menonjolkan nama Universiti di persada dunia adalah dengan jaringan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di serata benua. USM sehingga kini aktif memainkan peranan dalam rangkaian kerjasama global melalui pelbagai program termasuk menubuhkan pusat kolaborasi antarabangsa, jaringan alumni luar negara, program pesisir antarabangsa, kolaborasi ekstensif industri dan pelbagai lagi.

Hakikatnya USM telah menepati kriteria yang diinginkan apatah lagi dengan pembuktian pelbagai kecemerlangan yang dikecapi sejak kebelakangan ini. Rakan kolaborasi USM juga mempunyai kredibiliti yang gah di mata dunia. USM bekerjasama dalam pelbagai cabang kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia termasuk University of Oxford, United Kingdom, Harvard University dan Yale University, Amerika Syarikat, Riken Institute dan Nagaoka University of Technology, Jepun, Lorraine University, Perancis dan banyak lagi.

Asia-Pacific University - Community Engagement Network (APUCEN) ialah jaringan libatsama yang menangani isu-isu kemasyarakatan melalui pemindahan serta pertukaran ilmu dalam kalangan komuniti terpinggir pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. APUCEN diwujudkan pada tahun 2010 dan diterajui oleh USM dan kini mempunyai sebanyak 87 ahli dalam kalangan institusi pengajian tinggi serta agensi NGO dan korporat dari 19 buah negara di seluruh dunia. APUCEN digunakan sebagai platform untuk setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) membina serta menyambung jaringan yang ada bagi mewujudkan jalinan kerjasama global yang lebih bersistematik.

Jalinan kerjasama global terus berkembang serta juga dicipta dalam pelbagai bidang dan juga institusi pendidikan termasuk Universite de Lorraine, Perancis; Hiroshima University dan Friedrich-Alexander Universitat, Erlangen-Nurnberg, Jerman; National Research Institute of Astronomy and Geophysics, Mesir; Xinyang University, China, Hadhramout Establishment for Human Development (HEHD) Yaman dan banyak lagi. Melalui kolaborasi global, kejayaan

USM berjaya menempatkan diri dalam kalangan komuniti antarabangsa ternama termasuk dengan Institut Penyelidikan RIKEN dan Toyohashi University of Technology Jepun, Yale, USA, Bath University, UK, Czech Republic dan universiti-universiti di Timur Tengah.

Penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings by Subject 2016 menyaksikan prestasi USM semakin meningkat dan program Kejuruteraan Kimia tersenarai dalam kelompok 50 terbaik dunia iaitu di tangga ke-46.

USM secara keseluruhannya telah meningkatkan prestasinya yang mana daripada lebih 40 program pengajiannya, 39 program telah dinilai, 22 program berada di kedudukan 200-300 kelompok terbaik dunia, sembilan di kelompok 100 terbaik dan satu program mendapat kedudukan ke-46.

USM juga mencapai tahap lima bintang dalam QS Stars Rated for Excellence 2016/2017 dan berada di tangga ke-33 pada QS World University Rankings Top 50 under 50 years old. Pada tahun 2016 juga, USM memprolehi status 5 bintang bagi 5 kategori daripada keseluruhan 8 kategori termasuk Fasiliti, Pengajaran, Inovasi, Pengantarabangsaan dan Kejuruteraan Kimia.

Para pensyarah USM juga menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti lantikan sebagai Penasihat International Youth Neuroscience Association, Johan bagi Reimagine Education Teaching Delivery Award 2016 serta lantikan sebagai pemerhati untuk program-program antarabangsa dalam menangani isu keganasan oleh "South East Asia Regional Centre for Counter Terrorism" (SEARCCT).

Selain di peringkat antarabangsa, USM juga hebat di peringkat kebangsaan dengan seorang pensyarahnya dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM) 2016, dua orang pensyarah wanita merangkul Anugerah L'Oréal-UNESCO yang diwujudkan khas untuk menghargai sumbangan besar penyelidik wanita dalam pembangunan bidang sains di Malaysia, seorang penyelidik diiktiraf sebagai Top Research Scientist Malaysia (TRSM), tiga orang saintis di Malaysia menerima *Malaysia's Rising Stars Award* dan seorang dipilih sebagai *Clarivate Analytics: Malaysia's Highly Cited Researchers Named Amongst the World's Most Influential Scientific Minds 2015*.



Enam jurnal terkemuka yang membariskan ketua-ketua editor dalam kalangan ahli akademik USM dan diterbitkan oleh Penerbit USM terpilih menerima Taraf Penyelidikan Terkini di Malaysia (CREAM) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Selain itu, dua judul buku terbitan Penerbit USM juga telah menerima Anugerah Buku Negara 2016 serta dua anugerah di Majlis Anugerah MAPIM-KPT 2015.



Bagi perkembangan bidang akademik, pada Jun 2016, Senat telah meluluskan penawaran program dwi ijazah yang membolehkan pelajar pengajian sepenuh masa mengikuti program ijazah yang kedua secara pendidikan jarak jauh. Universiti juga memperkenalkan *Graduate in Council* (GIC) iaitu polisi penyerahan skrol ijazah dan transkrip akademik kepada bakal graduan selepas kelulusan pengijazahan oleh Senat tanpa menghadiri Upacara Konvokesyen.

Tahun 2016, buat pertama kalinya, pemilihan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar USM Sidang 2016/2017 dibuat melalui rangkaian sistem yang dinamakan e-pilih yang telus, cekap dan berkesan. Sistem ini juga memudahkan proses pengiraan undi serta dapat mengurangkan penggunaan kertas bagi menyokong agenda kelestarian yang sinonim dengan USM.

Keseluruhan pelajar USM yang diterapkan dengan nilai *Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate dan Thinking* atau H.E.B.A.T. terus melakar kejayaan dengan memenangi pelbagai pertandingan serta pengiktirafan seperti dua orang pelajar dipilih menyertai misi Yayasan Sukarelawan Siswa ke Perancis di bawah Projek *'Kitchen in Calais'*, Anugerah Sukarelawan Terbaik Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN Green Summer Volunteer Campaign Vietnam 2016, Anugerah Ikon Muda 2016, *"The Best Cultural Academic Presentation"* di Karnival Varsiti IMT-GT di Thailand, Drama Tari Hang Tuah dan Puteri Gunung Ledang dipentaskan di Festival Seni Internasional 2016 Indonesia dan menjadi wakil tunggal universiti dari Malaysia.



Harapan kepada pelajar supaya terus berkecimpung dalam bidang keusahawanan serta mencipta pekerjaan berbanding mencari pekerjaan. USM terpilih buat pertama kalinya sebagai finalis dalam MOHE *Entrepreneurial Award* (MEA) 2016 atau Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi yang mula diadakan pada tahun 2012. Ini akan menjadi titik tolak kepada penglibatan pelajar dan juga warga USM dalam bidang keusahawanan selari dengan hasrat USM dalam penjana kewangan seperti yang disarankan oleh kerajaan.

Pengambilan pelajar antarabangsa juga terus meningkat dan pada ketika ini USM mempunyai pelajar dari lebih 70 buah negara yang mana lima negara yang paling ramai pelajar di sini adalah dari Indonesia, Iraq, Nigeria, Iran dan Pakistan.

## KESIMPULAN

Merealisasikan USM sebagai Universiti Global mengambil kira faktor masa hadapan, pencapaian melalui ciri-ciri Universiti Global, pencapaian semasa melebihi ciri-ciri itu serta melakarkan masa hadapan yang sesuai dengan aspirasi nasional dan masa hadapan global.

Usaha memantapkan prestasi dan menjayakan Universiti Global adalah selari dengan PPPM-PT yang memberikan penekanan kepada transformasi pendidikan tinggi untuk kecemerlangan melalui 10 lonjakan yang disokong dengan tindakan-tindakan berstrategik untuk peningkatan berterusan (*soaring upwards*).

Melalui keseluruhan kejayaan dan pencapaian USM pada tahun 2016, hasrat merealisasikan USM sebagai sebuah Universiti Global tidak mustahil lagi.

**Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan**

**Pengerusi**  
Lembaga Gabenor  
Universiti Sains Malaysia









A photograph of three young women sitting on a grassy lawn next to a pond. The woman on the left is a blonde with a denim shirt and colorful pants. The woman in the middle has dark hair and is wearing a striped shirt. The woman on the right is wearing glasses, a white patterned shirt, and a backpack. The background shows a large pond, trees, and a building in the distance. A semi-transparent grey banner with white text is overlaid on the top right of the image.

## AKADEMIK & ANTARABANGSA



# [ AA ]

## AKADEMIK & ANTARABANGSA



### PENGENALAN

Selari dengan hasrat Universiti untuk menghasilkan program akademik yang berdaya saing, menggunakan kurikulum yang menekankan kepada keperluan pasaran, kebolehpasaran graduan yang tinggi serta akademik bersifat global untuk pasaran antarabangsa, beberapa usaha telah dilaksanakan.

Antaranya ialah penawaran program Doktor Falsafah secara pesisir oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) dan The Hong Kong Management (HKMA). HKMA adalah sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan (*non-profit organisation*) dan telah menawarkan beberapa program akademik dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi di United Kingdom, Eropah, Australia dan China. HKMA juga telah menjalankan kolaborasi dengan Warwick University, United Kingdom bagi program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). Program PhD secara pesisir dengan HKMA ini merupakan suatu inisiatif yang baik dalam meluaskan jaringan kolaborasi, menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam aspek pendidikan fleksibel dan meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa USM.

Selain itu, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) juga telah menambah lokasi bagi program Sarjana Pendidikan mod kerja kursus secara pesisir dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam. Pemilihan ini berdasarkan rasional kemudahan infrastruktur yang mencapai tahap pengajaran dan pembelajaran lengkap pengajian ijazah tinggi dan lokasi yang strategik bagi kumpulan sasaran. PPIP telah mengadakan lawatan ke lokasi tersebut untuk melihat sendiri kemudahan yang disediakan dan kesesuaian lokasi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.



Bilangan minimum pelajar berdaftar yang disasarkan untuk Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun adalah 50 orang pelajar. Sehingga kini, PPIP telah menawarkan program secara pesisir (*offshore*) di lokasi berikut:

- i. Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Pongsu Seribu
- ii. Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak
- iii. Institut Pendidikan Guru, Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah

Seterusnya bagi merealisasikan perancangan strategik USM APEX 2020, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) telah menawarkan program Dwi Ijazah (*Double Degree*) untuk semua program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan. Pelajar Ijazah Pertama yang sedang mengikuti pengajian penuh masa boleh memohon mengikuti ijazah kedua melalui pengajian jarak jauh. Program seperti ini dilihat mampu menghasilkan graduan yang mempunyai nilai tambah di pasaran kerja serta lebih kompetitif dalam ekonomi global.

Selain itu, Pusat Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) juga telah menawarkan program Dual Doktor Falsafah bersama Faculty of Health Sciences, Curtin University, Australia. Penawaran program ini akan meningkatkan keupayaan INFORMM bersaing di arena global dan menjadi tempat tumpuan untuk latihan dan penyelidikan serta inovasi dalam bidang perubatan molekul dan meningkatkan tahap kompetensi pelajar melalui penyelidikan kolaborasi dan bertaraf antarabangsa.

## PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

### Kualiti Graduan

- i. Ijazah Pertama

Pada tahun 2016, seramai 5,007 orang pelajar telah berijazah. Statistik graduan adalah seperti berikut:

| Rancangan Pengajian Ijazah Pertama Dan Diploma | Jumlah Keseluruhan |
|--|--------------------|
| Penuh Masa                                     | 3,438              |
| Pengajian Jarak Jauh                           | 1,117              |
| Usaha Sama Akademik                            | 26                 |
| Doktor Pergigian                               | 42                 |
| Doktor Perubatan                               | 187                |
| Doktor Perubatan - KLE/India                   | 110                |
| Diploma Kejururawatan                          | 87                 |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                      | <b>5,007</b>       |

- ii. Ijazah Tinggi

Pada tahun 2016, seramai 2,026 orang pelajar Ijazah Tinggi peringkat Ijazah Kedoktoran dan Sarjana telah berijazah. Prestasi pelajar mengikut tempoh masa bergraduan adalah seperti berikut:



| Ijazah/Tempoh                 | < 30 bulan | 30-35 bulan | 36-42 bulan (GOT) | 43-48 bulan | > 48 bulan | Jumlah       |
|-------------------------------|------------|-------------|-------------------|-------------|------------|--------------|
| Doktor Falsafah               | 3          | 16          | 59                | 58          | 378        | 514          |
| Doktor Pendidikan             | -          | -           | -                 | 2           | 11         | 13           |
| Doktor Pentadbiran Perniagaan | -          | -           | 1                 | 2           | 3          | 6            |
| Sarjana                       | 858        | 111         | 157               | 73          | 294        | 1,493        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>     |            |             |                   |             |            | <b>2,026</b> |

Daripada jumlah ini, seramai 1,671 orang merupakan pelajar tempatan, manakala 355 orang lagi adalah pelajar antarabangsa.

Yang berikut ialah statistik pelajar ijazah kedoktoran yang mendapat GoT (*Graduate on Time*):

| Tahun                     | Jumlah     |
|---------------------------|------------|
| 2014                      | 87         |
| 2015                      | 87         |
| 2016                      | 60         |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>234</b> |

#### Program Akademik Baharu - Sarjana Melalui Mod Kerja Kursus/Campuran

| Bil | Program  | Pusat Tanggungjawab  |
|-----|--|--|
| 1   | Sarjana Sains (Sains Senaman Klinikal) Melalui Mod Kerja Kursus                      | Institut Perubatan dan Pergigian Termaju   |
| 2   | Sarjana Sains (Sains Data dan Analitik) melalui Mod Kerja Kursus                     | Pusat Pengajian Sains Komputer   |
| 3   | Subkepakaran Baharu Doktor Kesihatan Awam (Pengurusan Sistem Kesihatan)              | Pusat Pengajian Sains Perubatan  |
| 4   | Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem <i>Terbenam</i> ) Melalui Mod Campuran            | Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat Pengajian Sains Komputer, Pusat Kecemerlangan Usahasama Reka Bentuk Mikroelektronik (CEDEC) dan Pusat IPv6 Termaju Negara (NAv6) |
| 5   | Penawaran Program Baharu Sarjana Sains (Sains Persekitaran) Melalui Mod Kerja Kursus | Pusat Pengajian Teknologi Industri   |
| 6   | Penawaran Program Sarjana Seni Bina melalui Mod Kerja Kursus                         | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.   |
| 7   | Program Sarjana Sains (Perubatan Molekul) Secara Mod Campuran                        | Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)  |



**Program Akademik Baharu - Sarjana Melalui Mod Penyelidikan**

| Bil. | Program  | Pusat Tanggungjawab  |
|------|--|--|
| 1    | Sarjana Sains (Biokimia Analitikal)<br>Doktor Falsafah<br>Bidang : Biokimia Analitikal                                 | Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis (ABrC)                      |
| 2    | Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Mikroelektronik)<br>Doktor Falsafah<br>Bidang : Kejuruteraan Sistem Mikroelektronik | Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik (CEDEC) |
| 3    | Sarjana Sains (Sains Farmaseutikal)  | Pusat Pengajian Sains Farmasi                                    |
| 4    | Sarjana Sains (Optoelektronik)<br>Doktor Falsafah<br>Bidang : Optoelektronik   | Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik (INOR)   |

**Semakan/Penambahbaikan Kurikulum**

| Bil | Program   | Pusat Tanggungjawab                                 |
|-----|---|---|
| 1   | Penstrukturan Semula Program 3 tahun ke 4 tahun oleh Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Perancangan Bandar dan Wilayah) kepada Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian)<br><br>Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Reka Bentuk Dalaman) kepada Sarjana Muda Seni Bina Dalaman (Kepujian) | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan |
| 2   | Semakan Semula Kurikulum dan Penawaran Subkepakaran Baharu Program Doktor Kesihatan Awam (DrPH)   | Pusat Pengajian Sains Perubatan                     |
| 3   | Penambahbaikan Program Sarjana Sains (Peralatan Kimia) Melalui Mod Campuran   | Pusat Pengajian Sains Kimia.                        |
| 4   | Penambahbaikan Kurikulum Sarjana Sains (Sains Transfusi)  | Institut Perubatan dan Pergigian Termaju            |
| 5   | Semakan Kurikulum Sarjana Perubatan (Perubatan Transfusi)   | Institut Perubatan dan Pergigian Termaju            |



### Program Dual/Dwi Ijazah Bersama

| Bil | Program   | Pusat Tanggungjawab                               |
|-----|---|---|
| 1.  | <b>Program Dwi Ijazah</b><br>- Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Biologi)<br>- Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Fizik)<br>- Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kimia)<br>- Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Matematik)<br>- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Geografi)<br>- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Kesusasteraan)<br>- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Sejarah)<br>- Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Antropologi-Sosiologi)<br>- Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Ekonomi)<br>- Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Sains Politik)<br>- Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) (Kewangan)<br>- Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) (Perlakuan Organisasi)<br>- Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) (Pemasaran) | Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh             |
| 2.  | Program Baharu Dual Doktor Falsafah (PhD) Antara Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) dan <i>Faculty of Health Sciences, Curtin University, Western Australia</i>  | Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) |

### Program Secara Pesisir (Offshore)

| Bil | Program  | Pusat Tanggungjawab                       |
|-----|--|---|
| 1.  | Program Doktor Falsafah secara Pesisir (Offshore) dengan Usahasama <i>The Hong Kong Management Association (HKMA)</i>  | Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) |
| 2.  | Penambahan Lokasi Pengajian Secara Pesisir untuk Sarjana Pendidikan<br>- Universiti Teknologi MARA, Kelantan 18500 Machang, Kelantan<br>- Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang | Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan           |

### Massive Open Online Courses (MOOC)

Tiga MOOC yang dibangunkan di bawah inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global kini berada di tahap kemajuan seperti yang berikut:

| Bil | Tajuk  | % Siap |
|-----|--|--------|
| 1   | <b>Quantitative Economics</b><br>(Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh)   | 80     |
| 2   | <b>Microprocessors &amp; Embedded System</b><br>(Pusat Pengajian Sains Komputer)   | 100    |
| 3   | <b>Managing Information Overload</b> menggantikan <b>Primary Products Technology</b><br>(Pusat Pengajian Teknologi Industri) | 100    |

Pembangunan kursus telah dilakukan dengan jayanya dengan usaha gigih pensyarah yang terlibat dengan bantuan PTPM, Pengurus, Penolong Pengurus MOOC dan Pegawai Penyelidik yang dilantik oleh CDAE. Ketiga-tiga MOOC telah dimuat naik ke platform Open Learning dan dibuka untuk penyertaan.



### Bengkel E-Pembelajaran dan *Student-Centred Learning*

Sepanjang tahun 2016, CDAE telah menganjurkan 34 bengkel dengan jumlah kehadiran seramai 650 peserta di kampus induk manakala di kampus kesihatan, 19 kursus keseluruhannya dengan bilangan peserta seramai 249 orang.

Jadual di bawah memperincikan bengkel yang dijalankan di kampus induk dan kampus kesihatan.

#### Kampus Induk

| Bengkel                        | Jumlah Bengkel | Jumlah Peserta |
|--------------------------------|----------------|----------------|
| ToD e-Pembelajaran             | 13             | 307            |
| Bengkel Latihan e-Pembelajaran | 17             | 236            |
| ToT e-Pembelajaran             | 2              | 64             |
| ToD SCL                        | 2              | 43             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>      | <b>34</b>      | <b>650</b>     |



## Kampus Kesihatan

| Bengkel                        | Jumlah Bengkel | Jumlah Peserta |
|--------------------------------|----------------|----------------|
| Bengkel Latihan e-Pembelajaran | 12             | 188            |
| Bengkel Latihan SCL            | 7              | 61             |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>      | <b>19</b>      | <b>249</b>     |

\*ToD = *Training on Demand*

ToT = *Training of Trainers*

### Latihan dan Pembangunan Portfolio bagi Calon Anugerah Akademik Negara

Pada tahun ini, CDAE telah mengadakan satu bengkel Latihan Membangunkan Portfolio Pengajaran kepada beberapa pensyarah dalam usaha membimbing dan mempersiapkan mereka sebagai calon yang boleh diketengahkan oleh USM dalam Anugerah Akademik Negara (kategori Pengajaran). Hasil usaha ini, dua pensyarah telah disenarai pendek untuk dinilai di peringkat akhir.

### E-Masters USM

CDAE terlibat dalam menyelaras pembangunan kursus sarjana dalam talian yang bakal ditawarkan di bawah e-Masters USM. Sebanyak 64 program sarjana (kerja kursus) berpotensi untuk ditawarkan dalam bentuk e-Masters. Program ini akan mempunyai dua 'cohort' pelajar iaitu pelajar sepenuh masa dan juga pelajar dalam talian.

Matlamat program ini ialah untuk memberikan peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mengikuti program sarjana (mod kerja kursus) memandangkan pengambilan pelajar tidak lagi terhad kepada penggunaan ruang kuliah. Selain itu, program ini dilihat sebagai program yang mampu menjana kewangan kepada USM.

CDAE membantu dengan sebaik mungkin, empat PTJ (Pusat Pengajian Sains Komputer, Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia, Pusat Pengajian Komunikasi dan INFORMM) yang telah bersetuju untuk membangunkan kursus sarjana dalam talian. Usaha pembangunan ini sedang giat diteruskan.

### Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran 2016

Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran 2016 untuk pensyarah baharu telah selesai dijalankan pada 18-29 Julai 2016. Seramai 41 pensyarah baharu telah mengikuti kursus kali ini. Pengisian kursus telah diteliti dengan sebaiknya agar merangkumi perkara-perkara yang perlu diketahui oleh pensyarah baharu sebagai asas dalam membentuk diri untuk menjadi pensyarah yang komited dalam pengajaran. Penceramah jemputan juga telah dipilih dalam kalangan pensyarah yang berpengalaman dan telah menunjukkan prestasi pengajaran yang cemerlang.

Setelah selesai menjalani kursus, pensyarah perlu menyiapkan portfolio pengajaran dan cerapan pengajaran sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam jawatan.

Maklum balas daripada peserta secara keseluruhan amat positif.





## e-Penerbitan

Dua e-penerbitan telah berjaya dihasilkan iaitu:

- i. *The Power of Storytelling*
- ii. *Social Media in Today's Classrooms*

Kedua-duanya boleh dimuat turun daripada laman web <https://cdae.usm.my>



### Perjumpaan dengan Dekan/Timbangan Dekan Akademik

Untuk menggerakkan lagi agenda pengajaran dan pembelajaran USM, perjumpaan secara terus dengan dekan atau timbalan dekan akademik pusat pengajian telah mula dijalankan pada tahun 2016.

Antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan ini ialah program pembangunan bakat staf akademik. Dalam program ini, dicadangkan agar sekurang-kurangnya dua bengkel dijalankan di peringkat PTJ, setiap satu daripada aspek pedagogi dan e-pembelajaran.

Setakat ini, hasil daripada pertemuan ini amat memberangsangkan dengan 5 daripada 6 PTJ yang dikunjungi telah melaksanakan bengkel e-pembelajaran dengan penyertaan yang baik daripada staf akademik PTJ tersebut.

Selain itu, perbincangan juga menyentuh tentang:

- i. Pelaksanaan e-pembelajaran penilaian dalam talian di akhir kursus oleh pelajar, khususnya kerjasama daripada PTJ untuk meningkatkan bilangan penilaian.
- ii. Program pembangunan bakat pelajar yang telah dimulakan pada semester I Sidang Akademik 2016/2017.

### Sistem Intervensi Akademik Pelajar (SIAP)

Merupakan satu program pembangunan pelajar untuk pelajar percubaan pusat pengajian yang dijalankan pada setiap semester. Program ini dijalankan dengan kerjasama Felo Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik & Pembangunan Pelajar (CDAE) iaitu Dr. Aidiahmad Dewa dari Pusat Pengajian Sains Farmasi.

Bagi semester II, Sidang Akademik 2016/17 seramai 185 pelajar terlibat sebagai Pelajar Percubaan (berstatus P1 atau P2).

Dalam program ini, CDAE telah membantu pelajar mengenal pasti masalah yang mengganggu pembelajaran mereka serta berusaha mencari cara mengatasinya. Selain itu, pelajar juga diberikan semula semangat dan keyakinan dengan menunjukkan bagaimana markah CGPA mereka boleh ditingkatkan semula.

| Bil | Pusat Pengajian          | Jumlah Pelajar |    |        |
|-----|--------------------------|----------------|----|--------|
|     |                          | P1             | P2 | Jumlah |
| 1   | Ilmu Kemanusiaan         | 2              | 3  | 5      |
| 2   | Sains Kemasyarakatan     | 2              | 2  | 4      |
| 3   | Sains Fizik              | 5              | 4  | 9      |
| 4   | Komunikasi               | 6              | 1  | 7      |
| 5   | Ilmu Pendidikan          | 5              | 1  | 6      |
| 6   | Pengurusan               | 11             | 4  | 15     |
| 7   | Seni                     | 5              | 1  | 6      |
| 8   | Perumahan Bangunan       | 7              | 4  | 11     |
| 9   | Sains Kimia              | 7              | 3  | 10     |
| 10  | Sains Matematik          | 8              | 3  | 11     |
| 11  | Sains Kajihayat          | 8              | 2  | 10     |
| 12  | Sains Komputer           | 14             | 2  | 16     |
| 13  | Sains Farmasi            | -              | 2  | 2      |
| 14  | Teknologi Industri       | -              | -  | -      |
| 15  | Kejuruteraan Aeroangkasa | 6              | 1  | 7      |
| 16  | Kejuruteraan Kimia       | 4              | 1  | 5      |
| 17  | Kejuruteraan Mekanik     | 8              | 4  | 13     |
| 18  | Kejuruteraan Awam        | 3              | 0  | 3      |



| Bil                       | Pusat Pengajian                     | Jumlah Pelajar |           |            |
|---------------------------|-------------------------------------|----------------|-----------|------------|
|                           |                                     | P1             | P2        | Jumlah     |
| 19                        | Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral | 14             | 1         | 15         |
| 20                        | Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  | 16             | 9         | 25         |
| 21                        | Sains Kesihatan                     | 2              | 4         | 6          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                     | <b>133</b>     | <b>52</b> | <b>185</b> |

Jadual di bawah merupakan pecahan Program Pembangunan Pelajar yang telah dijalankan kepada pelajar berstatus percubaan.

| Bil                                 | Pusat Pengajian                     | Tempat   | Tarikh/Masa                        |
|-------------------------------------|-------------------------------------|--|------------------------------------|
| <b>Kumpulan I</b>                   |                                     |  |                                    |
| 1                                   | Ilmu Kemanusiaan                    | PP Sains Kemasyarakatan<br>-Bangunan C06-                | 21 Okt 2016<br>2.45 p.m -5.00 p.m  |
|                                     | Sains Kemasyarakatan                |  |                                    |
|                                     | Sains Fizik                         |  |                                    |
|                                     | Komunikasi                          |  |                                    |
| <b>Kumpulan II</b>                  |                                     |  |                                    |
| 2                                   | Ilmu Pendidikan                     | PP Pengurusan<br>-Bilik Persidangan-                     | 18 Okt 2016<br>9.30 a.m -11.30 a.m |
|                                     | Pengurusan                          |  |                                    |
|                                     | Seni                                |  |                                    |
|                                     | Perumahan Bangunan                  |  |                                    |
| <b>Kumpulan III</b>                 |                                     |  |                                    |
| 3                                   | Sains Kimia                         | PP Sains Kimia<br>-Bilik Persidangan-                    | 21 Okt 2016<br>9.30 a.m -12.15 p.m |
|                                     | Sains Matematik                     |  |                                    |
|                                     | Sains Kajihayat                     |  |                                    |
|                                     | Sains Komputer                      |  |                                    |
|                                     | Sains Farmasi                       |  |                                    |
|                                     | Teknologi Industri                  |  |                                    |
| <b>Kumpulan Kampus Kejuruteraan</b> |                                     |  |                                    |
| 4                                   | Kejuruteraan Aeroangkasa            | PP Kejuruteraan Elektrik & Elektronik<br>-Bilik Seminar- | 18 Okt 2016<br>2.00 p.m – 4.00 p.m |
|                                     | Kejuruteraan Kimia                  |  |                                    |
|                                     | Kejuruteraan Mekanik                |  |                                    |
|                                     | Kejuruteraan Awam                   |  |                                    |
|                                     | Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral |  |                                    |
|                                     | Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  |  |                                    |
| <b>Program Utama Siap</b>           |                                     |  |                                    |
| 5                                   | Program Pembangunan Pelajar         | Dewan Utama Peperiksaan B                                | 15 Disember 2016                   |

### Lunch & Learn

Merupakan program yang dijalankan untuk membantu pelajar memperbaiki prestasi akademik selain mempersiapkan mereka untuk alam kerjaya.

Program ini mendapat sambutan hangat daripada pelajar dengan purata kehadiran bagi setiap sesi seramai 350 orang.

Pelajar yang hadir telah diminta melengkapkan borang maklum balas (bertujuan untuk penambahbaikan program) untuk melayakkan mereka diberi markah MyCSD, satu mata untuk setiap satu jam kehadiran.

Jadual di bawah memberikan butiran program yang dijalankan.

| Bil | Tarikh                 | Tajuk  | Penceramah  | Kehadiran<br>(Yang Direkodkan) |
|-----|------------------------|--|---|--------------------------------|
| 1   | 11 Oktober<br>2016     | <i>Fun Learning &amp; Optimizing Performance</i> | Dr. Aidiahmad Dewa<br>Pusat Pengajian Sains Farmasi                 | 314                            |
| 2   | 13 Oktober<br>2016     | <i>Take Control of Your Time</i>                 | Prof. Madya Dr. Azizah Omar<br>Pusat Pengajian Pengurusan           | 341                            |
| 3   | 20 Oktober<br>2016     | <i>Search Inside Yourself</i>                    | Dr. Yeoh Khar Kheng<br>Pusat Pengajian Sains Kimia                  | 329                            |
| 4   | 3 November<br>2016     | <i>Technology Skills to Avoid Plagiarism</i>     | Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden<br>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan | 333                            |
| 5   | 8 November<br>2016     | <i>Communication Skills</i>                      | Dr. Hazlina Hashim<br>Pusat Pengajian Komunikasi                    | 329                            |
| 6   | 10<br>November<br>2016 | Keterampilan Diri<br>Menghadapi Kerjaya          | Prof. Madya Dr. Azizah Omar<br>Pusat Pengajian Pengurusan           | 374                            |

## KUALITI AKADEMIK

### a) Ringkasan Eksekutif

Bahagian Jaminan Kualiti Akademik (*Academic Quality Assurance, QA*) Pusat Kualiti Universiti (PKU) menjalankan tiga tugas utama (*Terms of Reference, TOR*) seperti berikut:

- i. Memastikan semua program akademik USM mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
- ii. Menjalankan proses audit dalaman akreditasi program akademik (bukan profesional) prasiswazah dan pascasiswazah sedia ada, selaras dengan status swaakreditasi USM.
- iii. Memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada semua PTJ untuk memastikan semua program yang dirancang dan ditawarkan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Standard Program Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan proses kajian semula kurikulum dilakukan mengikut jadual.

### b) Audit Dalaman Program Akademik Pascasiswazah

Berikut adalah ringkasan aktiviti PKU, pada suku akhir tahun bermula daripada Ogos hingga Disember 2016:

#### i. Audit Penuh Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan

Proses audit dalaman program akademik peringkat prasiswazah / sarjana muda dilaksanakan sebagai memenuhi syarat swaakreditasi (*self accreditation*) program akademik untuk pendaftaran dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*).



Pada Ogos-Disember 2016, program prasiswazah yang telah melalui proses audit dalaman adalah seperti berikut:

| Tarikh            | Bidang Pengkhususan   |
|-------------------|---|
| 26 – 27 Ogos 2016 | <p>Bidang Pengkhususan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ekonomi</li> <li>2. Antropologi dan Sosiologi</li> <li>3. Pengurusan dan Pembangunan</li> <li>4. Sains Politik</li> </ol> <p>Panel Auditor</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Prof. Madya Dr. Sofri Yahya (Pengerusi)</li> <li>2. Prof. Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad</li> <li>3. Profesor Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid</li> <li>4. Prof. Madya Dr. Zaini Omar</li> <li>5. Dr. Ku Azam Tuan Lonik</li> <li>6. Dr. Mohd Faiz Hilmi</li> <li>7. Dr. Suresh Kumar N Vellymalay</li> </ol> |

#### Audit Penuh Sarjana Muda Teknologi Pusat Pengajian Teknologi Industri

Program Prasiswazah yang melalui proses Audit Penuh ialah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) Pusat Pengajian Teknologi Industri. Audit dalaman program akademik ini pada asalnya dijadualkan pada 5-7 Disember 2016, tetapi perlu ditangguhkan ke bulan Februari 2017, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan/dijangkakan.

| Tarikh              | Pusat Pengajian/Program  |
|---------------------|--|
| 28 Feb & 1 Mac 2017 | <p>Pusat Pengajian Teknologi Industri</p> <p>Program Akademik</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian)(Bioproses)</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian)(Makanan)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) (Persekitaran)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian)(Biosumber, Kertas &amp; Penglitup)</li> </ol> |

#### c) Semakan Dokumen MSA Program Akademik Pascasiswazah

PKU terlibat secara langsung dalam memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada semua PTJ untuk memastikan semua program yang dirancang dan ditawarkan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan juga standard program MQA.

Jabatan Pendidikan Tinggi melalui surat edaran maklumat berkenaan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi tahun 2016 telah menyatakan bahawa Universiti Awam (UA) yang memohon program akademik baharu meliputi peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran hendaklah membentangkan permohonan melalui Mesyuarat Saringan Awal.

Peranan JKPT melalui mesyuarat JKPT dan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) adalah untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan program akademik baharu yang berkualiti, berdaya maju dan lestari agar sejajar dengan keperluan guna tenaga negara dan dasar pendidikan tinggi bagi melahirkan graduan

yang berdaya saing di peringkat negara dan antarabangsa.

Sehubungan itu PKU telah bertanggungjawab membuat semakan dokumen program akademik baharu untuk pertimbangan Mesyuarat Saringan Awal di Jabatan Pengajian Tinggi. JKPT melalui Mesyuarat Saringan Awal (MSA) Bil. 7/2016 yang bersidang pada 22 September 2016 telah memperakukan program-program akademik baharu seperti berikut:

| Bil. | Program Akademik   | Pusat Pengajian/Pusat/Institut                                     |
|------|--|--|
| 1    | Sarjana Sains (Sains Data & Analitik)                      | PP Sains Komputer  |
| 2    | Sarjana Sains (Sains Persekitaran)                         | PP Teknologi Industri  |
| 3    | Sarjana Sains (Sains Farmaseutikal)                        | PP Sains Farmasi   |
| 4    | Sarjana Sains (Optoelektronik)                             | Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano Optoelektronik (INOR)     |
| 5    | Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Mikroelektronik)        | Pusat Usaha sama Kecemerlangan Reka bentuk Mikroelektronik (CEDEC) |
| 6    | Doktor Falsafah Bidang Kejuruteraan Sistem Mikroelektronik | Pusat Usaha sama Kecemerlangan Reka bentuk Mikroelektronik (CEDEC) |
| 7    | Doktor Falsafah Bidang Optoelektronik                      | Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano Optoelektronik (INOR)     |

Namun begitu, mulai Ogos 2016 UA tidak perlu lagi mengemukakan permohonan penawaran program sarjana dan kedoktoran secara penyelidikan dengan dokumen MSA. Walau bagaimanapun pemakluman tanpa pembentangan masih perlu dilakukan melalui JKPT bagi memenuhi keperluan akreditasi MQA, pendaftaran kelayakan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), pengiktirafan JPA dan pembiayaan IPPTN. Melalui makluman tersebut pihak kementerian akan mengeluarkan surat kelulusan pengendalian program kepada USM.



### Program Akademik Gustavus - Semester in Malaysia

Program akademik antara Universiti Sains Malaysia dan Gustavus Adolphus College, Amerika Syarikat telah dilancarkan pada tahun 2014. Program akademik satu semester ini dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan selepas kejayaan penganjuran pada tahun 2014, kedua-dua institusi bersetuju untuk menjayakan program ini bagi kali kedua, iaitu pada 11 Februari hingga 31 Mei 2016

Pelajar yang mengikuti program ini perlu melalui empat modul yang direka khas oleh pihak USM dan Gustavus Adolphus College. Antara Pusat Pengajian yang terlibat dalam program ini ialah Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan, Pusat Pengajian Sains Kajian, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan.

Empat modul tersebut ialah:

#### i. Modul 1: Ekologi Tropika

Kursus ini memantapkan pelajar dengan pengalaman amali dalam persekitaran tropika di Semenanjung Malaysia, terutamanya dalam kepelbagaian biologi, ekologi dan pemuliharaan. Melalui kuliah dan kerja lapangan, pelajar akan dapat memahami pelbagai konsep ekologi. Ini akan memberikan pemahaman yang luas tentang kepelbagaian ekologi dan struktur serta fungsi pelbagai ekosistem tropika di Malaysia, termasuk hutan hujan tropika, paya bakau, terumbu karang, dan agro-ekosistem.

#### ii. Modul 2: Budaya dan Bahasa Malaysia

Kursus ini direka sebagai pengenalan kepada pelajar asing untuk mempelajari Bahasa Malaysia peringkat asas. Kursus ini meliputi empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat bertutur, membaca, dan menulis menggunakan Bahasa Malaysia yang mudah dalam kehidupan harian.

#### iii. Modul 3: Pengalaman Keagamaan di Malaysia

Kursus ini ialah satu pengenalan kepada agama-agama utama yang diamalkan di Malaysia. Kandungan kursus ini merangkumi pemahaman umum terhadap konsep agama, sistem kepercayaan asas dan amalan-amalan spesifik yang terdapat dalam Islam, Hinduisme, Buddhisme, Sikhisme, dan Kristianiti, serta ciri-ciri keagamaan yang menarik dalam konteks Malaysia. Beberapa bidang utama yang dikaji dan dibincangkan ialah pengertian mengenai realiti muktamad, etika, penyelamatan dan hidup lepas mati, upacara, justifikasi kepercayaan, pengalaman keagamaan, dan kemajmukan agama.

#### iv. Modul 4: Kehidupan dalam Kepelbagaian

Kursus ini merupakan pengenalan kepada sejarah, budaya, politik dan sastera Malaysia. Ia menyetengahkan topik seperti proses kemerdekaan, hubungan etnik dan perpaduan negara, peranan agama dalam politik dan budaya Malaysia, trend utama dalam kontemporari Malaysia serta Malaysia dalam dunia moden.

Seramai 12 orang pelajar yang terlibat dalam program ini dan mereka menetap di Desasiswa Saujana, Restu, Aman Damai dan Indah Kembara. Sesi pembelajaran dan pengajaran dijalankan dalam suasana formal dan *informal settings* iaitu di makmal dan bilik kuliah. Modul berkenaan diajar oleh kakitangan akademik, penceramah jemputan dan beberapa *on-site instructors*.

Ahli pakar daripada kawasan tempatan juga turut serta dalam kelas yang dijalankan sebagai memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba pengalaman dan pendedahan kepada budaya setempat. Selain itu, menerusi program ini pelajar juga telah menjalani lawatan ilmiah dan kerja lapangan ke beberapa lokasi di sekitar Semenanjung Malaysia. Berikut senarai aktiviti lawatan ilmiah dan kerja lapangan yang dihadiri oleh para pelajar program ini:

- i. Bukit Merah, Perak
- ii. Muka Head, Pulau Pinang
- iii. Balik Pulau, Pulau Pinang
- iv. Pulau Redang, Terengganu
- v. Bandar Melaka, Melaka
- vi. Batu Caves, Selangor
- vii. Seberang Perai, Pulau Pinang

Pada penghujung program ini, para pelajar telah mengadakan pembentangan kertas kerja penyelidikan serta menduduki beberapa peperiksaan akhir yang dikendalikan dan disemak oleh pensyarah akademik yang terlibat. Program ini tamat dengan jayanya pada 31 Mei 2016.

Dengan mengambil kira kejayaan program ini, pihak Gustavus telah bersetuju agar program akademik ini dijalankan secara berterusan setiap dua tahun. Program Akademik Gustavus "*Semester in Malaysia (Living Diversity)*" seterusnya akan diadakan pada Februari hingga Mei 2018.







## IPS USM@KL

IPS USM@KL memainkan peranan sebagai pusat penawaran program Ijazah Tinggi USM di Kuala Lumpur dalam usaha meneroka pasaran baharu dan menyediakan program-program latihan untuk pasaran peringkat antarabangsa dalam dan luar negara. Tiga program Ijazah Tinggi yang ditawarkan di IPS USM@KL adalah seperti berikut:

- i. Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu)
- ii. Sarjana Amalan Pembangunan Lestari
- iii. Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan)

Bagi program Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu), seramai lima orang pelajar telah berijazah pada majlis Konvokesyen ke-53 USM pada 30 April 2016 manakala seramai 20 orang pelajar telah berijazah pada 25 Oktober 2016, termasuk enam orang pelajar program Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan).

## PROGRAM DOKTOR PERUBATAN USM-KLE SOCIETY, INDIA

Pada tahun 2016, jumlah enrolmen pelajar bagi program Doktor Perubatan USM-KLE IMP di Belgaum, India adalah seramai 523 orang. Jumlah kemasukan pelajar bagi tahun 1 Sidang Akademik 2015/2016 ialah seramai 100 orang.

Kumpulan pertama pelajar USM-KLE IMP yang telah berijazah pada Sidang Akademik 2014/2015 yang lepas ialah seramai 48 orang dan pada Sidang Akademik 2015/2016 kumpulan kedua pelajar telah berijazah ialah seramai 110 orang. Berikut ialah statistik pelajar USM-KLE IMP sidang 2015/2016 secara terperinci:

| Tahun Pengajian | Lelaki | Perempuan | Jumlah Pelajar |
|-----------------|--------|-----------|----------------|
| Tahun 1         | 21     | 79        | 100            |
| Tahun 2         | 37     | 63        | 100            |
| Tahun 3         | 41     | 76        | 117            |
| Tahun 4         | 34     | 62        | 96             |
| Tahun 5         | 43     | 67        | 110            |
| Jumlah          | 176    | 347       | 523            |

Seterusnya, seramai 99 orang pelajar baharu iaitu 60 perempuan dan 39 orang lelaki telah mendaftar pada Sidang Akademik 2016/2017.

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh telah merancang dan menyediakan pelbagai program dan aktiviti latihan untuk diikuti masyarakat setempat pada semua peringkat umur tanpa mengira jantina, kaum dan agama seperti yang berikut:

- i. Kursus Pendidikan Berterusan (dalam talian, jangka panjang - akan datang)
- ii. Kursus Pendidikan Berterusan (dalam talian, 22 kursus jangka pendek)
- iii. Bengkel Latihan/Kursus Pendek (bersemuka)
- iv. Seminar Motivasi (bersemuka untuk pelajar sekolah)
- v. Kursus-kursus atau bengkel lain berdasarkan permintaan

Antara objektif program ini adalah:

- i. Menyediakan kursus yang berinovatif secara pendidikan jarak jauh dengan menggunakan bahan pembelajaran sendiri dan ICT tanpa memerlukan perjumpaan bersemuka.
- ii. Menyediakan kursus yang bersesuaian untuk tujuan peningkatan pengetahuan dan kemahiran di dalam pelbagai bidang termasuk bidang Pengurusan, Bahasa, Sains & Teknologi, Kesusasteraan, Sains Sosial, Alam Sekitar dan Pendidikan.
- iii. Menyediakan peluang bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menambah nilai sijil SPM mereka untuk tujuan mendapatkan kerjaya.



- iv. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi mereka yang sudah berkerjaya untuk pembangunan diri berterusan.
- v. Menyediakan kursus yang bersesuaian dengan kepakaran yang sedia ada di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM dengan kos sederhana dan tempoh pembelajaran yang singkat.
- vi. Menyokong dasar pendidikan sepanjang hayat untuk masyarakat.

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapatkan ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu menggembleg potensi individu menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran, memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Menerusi PSH, pendidikan tidak terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.



# 10 LONJAKAN PPPM (PT)




## AKTIVITI PENGANTARABANGSAAN

### a) Program Pertukaran Pelajar Universiti Luar Negara di USM (*Inbound*)

Pada tahun 2016, seramai 365 orang pelajar luar negara telah mengikuti program pertukaran pelajar di USM (*inbound*). Berikut adalah butiran program tersebut:

Program Pertukaran Pelajar Universiti Luar Negara (*Inbound*)





Maklumat terperinci berkaitan program ini adalah seperti berikut:

| Bil. | Negara Asal      | Jumlah Pelajar | Universiti   | Bil. Pelajar |          |
|------|------------------|----------------|--|--------------|----------|
|      |                  |                |  | Pra-Siswazah | Siswazah |
| 1    | Amerika Syarikat | 1              | Pacific Northwest College of Art                   | 1            |          |
| 2    | Austria          | 22             | University of Applied Sciences Kufstein            | 22           |          |
| 3    | Belgium          | 4              | University Saint-Louis                             | 4            |          |
| 4    | Brunei           | 22             | Universiti Brunei Darussalam                       | 22           |          |
| 5    | China            | 4              | City Universiti of Hong Kong                       | 1            |          |
|      |                  |                | Ji Nan University                                  |              | 2        |
|      |                  |                | Xi'an Jiaotong University                          |              | 1        |
| 6    | Denmark          | 4              | Copenhagen Business School                         | 4            |          |
| 7    | Finland          | 34             | Häme University of Applied Sciences                | 5            |          |
|      |                  |                | Helsinki Metropolia University of Applied Sciences | 9            | 1        |
|      |                  |                | Lappeenranta University of Technology              | 3            | 1        |
|      |                  |                | Saimaa University of Applied Sciences              | 5            |          |
|      |                  |                | Satakunta University of Applied Sciences           | 3            |          |
|      |                  |                | Tampere University of Technology                   | 7            |          |
| 8    | Hong Kong        | 1              | City University of Hong Kong                       | 1            |          |
| 9    | Indonesia        | 45             | Binus University                                   | 2            |          |
|      |                  |                | Bogor Agricultural University                      | 2            |          |
|      |                  |                | Mercu Buana University                             | 8            | 1        |
|      |                  |                | Telkom University                                  | 5            |          |
|      |                  |                | Universitas Gadjah Mada                            | 1            |          |
|      |                  |                | Universitas Kristen Maranatha                      | 4            |          |
|      |                  |                | Universitas Internasional Batam                    | 1            |          |
|      |                  |                | Universitas Muhammadiyah Yogyakarta                | 8            |          |
|      |                  |                | University of Brawijaya                            | 9            |          |
|      |                  |                | University Of Hang Tuah                            | 4            |          |
| 10   | India            | 13             | Meenakshi Sundarajan Engineering College           | 13           |          |
| 11   | Iraq             | 1              | University of Zakho                                |              | 1        |

| Bil.                               | Negara Asal | Jumlah Pelajar | Universiti                                     | Bil. Pelajar |          |
|------------------------------------|-------------|----------------|--|--------------|----------|
|                                    |             |                |  | Pra-Siswazah | Siswazah |
| 12                                 | Jerman      | 32             | Aachen University of Applied Sciences          | 2            | 11       |
|                                    |             |                | Konstanz University of Applied Sciences        | 3            | 4        |
|                                    |             |                | Humboldt-Universität zu Berlin                 |              | 1        |
|                                    |             |                | Technische Hochschule Nürnberg Georg Simon Ohm | 2            | 3        |
|                                    |             |                | Technische Universität Braunschweig            | 1            | 1        |
|                                    |             |                | TU Clausthal                                   |              | 4        |
| 13                                 | Jepun       | 37             | Akita International University                 | 4            |          |
|                                    |             |                | Doshisha University                            | 2            |          |
|                                    |             |                | Hiroshima City University                      | 1            |          |
|                                    |             |                | Kansai University                              | 1            |          |
|                                    |             |                | Kumamoto University                            | 1            |          |
|                                    |             |                | Kyoto University of Foreign Studies            | 4            |          |
|                                    |             |                | Meiji University                               | 2            |          |
|                                    |             |                | Nanzan University                              | 1            |          |
|                                    |             |                | Nagaoka University of Technology               | 3            |          |
|                                    |             |                | Nihon Fukushi University                       | 2            |          |
|                                    |             |                | Ritsumeikan University                         | 2            |          |
|                                    |             |                | University of Tsukuba                          | 2            |          |
|                                    |             |                | Yokohama City University                       | 2            |          |
| Toyohashi University of Technology | 9           |                |  |              |          |
| Tokyo Institute of Technology      |             | 1              |  |              |          |
| 14                                 | Kanada      | 5              | University of Lethbridge                       | 2            |          |
|                                    |             |                | University of Montreal                         |              | 1        |
|                                    |             |                | Memorial University of Newfoundland            | 2            |          |
| 15                                 | Korea       | 23             | Chonnam National University                    | 1            |          |
|                                    |             |                | Hankuk University of Foreign Studies           | 13           |          |
|                                    |             |                | Hannam University                              | 4            |          |
|                                    |             |                | Kyonggi University                             | 2            |          |
|                                    |             |                | Sungkonghoe University                         | 3            |          |
| 16                                 | Morocco     | 2              | ISCAE  | 1            | 1        |
| 17                                 | Nigeria     | 1              | Federal University of Technology               |              | 1        |
| 18                                 | Norway      | 2              | University of Stavanger                        | 2            |          |




| Bil.          | Negara Asal     | Jumlah Pelajar | Universiti   | Bil. Pelajar |           |
|---------------|-----------------|----------------|--|--------------|-----------|
|               |                 |                |  | Pra-Siswazah | Siswazah  |
| 19            | Pakistan        | 5              | Lahore University Of Management Sciences                             |              | 4         |
|               |                 |                | Quaid-I-Azam University  |              | 1         |
| 20            | Perancis        | 13             | AgroParisTech  |              | 1         |
|               |                 |                | National Graduate School of Engineering & Research Centre (ENSICAEN) |              | 1         |
|               |                 |                | Neoma Business School  | 4            | 4         |
|               |                 |                | Sciences Po Toulouse   | 2            |           |
|               |                 |                | Universite de Lorraine   |              | 1         |
| 21            | Sweden          | 4              | Linköping University   | 1            |           |
|               |                 |                | Uppsala University   | 2            | 1         |
| 22            | Switzerland     | 5              | FHS St.Gallen  | 2            |           |
|               |                 |                | Universitat St. Gallen   | 1            | 2         |
| 23            | Sudan           | 5              | University of Khartoum   |              | 2         |
|               |                 |                | Omdurman Islamic University  |              | 1         |
|               |                 |                | Al Neelain University  |              | 1         |
|               |                 |                | University of Nyala  |              | 1         |
| 24            | Taiwan          | 2              | Tzu Chi University   | 2            |           |
| 25            | Thailand        | 53             | Chiang Mai University  | 4            |           |
|               |                 |                | Hatyai University  | 30           |           |
|               |                 |                | Mae Fah Luang University   | 4            |           |
|               |                 |                | Prince of Songkla University   | 15           |           |
| 26            | The Netherlands | 17             | Avans University of Applied Sciences                                 | 3            |           |
|               |                 |                | Hogeschool van Amsterdam   | 8            | 1         |
|               |                 |                | Utrecht University   | 4            | 1         |
| 27            | Tunisia         | 1              | Universite de Sfax   |              | 1         |
| 28            | United Kingdom  | 7              | Keele University   | 7            |           |
| <b>Jumlah</b> |                 |                |  | <b>307</b>   | <b>58</b> |

**b) Program Pertukaran Pelajar USM ke Universiti Luar Negara (*Outbound*)**

Pada tahun 2016, seramai 108 orang pelajar USM telah mengikuti program pertukaran pelajar ke luar negara (*outbound*). Yang berikut ialah butiran program tersebut:

**Program Pertukaran Pelajar USM ke Luar Negara (*Outbound*)**





Maklumat terperinci berkaitan program ini adalah seperti yang berikut:

| Bil.          | Negara    | Universiti   | Jumlah Pelajar |
|---------------|-----------|--|----------------|
| 1             | Australia | RMIT University                                    | 1              |
| 2             | Belanda   | Hogeschool van Amsterdam                           | 1              |
|               |           | University of Amsterdam                            | 1              |
| 3             | Brunei    | Universiti Brunei Darussalam                       | 2              |
| 4             | Finland   | Tampere University of Technology                   | 3              |
| 5             | Hong Kong | The University of Hong Kong                        | 5              |
| 6             | Indonesia | Universitas Padjadjaran                            | 13             |
| 7             | Jerman    | Hochschule Konstanz University of Applied Sciences | 1              |
|               |           | Humboldt University Zu Berlin                      | 1              |
| 8             | Jepun     | Ritsumeikan Asia Pacific University (APU)          | 5              |
|               |           | Kansai University                                  | 2              |
|               |           | Ritsumeikan University                             | 1              |
|               |           | University of Tsukuba                              | 1              |
|               |           | Akita International University                     | 1              |
| 9             | Kanada    | University of Guelph                               | 1              |
|               |           | Memorial University of Newfoundland                | 4              |
|               |           | University of Victoria                             | 1              |
|               |           | The University of British Columbia                 | 2              |
| 10            | Korea     | Chonnam National University                        | 1              |
|               |           | Hankuk University of Foreign Studies (HUFS)        | 1              |
|               |           | Hannam University                                  | 2              |
| 11            | Lithuania | Mykolas Romeris University                         | 1              |
| 12            | London    | Middlesex University                               | 2              |
| 13            | Sepanyol  | Universidad Politecnica de Madrid                  | 2              |
| 14            | Taiwan    | National Taiwan University                         | 5              |
|               |           | Tzu-Chi University                                 | 15             |
| 15            | Thailand  | Mae Fah Luang University                           | 2              |
|               |           | King Mongkut's University of Technology Thonburi   | 15             |
|               |           | Prince of Songkla University                       | 16             |
| <b>Jumlah</b> |           |  | <b>108</b>     |

Manakala senarai program *outbound* sepanjang tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

| Bil           | Nama Program   | Institusi/Pelajar yang terlibat   | Bil. Pelajar |
|---------------|--|---|--------------|
| 1             | FSCI International Internship Program 2016                                 | King Mongkut's University of Technology Thonburi (KMUTT), Bangkok, Thailand   | 1            |
| 2             | Industrial Training  | Nagaoka University of Technology, Japan   | 2            |
| 3             | Chonnam National University International Summer Session (CNU-ISS)         | Chonnam National University, Korea  | 7            |
| 4             | Industrial Training  | Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam, Brunei | 2            |
| 5             | Clinical Training  | Pusat Dietetik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Brunei Darussalam                                    | 2            |
| 6             | Summer Exchange Program  | Chikushi Jogakuen University, Japan   | 2            |
| 7             | Linkoping University's Summer Academy                                      | Linkoping University, Sweden  | 1            |
| 8             | Tohoku University Japanese Program 2016                                    | Tohoku University, Japan  | 1            |
| 9             | Summer Course in Translation Technology 2016                               | University College London, England, UK  | 1            |
| 10            | 2016 Summer Programme  | National Chiao Tung University, Taiwan  | 2            |
| 11            | UBC Vancouver Summer Program (VSP)   | The University of British Columbia, Canada  | 2            |
| 12            | 2016 Japanese Study Programme  | Kyoto University of Foreign Studies (KUFS)  | 3            |
| 13            | The 8 <sup>th</sup> YCU Science Summer Program 2016                        | Yokohama City University, Japan   | 4            |
| 14            | International Agro-Industry Short Course Program 2016                      | Mae Fah Luang University, Thailand  | 2            |
| 15            | 9 <sup>th</sup> UNESCO-Asia Pacific Bureau Directors Conference & Festival | National School of Drama, New Delhi, India  | 2            |
| 16            | 2016 World Youth Meeting & NFU Japan Program                               | Nihon Fukushi University, Japan   | 2            |
| 17            | Research Attachment  | Suranaree University of Technology (SUT), Thailand  | 1            |
| 18            | TUT International Student Program 2016                                     | Toyohashi University of Technology, Japan   | 3            |
| 19            | Yokohama Urban Solutions Studies (YUSS) Program                            | Yokohama City University, Japan   | 3            |
| 20            | International Teaching Practicum (ITP)                                     | Fakultas Keguruan & Ilmu Pendidikan, Indonesia  | 2            |
| 21            | Summer Intensive Course  | Hiroshima City University, Japan  | 15           |
| <b>Jumlah</b> |  |   | <b>60</b>    |




c) Program/Kursus Jangka Pendek

Yang berikut adalah Program Jangka Pendek yang berlangsung dari Januari hingga Disember 2016:

| Bil           | Nama Program                           | Institusi/<br>Pelajar yang terlibat                  | Tarikh         | Bil. Pelajar |
|---------------|--|--|----------------|--------------|
| 1             | Malaysia Study Programme               | Nihon Fukushi University, Jepun                      | 13-28 Feb      | 12           |
| 2             | Semester in Malaysia                   | Gustavus Adolphus College, USA                       | 11 Feb-31 Mei  | 10           |
| 3             | Summer Programme                       | Keele University, UK                                 | 1 Jun-9 Sep    | 7            |
| 4             | Homestay Programme                     | Toyohashi University of Technology, Jepun            | 18-20 Mac      | 15           |
| 5             | Internship Programme                   | Toyohashi University of Technology, Jepun            | 5-8 Jan        | 9            |
| 6             | English & Cultural Programme           | Ubon Ratchathani University, Thailand                | 4-18 Jun       | 7            |
| 7             | Language & Culture Programme           | Nakhon Ratchasima Rajabhat University                | 12-17 Jun      | 16           |
| 8             | English & Cultural Programme           | Tzu Chi University of Science and Technology, Taiwan | 24-30 Jul      | 35           |
| 9             | Learning Diversity in Malaysia         | Toyo University, Jepun                               | 27 Ogos-11 Sep | 24           |
| 10            | 2016 Malaysia Study Programme          | Ritsumeikan University, Jepun                        | 4-8 Sept       | 22           |
| 11            | Learning Through Chemistry@USM Program | Al-Farabi Khazakh National University, Kazakhstan    | 16-31 Ogos     | 18           |
| 12            | Learning Through Chemistry@USM         | Nagaoka University of Technology, Jepun              | 16-31 Ogos     | 7            |
| <b>Jumlah</b> |  |  |                | <b>182</b>   |

## Pelawat Antarabangsa

Yang berikut adalah butiran pelawat sepanjang tahun 2016:



Maklumat terperinci adalah seperti yang berikut:

| Bil.          | Negara Asal      | Bil. Pelawat (orang) |
|---------------|------------------|----------------------|
| 1             | Jepun            | 12                   |
| 2             | China            | 12                   |
| 3             | Indonesia        | 36                   |
| 4             | Jerman           | 4                    |
| 5             | Sweden           | 3                    |
| 6             | Ireland          | 2                    |
| 7             | Scotland         | 5                    |
| 8             | United Kingdom   | 5                    |
| 9             | Nigeria          | 2                    |
| 10            | Amerika Syarikat | 2                    |
| 11            | Korea            | 2                    |
| 12            | Thailand         | 23                   |
| <b>Jumlah</b> |                  | <b>108</b>           |



## SYARAHAN UMUM

Siri Syarahan Umum USM adalah satu program yang terancang bertujuan menyalurkan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Ia merupakan sumbangan Universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha untuk mempererat hubungan dua hala antara Universiti dan masyarakat.

Melalui program ini, Universiti Sains Malaysia berusaha untuk mengetengahkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Siri Syarahan Umum ini juga merupakan satu forum yang mengupas dan membincangkan masalah-masalah serta isu-isu masyarakat agar penyelesaian dapat dipertimbangkan bersama. Yang berikut ialah perincian syarahan umum yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016:

### Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa

| Bil | Nama   | Pusat Tanggungjawab  | Tajuk   |
|-----|--|----------------------|---|
| 1   | Dr. Keiichiro Oizumi                         | Sains Kemasyarakatan | Mega trends in East Asia. What's happening? What'll happen?   |
| 2   | Profesor Dr. Shuji Nakamura (Nobel Laureate) | INOR                 | Future Energy Efficient Lighting and Displays   |
| 3   | Profesor Deane Neubauer                      | IPPTN                | Capacity Building Workshop for Enhancing Academic Network among Young Scholars  |
| 4   | Dr. Siddha Pimputkar                         | INOR                 | Bulk Single Crystal GaN: Growing the Foundation for Novel & High Efficiency III- Nitride Devices                              |
| 5   | Profesor Hugh Possingham                     | Sains Kajihayat      | Formulating and Solving biodiversity and ecosystem services conservation problems within economic food production constraints |
| 6   | Profesor Yukiko Toda                         | Ilmu Kemanusiaan     | Hystory, Myth and Folklore in Contemporary Canadian and Japanese Female Fiction   |
| 7   | HE Syed Hassan Raza                          | BAA                  | Economic and Education Developments and Impact of China Pakistan Economic Corridor (CPEC) in South Asia                       |

Public Talk by His Excellency  
**Mr. Syed Hassan Raza**  
High Commissioner of Islamic Republic of Pakistan to Malaysia

**Economic and Education Developments and Impact of China Pakistan Economic Corridor (CPEC) in South Asia**

8 November 2016 | 2.30 p.m.  
Dewan Persidangan Universiti (DPU), Universiti Sains Malaysia

## Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan

| Bil | Nama                          | Pusat Pengajian         | Tajuk  |
|-----|-------------------------------|-------------------------|--|
| 1   | Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal | Bahagian Sumber Manusia | Transformasi Perkhidmatan Awam               |
| 2   | Abraham Liu                   | IMCC                    | Huawei Career Talk Show                      |
| 3   | Tan Sri Nor Mohamed Yackop    | Persatuan Alumni        | Managing Economic Crisis in the 21st Century |
| 4   | Profesor Muhd Kamil Ibrahim   | Pusat Islam             | Anekdot Al-Aqsa Damai di Hati                |

**SYARAHAN PERDANA  
TRANSFORMASI  
PERKHIDMATAN  
AWAM**

Oleh : YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

11 APRIL 2016 (ISNIN)  
9.30 - 11.30 PAGI  
DEWAN TUANKU SYED PUTRA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA










### Syarahan Umum Pelantikan Profesor

| Bil | Nama                                  | Pusat Pengajian      | Tajuk  |
|-----|---------------------------------------|----------------------|--|
| 1   | Profesor Dr. Abd Rahni Mt. Piah       | Sains Matematik      | RGBK: Mencari Fungsi, Mereka dan Mengekal Bentuk                       |
| 2   | Profesor Dr. Zarita Zainuddin         | Sains Matematik      | Rangkaian Neutral: Antara Mitos dan Realiti                            |
| 3   | Profesor Dr. Abd Karim Alias          | Teknologi Industri   | Tren Inovasi Prospek Hidrokoloid dalam Industri Makanan                |
| 4   | Profesor Dr. Tang Thean Hock          | IPPT                 | RNA Bukan Pengkod Protein (sRNA): Pengenalpastian, Fungsi dan Aplikasi |
| 5   | Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail    | Sains Perubatan      | Kesihatan Lelaki di Malaysia - Perkembangan, Isu dan Cabaran           |
| 6   | Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussin   | Sains Perubatan      | Kesihatan Wanita di Malaysia - Perkembangan, Isu dan Cabaran           |
| 7   | Profesor Dr. Ahamed Tajudin Khader    | Sains Komputer       | Suatu Perjalan Melalui Ruang Carian                                    |
| 8   | Profesor Dr. Rosni Abdullah           | Sains Komputer       | Pengkomputeran Selari bertemu Biologi: Cabaran dan Harapan             |
| 9   | Profesor Dr. Zaidi Mohd Ripin         | Kejuruteraan Mekanik | Geseran dan Getaran yang Menggusarkan                                  |
| 10  | Profesor Dr. Razip Samian             | Sains Kajihayat      | DNA Diari Peribadi 3.5 Bilion Tahun                                    |
| 11  | Profesor Dr. Alexander Chong Su Chein | Sains Kajihayat      | Merungkai Keindahan Ikan sebagai Penjana Ekonomi dan Organisma Model   |

## KESIMPULAN

Sepanjang tahun 2016, Universiti terus menumpukan dan memperkukuh program akademik untuk mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan menjadi pilihan utama pelajar dari seluruh dunia. Usaha ini adalah untuk mendepani masa hadapan pendidikan tinggi yang kian mencabar.

Pada tahun 2016 kita juga menyaksikan para pensyarah USM menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti lantikan sebagai Penasihat International Youth Neuroscience Association, johan bagi Reimagine Education Teaching Delivery Award 2016 serta lantikan sebagai pemerhati untuk program-program antarabangsa dalam menangani isu keganasan oleh South East Asia Regional Centre for Counter Terrorism.

A photograph of several laboratory Erlenmeyer flasks on a white surface. The flasks are filled with a dark liquid and have a blue tint. The central flask is in sharp focus, showing its label. The background is blurred, showing more flasks and a wooden cabinet. An orange banner is overlaid on the top right of the image.

PENYELIDIKAN & INOVASI

50 ml A FAVORIT  
± 0,06 ml in 20°C ISO 10





## PENYELIDIKAN & INOVASI



### PENGENALAN

Tahun 2016 menyaksikan usaha Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dalam memperkasakan bidang penyelidikan di persada antarabangsa. Langkah ini agak mencabar kerana sokongan dana agak berkurangan dibandingkan dengan tahun sebelum ini. USM memberi galakan berterusan kepada penyelidik untuk menjalin kerjasama serta bersaing mendapatkan dana penyelidikan di peringkat antarabangsa seperti dana EU 2020, Euraxess, Newton – Ungku Omar, JICA, JIRCAS, SUMIMOTO, MORINAGA dan CREST. Universiti turut memberi tumpuan dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan penyelidikan dengan membangunkan kapasiti saingan penyelidik muda melalui geran dalaman di samping mendapatkan pakar luar dan saintis tersohor untuk memberi motivasi melalui ceramah dan seminar akademik.

Semua geran penyelidikan peringkat kebangsaan atau antarabangsa diuruskan melalui Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (Research Creativity and Management Office – RCMO). Jumlah geran penyelidikan sumber luaran yang diterima sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak RM18,952,899.49. Butirannya adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Geran Penyelidikan Sumber Luaran

| Jenis Geran Sumber Luaran | 2016                      |                  |                             |
|---------------------------|---------------------------|------------------|-----------------------------|
|                           | Projek Aktif Dalam Tempoh | Projek Baharu    |                             |
|                           |                           | Bil. Projek      | Peruntukan Keseluruhan (RM) |
| Agensi Luar               | 325                       | 95               | 5,864,522.49                |
| Kerajaan                  | 146                       | 50               | 3,919,638.90                |
| Swasta                    | 74                        | 17               | 802,035.33                  |
| Antarabangsa              | 105                       | 28               | 1,142,848.26                |
| FRGS                      | 481                       | 78               | 7,400,277.00                |
| ERGS                      | 43                        | Telah Dijumudkan |                             |
| PRGS-KPT                  | 31                        | 1                | 125,000.00                  |
| LRGS                      | 7                         | 3                | 2,900,700.00                |
| ScienceFund               | 41                        | 0                | 0                           |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>935</b>                | <b>190</b>       | <b>18,952,899.49</b>        |

Sepanjang tahun 2016, jumlah geran tajaan agensi luar menunjukkan peningkatan terutama daripada sektor kerajaan melalui geran Public Research Network (PPRN). Sebanyak 36 geran tajaan PPRN dengan jumlah RM1,035,492.80 telah diperolehi. Geran penyelidikan kategori antarabangsa turut menunjukkan peningkatan jumlah penyelidik yang menerima geran. Penaja terdiri daripada JIRCAS, Syngenta Corp., Sumitomo, Nanyang Technology University, University of Tasmania, Ghana Education Trust Fund dan Global Health Innovative Technology Fund.

Jumlah tertinggi penerimaan adalah geran tajaan sektor antarabangsa GHIT Fund sebanyak RM770,500,72 yang diberikan kepada seorang penyelidik USM. Selain daripada itu, jumlah projek di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) turut menyaksikan peningkatan di mana sebanyak 78 projek berjaya diperolehi dengan peruntukan sebanyak RM7,400,277.00. Manakala enam projek berjaya di peringkat MOSTI dengan menerima peruntukan berjumlah RM1,335,559.00.





Geran penyelidikan sumber dalaman yang dibiayai melalui dana penyelidikan universiti atau dana penyelidikan universiti penyelidikan menyaksikan sebanyak 221 jumlah projek baharu dengan peruntukan berjumlah RM12,780,695.19. Sebanyak 142 projek baharu ditawarkan melalui geran jangka pendek dan 76 projek melalui geran Universiti Penyelidikan (RUI). Pecahan jenis geran penyelidikan sumber dalaman yang diagihkan pada tahun 2016 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Geran Penyelidikan Sumber Dalaman

| Jenis Geran Sumber Dalaman | 2016                      |               |                             |
|----------------------------|---------------------------|---------------|-----------------------------|
|                            | Projek Aktif Dalam Tempoh | Projek Baharu |                             |
|                            |                           | Bil. Projek   | Peruntukan Keseluruhan (RM) |
| IReC                       | 10                        | 0             | 0.00                        |
| USM Jangka Pendek          | 696                       | 142           | 4,783,103.43                |
| RUI                        | 517                       | 76            | 7,611,084.26                |
| RUT                        | 13                        | 0             | 0.00                        |
| RUC                        | 4                         | 0             | 0.00                        |
| RU TOP-DOWN                | 30                        | 3             | 386,507.50                  |
| DE                         | 15                        | 0             | 0.00                        |
| Dana Inovasi Awal          | 18                        | 0             | 0.00                        |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>1,303</b>              | <b>221</b>    | <b>12,780,695.19</b>        |

Data 2016 : Statistik berdasarkan data pangkalan data penyelidikan pada Disember 2016

Semua harta intelek universiti, khususnya harta intelek yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan diurus dan dikomersialkan oleh Pejabat Inovasi. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 100 produk telah mendapat penganugerahan paten. Sebanyak 24 permohonan paten baharu telah difailkan dengan pecahan Malaysia (13), PCT (9) dan antarabangsa (2) manakala bagi kategori penganugerahan paten baharu (*patent granted*) pula, USM telah memperolehi sebanyak 14 penganugerahan dengan pecahan Malaysia (10) dan antarabangsa (4). Selain daripada penganugerahan paten, USM turut memfailkan sebanyak dua permohonan dan memperolehi sebanyak 16 pendaftaran cap dagangan baharu.



Tahun 2016 turut menyinar apabila empat teknologi baharu telah berjaya dilesenkan kepada industri dan sebanyak 10 teknologi lagi di peringkat rundingan. Teknologi USM yang berjaya dikomersialkan pada tahun 2016 ialah:

| Nama Teknologi  | Nama Penyelidik dan Pusat Tanggungjawab   | Nama Syarikat                      |
|---|---|------------------------------------|
| <i>Method of Fabricating Concrete Building Blocks with Low Carbon Footprint</i> | Dr. Cheah Chee Ban<br>Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan             | Macro Dimension Concrete Sdn. Bhd. |
| <i>Aspersmile Herbal Mouthwash</i>  | Prof. Madya Dr Md Azman PKM Seeni Mohamed<br>Institut Perubatan dan Pergigian Termaju | Medigcare Industries Sdn. Bhd.     |
| <i>Quit-Line Computerize System</i>   | Prof. Madya Dr. Maizurah Omar<br>Pusat Racun Negara                                   | Johnson and Johnson                |
| <i>Utilization of Prebiotics for Stress Management</i>                          | Profesor Dr. Liong Min Tze<br>Pusat Pengajian Teknologi Industri                      | Bened Biomedical Co. Ltd (Taiwan)  |

### Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan (SERC)

Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan berperanan untuk memperkembang dan menyokong semua kegiatan penyelidikan dan inovasi di Kampus Kejuruteraan. SERC adalah pusat kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang dikongsi bersama semua penyelidik yang berpangkalan di Kampus Kejuruteraan. Ia menempatkan peralatan dan kemudahan canggih untuk menyokong aktiviti penyelidikan bidang kejuruteraan.

Fokus SERC pada tahun 2016 ialah merancang dan melaksanakan beberapa proses ISO bagi memastikan Makmal Ujian Mekanikal mendapat sijil ISO 17025 pada tahun 2017. Di samping itu, aktiviti penyelidikan lain dijalankan seperti biasa di pusat tersebut.

### Pusat Inkubasi Universiti (I<sup>2</sup>U)

Pusat Inkubasi Universiti dibangunkan pada tahun 2016 bertujuan menyokong inisiatif mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi universiti. Infrastrukturnya, yang hampir 80% siap, dibina untuk bidang sains hayat dan bioteknologi. Selaras dengan objektif penubuhan asal, Pusat Inkubasi kini berfokus kepada penyediaan ruang untuk perkembangan penyelidikan di USM yang berdaya saing dan mampu dikomersialkan.

### Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis (ABrC)

Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis terlibat dalam tiga aktiviti utama iaitu penyelidikan, penyeliaan pelajar dan perkhidmatan analisis biokimia. Aktiviti utama ABrC adalah memberi khidmat analisis biokimia kepada masyarakat penyelidikan dan juga keperluan industri.

Pencapaian ABrC sepanjang tahun 2016 ialah berjaya menerbitkan jurnal indeks (18) dengan sitasi (127), jurnal lain (2) dan penerbitan lain (5). Manakala jumlah geran penyelidikan yang diperolehi adalah sebanyak RM480,225.30 melalui geran universiti, RUI, jangka pendek, geran luar, FRGS d, PRGS dan penyelidikan kontrak.

ABrC juga telah memperolehi kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi untuk penawaran ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Biokimia Analisis. Enrolmen pelajar ijazah tinggi ABrC ialah lima orang calon Doktor Falsafah dan lima orang calon Sarjana.

### Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC)

Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) bertanggungjawab menyokong semua aktiviti penyelidikan dan pengajaran berasaskan haiwan makmal di USM. Kemudahan ARASC terdapat di Kampus Kesihatan dan di Kampus Induk di samping menguruskan fasiliti haiwan IPPT. Kemudahan secara berpusat ini dapat memastikan segala aktiviti penyelidikan dan pengajaran berasaskan haiwan dapat dipantau sepenuhnya dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh akta dan peraturan berkaitan.



## Jaringan Kerjasama Penyelidikan dan Inovasi

Universiti telah mengadakan beberapa jaringan kerjasama bagi memperkasakan lagi bidang penyelidikan dan kapasiti penyelidik. Di antara aktiviti sepanjang tahun 2016 ialah:

### i. Kolaborasi USM-ITRAMAS Corporation

USM dan ITRAMAS, Corporation sebuah syarikat peneraju global dalam Sistem Pengangkutan Pintar [Intelligent Transportation System, (ITS)], Sistem Keselamatan dan Pemantauan (Security and Surveillance) dan juga Pencahayaan LED (LED Lighting), telah mengadakan bengkel pada 2 Disember 2016. Perbincangan meliputi inisiatif kerjasama dalam bidang Solar, LED dan OLED.

Sebanyak tiga projek kolaborasi telah dikenalpasti berpotensi untuk dijalankan iaitu:

- i. Implementation of LED Lighting in USM Using Operating Lease Model (OLM).
- ii. ITRAMAS Solar Project.
- iii. USM-ITRAMAS Organic Light Emitting Diode (OLED) Technology Centre (OLTC).

### ii. Kolaborasi USM - Aurigene Discovery Technologies Limited - India

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail telah melawat Aurigene Discovery Technologies Limited, India iaitu industri terkemuka dalam bidang bioteknologi pada November 2016. Dalam kunjungan tersebut, delegasi USM telah meninjau fasiliti serta mengadakan perbincangan dengan Ketua Pegawai Eksekutifnya iaitu Encik Chavail S.N.Murthy. Aurigene berfokus kepada penyakit berkaitan inflamasi dan onkologi serta mempunyai kepakaran dalam bidang terapeutik di samping memiliki jaringan kolaborasi dengan pihak farmaseutikal, industri farmaseutikal sederhana dan industri bioteknologi.

Aurigene Discovery Technologies Limited telah mengadakan kunjungan balas ke USM pada 9 Disember 2016.

### iii. Kolaborasi USM-RIKEN

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2016 di bawah program kerjasama antara USM-RIKEN. Aktiviti meliputi lawatan akademik, ceramah akademik, seminar akademik

perbincangan di antara para penyelidik, viva voce pelajar ijazah tinggi, permohonan geran dan lawatan pelajar. Dr. Mitsuru Morimoto daripada Centre for Development Biologi (CDB) Riken telah dijemput sebagai penceramah dalam 6<sup>th</sup> Malaysian Tissue Engineering and Regenerative Medicine Scientific Meeting (MTERMS) 2016 di Pulau Pinang.

### iv. Kolaborasi USM- Toyohashi University of Technology (TUT)

USM bersama Toyohashi University of Technology (TUT), Jepun telah menandatangani Memorandum Persetujuan pada Ogos 2016 untuk menjalankan satu program penyelidikan yang bertajuk Tools for Heavy Metal Mitigation via Nanotechnology. Program tersebut diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zainovia Lockman (USM) dan Prof. Dr. Atsunori Matsuda (TUT). Program penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Univesiti Penyelidikan USM yang berkuatkuasa mulai Disember 2016, dan mempunyai lima projek yang diketuai oleh penyelidik USM dan TUT.

Berikutan MOA yang telah ditandatangani, beberapa aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan di bawah lima projek usahasama di antara penyelidik USM dan TUT:

- **Projek 1: Bahan Nano Pengesan:** Prof. Madya Dr. Khairunisak Abdul Razak (USM) dan Prof. Madya Dr. Toshiaki Hattori (TUT),
- **Projek 2: Peranti Nano Pengesan:** Prof. Madya Dr. Asrulnizam Abd Manaf (USM) dan Profesor Kazuaki Sawada (TUT),
- **Projek 3: Rawatan dengan Bahan Nano Inorganik:** Prof. Madya Dr Zainovia Lockman (USM) dan Profesor Atsunori Matsuda (TUT),
- **Projek 4: Rawatan dengan Bahan Nano Organik:** Dr. Yeoh Fei Yee (USM) dan Profesor Akihiko Matsumoto (TUT) dan
- **Projek 5: Kawalan:** Dr. Elmi Abu Bakar (USM) dan Profesor Uchiyama Naoki (TUT).

Melalui projek yang tersenarai ini, beberapa hasil penyelidikan dijangka akan tercapai pada suku pertama tahun 2017 meliputi penerbitan jurnal bertaraf ISI/Scopus dan penempatan pelajar ijazah tinggi di TUT.

### **Lawatan Dr. Paul Dear, Pengarah Eksekutif, MOTE Research Limited United Kingdom.**

USM telah menerima kunjungan, Dr. Paul Dear, Pengarah Eksekutif MOTE Research Limited, United Kingdom pada 5-9 Disember 2016. Sepanjang lawatan tersebut, Dr. Paul Dear telah berkongsi pengalaman dalam penyelidikan dan pengkomersialan melalui bengkel dan syarahan kepada para penyelidik.

Dr. Paul Dear adalah pakar dalam bidang genomik dan pernah bertugas sebagai Ketua Penyelidik di Laboratory of Molecular Biology, Medical Research Council (LMB,MRC). LMB adalah makmal terkemuka yang telah melahirkan ramai pemenang hadiah nobel sejak penubuhannya pada 1947. Salah satu penyelidikan Dr. Paul Dear semasa di LMB ialah sistem penjujukan DNA berasaskan mikrofluidik yang bakal merevolusikan bidang genomik. Kaedah penjujukan mikrofluidik kini dibangunkan oleh syarikat Base4, Inc., UK. Beliau kini memberikan tumpuan terhadap pembangunan kaedah genome engineering dan telah menubuhkan syarikat MOTE Research Ltd. bagi tujuan ini.

### **KESIMPULAN**

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi akan terus memainkan peranan untuk memperkukuh dan memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi USM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.







"The researchers of USM must always think globally."

Profesor Dato' Dr. Abdul Hamid Ibrahim  
North Chancellor, Universiti Sains Malaysia,  
The South West Campus

"Mengglobal Berprestasi Kemanusiaan Berprestasi"  
Majlis Peringkat Antarabangsa 2017  
Global Excellence Awards USA

Profesor Dato' Dr. Abdul Hamid Ibrahim  
North Chancellor, Universiti Sains Malaysia,  
The South West Campus

MENGLOBAL  
UNIVERSITY SAINS  
Mengglobal Berprestasi Kemanusiaan Berprestasi  
Majlis Peringkat Antarabangsa 2017  
Global Excellence Awards USA  
14 Februari 2017

MENGLOBAL  
UNIVERSITY SAINS  
Mengglobal Berprestasi Kemanusiaan Berprestasi  
Majlis Peringkat Antarabangsa 2017  
Global Excellence Awards USA  
14 Februari 2017  
SUSTAINABILITY  
TERIMA KASIH



## HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR & ALUMNI





# [HEPA]

## HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR & ALUMNI

### PENGENALAN


Tahun 2016 adalah tahun yang mencabar bagi universiti yang berteraskan kelestarian kewangan dan prestasi, serta pengoptimuman sumber dan bakat. Dengan usaha memperjelas cabaran-cabaran masa hadapan pendidikan tinggi, menzahirkan keperluan-keperluan tambahan dari sudut pelajar dan memahami perubahan lanskap dan fungsi Universiti itu sendiri, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) telah mengatur strategi baharu dalam memastikan fungsi BHEPA kepada pelajar adalah relevan dan berimpak, terutamanya di dalam ekosfera pendidikan tinggi Universiti Sains Malaysia, untuk 'Merealisasikan Universiti Global'.

Bermula dengan penambahan program flagship, BHEPA bukan sahaja berusaha untuk memastikan bakat staf dipelihara dan dioptimumkan melalui program-program flagship yang baharu, BHEPA dapat membantu agenda Universiti untuk penghakupayaan pelajar dan pembangunan bakat pelajar. Program flagship yang sedia ada juga telah diselaraskan untuk mendukung agenda-agenda utama Universiti, seperti kebolehpasaran graduan, keusahawanan siswa dan melahirkan siswa berjenama H.E.B.A.T. Pemindahan ilmu dari program yang berobjektif jelas kepada pelajar adalah menjadi di antara elemen yang dititikberatkan, di samping menilai semula jumlah keseluruhan program yang dianjurkan oleh BHEPA agar meliputi penyertaan yang lebih menyeluruh.


Secara keseluruhannya, jumlah pelajar pada tahun 2016 ialah seramai 14,519 orang. Berikut merupakan jumlah penglibatan pelajar dalam penganjuran program yang diadakan sepanjang tahun melibatkan program-program flagship BHEPA dan juga persatuan pelajar bagi ketiga-tiga kampus berdasarkan My Continuous Student Development (MyCSD) bagi tahun 2016. Rajah 1 menggambarkan dua situasi iaitu :



- i. Jumlah aktiviti yang dianjurkan pelajar mengikut teras MyCSD (titik-titik hitam di dalam carta)
- ii. Jumlah penyertaan pelajar mengikut teras MyCSD (di luar carta)



Rajah 1 : Jumlah pengajaran program pelajar (1 Januari hingga 31 Disember 2016)



Rajah 2 : Nisbah antara pengajaran aktiviti pelajar dan penyertaan pelajar

Rajah 2 menunjukkan bahawa penyertaan tertinggi adalah bagi teras Sukan, Rekreasi dan Sosialisasi. Walau bagaimanapun, dari segi nisbah pengajaran dan penyertaan, Keusahawanan dan Kebudayaan adalah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 1:117 bagi Kebudayaan dan 1:118 bagi Keusahawanan.



## PROGRAM-PROGRAM FLAGSHIP BHEPA

Pada tahun 2016, USM telah melaksanakan Projek Flagship iaitu aktiviti-aktiviti utama yang mampu menghasilkan impak yang tinggi dan jelas dalam pembangunan sahsiah pelajar seperti tahun 2015. Terdapat tujuh Program Flagship yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2016 BHEPA juga telah berjaya menjalankan 12 buah Program Flagship. Yang berikut merupakan antara Program Flagship yang telah dijalankan pada tahun 2016.

### PIMPIN SISWA LESTARI 1

Program PIMPIN Siswa Lestari 1 (PSL 1) merupakan program yang ditransformasi daripada program PIMPIN Siswa terdahulu agar selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi dan Naib Canselor USM bagi tujuan pembangunan mahasiswa yang holistik dan seimbang (HEBAT) serta mempunyai keupayaan untuk menggerakkan pemindahan ilmu dan agenda Inovasi, Keusahawanan dan Kelestarian USM pada tahap antarabangsa. Program yang dijalankan selama tiga hari ini menerapkan tiga komponen utama iaitu Kemahiran Qalbu, Kemahiran Teras dan Kemahiran Generik. Modul World Café diperkenalkan dalam usaha untuk mendedahkan para pelajar baharu mengenai kaedah menjana idea dan pemikiran secara berstruktur, terarah dan santai. Matlamat program PSL 1 adalah untuk mendidik dan menerapkan elemen-elemen seperti Kelestarian, Keusahawanan dan Inovasi di dalam diri pelajar di samping menggalakkan para pelajar berfikir secara berstruktur dan dapat menjana idea yang matang.



Jadual berikut merupakan maklumat terperinci berkaitan pelaksanaan Program Siswa Lestari 1 sepanjang tahun 2016.

Jadual 3 : Pelaksanaan PSL 1 di Ketiga-tiga Kampus

| Bil                                      | Tempat                                  | Tarikh                        | Penyertaan (Orang) |
|--|---|-------------------------------|--------------------|
| 1  | Kampus Induk (6 Siri)                   | September – November 2016     | 2,420              |
| 2  | Kampus Kejuruteraan (1 Siri)            | 7 – 9 Oktober 2016            | 509                |
| 3  | Kampus Kesihatan (1 Siri)               | 30 September – 2 Oktober 2016 | 478                |
| 4  | KLE-India (1 Siri)                      | 1 – 3 Ogos 2016               | 100                |
| 5  | Program Pesisir Politeknik Port Dickson | 17 – 19 November 2016         | 72                 |
| <b>Jumlah Keseluruhan Pelajar Baharu</b> |   |                               | <b>3,579</b>       |

Program ini melibatkan seramai 3,579 orang pelajar baharu dengan jumlah peruntukan yang diberikan oleh pihak Universiti bagi menjayakan PSL 1 untuk kesemua kampus adalah sebanyak RM 399,700.00 bagi tahun 2016.

Jadual 4 : Statistik peserta dan tenaga penggerak PSL 1 bagi tahun 2016

| Perkara          | Kategori                  | Jantina   | Induk | Kej          | Kesihatan  | Poli PD    | USM-KLE   | Jumlah     |
|------------------|---------------------------|-----------|-------|--------------|------------|------------|-----------|------------|
| Peserta          | Pelajar                   | Lelaki    | 588   | 312          | 131        | 51         | 39        | 1,121      |
|                  |                           | Perempuan | 1,832 | 197          | 347        | 21         | 61        | 2,458      |
|                  |                           | Jumlah    | 2,420 | 509          | 478        | 72         | 100       |            |
| Tenaga Penggerak | Pelajar                   | Lelaki    | 38    | 32           | 18         | 3          | 9         | 100        |
|                  |                           | Perempuan | 47    | 17           | 24         | 5          | 7         | 100        |
|                  |                           | Jumlah    | 85    | 49           | 42         | 8          | 16        |            |
|                  | Staf Akademik             | Lelaki    | 3     | 3            | 8          | 1          | 8         | 23         |
|                  |                           | Perempuan | 0     | 0            | 1          | 0          | 0         | 1          |
|                  | Staf Bukan Akademik       | Lelaki    | 13    | 7            | 11         | 4          | 13        | 48         |
|                  |                           | Perempuan | 2     | 10           | 8          | 0          | 1         | 21         |
|                  |                           | Jumlah    | 18    | 20           | 28         | 5          | 22        |            |
|                  | Alumni                    | Lelaki    | 1     | 0            | 0          | 1          | 0         | 2          |
|                  |                           | Perempuan | 1     | 0            | 0          | 1          | 1         | 3          |
|                  |                           | Jumlah    | 2     | 0            | 0          | 2          | 1         |            |
|                  | <b>Jumlah Keseluruhan</b> |           |       | <b>2,525</b> | <b>578</b> | <b>548</b> | <b>87</b> | <b>139</b> |

Bagi tahun 2017, cadangan penambahbaikan baharu yang akan dilaksanakan di dalam program PSL 1 adalah menjalinkan kerjasama dengan pihak Biro Tatanegara (BTN) dalam usaha untuk memupuk dan menyemai semangat cinta akan Universiti dan Negara serta pemantapan Jati Diri pelajar baharu dengan modul Kenegaraan daripada pihak BTN dan penambahbaikan modul daripada pihak Pusat Pembangunan Sahsiah Pelajar, BHEPA.



## DEWAN PERUNDINGAN PELAJAR (DPP)

Dalam merealisasikan universiti global, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) memberi fokus kepada menggerakkan penghakupayaan pelajar (*students empowerment*) melalui pelaksanaan Parlimen Mahasiswa yang pertama di Malaysia.

Penubuhan Parlimen Mahasiswa Universiti Sains Malaysia atau Dewan Perundingan Pelajar (DPP) adalah berlandaskan kepada aspirasi menggabungkan suara pelajar di semua peringkat kepimpinan yang mewakili keseluruhan pelajar USM.

Keahlian Dewan Perundingan Pelajar (DPP) terdiri daripada kepimpinan pelajar daripada kesemua kampus yang meliputi :

### Penyertaan Dewan Perundingan Pelajar

| Perwakilan                | Bilangan (Orang) |
|---------------------------|------------------|
| Majlis Perwakilan Pelajar | 45               |
| Wakil Persatuan Pelajar   | 23               |
| Pemerhati                 | 50               |
| <b>Jumlah</b>             | <b>118</b>       |

Usul-usul yang telah diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan atau usul yang mempunyai unsur-unsur yang mengganggu sensitiviti tidak akan dibawa untuk dibahaskan di dalam dewan. Perkara ini akan disaring oleh Jawatankuasa Khas Usul yang dianggotai oleh 11 orang pemimpin pelajar yang dipilih dalam kalangan pelajar mewakili kelab dan persatuan berdaftar. Pihak pentadbiran Universiti tidak terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses saringan dan perbahasan.

Pada tahun 2016, sebanyak dua sesi Mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar telah dijalankan iaitu pada 22 Mei 2016 dan 10 Disember 2016. Sebanyak 31 usul telah dibahaskan pada tahun 2016.



## NOVEL RESEARCH AND INNOVATION COMPETITION (NRIC)


*Novel Research and Innovation Competition* (NRIC) ialah program tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Sains Malaysia sejak 2007 sehingga kini. Pertandingan ini hanya terbuka kepada pelajar tahun akhir Ijazah Pertama dan Diploma Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Pada tahun 2016, NRIC juga telah melebarluaskan beberapa program di bawah program besar ini di mana melibatkan pertandingan di peringkat pelajar sekolah dan juga pelajar Ijazah Pertama Universiti Awam iaitu *Innovation Pitch Challenge* (IPC) dan *Communiti Research and Innovation Competition* (CORIC).

Matlamat NRIC ialah untuk meningkatkan inisiatif penyelidik-penyelidik muda dalam bidang Penyelidikan dan Inovasi. Tema pada tahun ini ialah "*Transformorphosis : Outshining The Innovationally*". Jumlah penyertaan bagi tahun 2016 ialah sebanyak 120 projek meliputi 69 buah IPTA dan 35 IPTS serta sembilan buah Universiti dari negara Thailand dan Indonesia.

Jumlah penyertaan bagi CORIC pula ialah sebanyak 17 penyertaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan IPC pula sebanyak 13 penyertaan.

Penyertaan daripada USM menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pencapaian mereka iaitu sebanyak enam pingat emas berbanding tahun 2015 hanya empat pingat emas sahaja yang diperolehi. Kategori yang dimenangi tersebut adalah satu pingat dari kategori '*Health and Medical Sciences*', satu pingat dari kategori '*Life Science*', dua pingat dari kategori '*Social Transformation and Creative Arts*', satupingat dari kategori '*Information Technology and Communication*' dan satu pingat dari kategori '*Engineering Technology*'. Manakala pingat perak ialah sebanyak empat pingat iaitu satu daripada kategori '*Fundamental Science*', dua daripada kategori '*Social Transformation and Creative Arts*' dan satu daripada kategori '*Health and Medical Sciences*'. Sebanyak empat pingat gangsa juga diperolehi iaitu bagi satu daripada kategori '*Engineering and Technology*', dua daripada kategori '*Information Technology and Communcation*' dan satu daripada kategori '*Fundamental Science*'.


Keseluruhannya, jumlah pingat yang telah dimenangi oleh USM pada tahun 2016 adalah sebanyak 14 pingat.



Rajah 5 : Perbandingan Jumlah Pingat Yang Dimenangi oleh Peserta USM Bagi Tahun 2015 dan 2016



Gambar-Gambar Sepanjang NRIC 2016





## EKSPLO KONVOKESYEN (ConvEx)



Ekspo Konvokesyen (ConvEx) tahun 2016 berlangsung pada 23 hingga 27 Oktober 2016 di Tapak Konvokesyen USM. Ekspo Konvokesyen ini telah diterajui oleh sembilan orang Majlis Tertinggi dari kalangan mahasiswa dan dua orang pegawai Penasihat BHEPA. Terdapat 12 buah jabatan yang telah memainkan peranan yang tersendiri dalam ekspo ini yang merupakan tulang belakang terhasilnya ekspo ini. Jumlah sekretariat seramai 67 orang termasuk Majlis Tertinggi dan 107 orang Penyelaras telah bergabung tenaga menjayakan program besar yang penuh sejarah ini.

Secara keseluruhannya, projek ini telah memberi impak yang besar kepada mahasiswa dan universiti kerana program ini mampu membuka mata masyarakat luar bahawa mahasiswa mampu untuk menjalankan aktiviti besar seperti ini dengan sendiri. Ekspo Konvokesyen juga mampu merapatkan jurang antara masyarakat dengan mahasiswa.

Selain itu, projek ini mampu memupuk semangat sepasukan antara sekretariat dan penyelaras. Kerjasama antara mereka dapat dilihat semasa mereka berusaha menangani sesuatu masalah dengan bersama-sama tanpa menghiraukan skop kerja asal mereka.

Terdapat pelbagai aktiviti dan pertandingan yang telah dijalankan sempena Ekspo Konvokesyen pada tahun ini. Antaranya *Battle of the Band*, *Samyang Challenge*, *Pantun Tiga Penjuru*, *Workout Challenge* dan banyak lagi. Pertandingan ini terbuka kepada mahasiswa USM dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Pengunjung tapak pesta daripada kalangan mahasiswa setiap hari amat memberangsangkan.

Ekspo ini juga turut dihadiri pengunjung luar termasuk masyarakat sekitar Pulau Pinang. Kehadiran artis pada waktu malam telah menjadi salah satu sebab untuk pengunjung luar menghadiri dan memeriahkan tapak konvo pada tahun ini.





## PROGRAM KERJAYA PELAJAR

### Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN)

| Bil           | Aktiviti                  | Tarikh   | Tempat              | Penyertaan   |           |
|---------------|---------------------------|----------|---------------------|--------------|-----------|
|               |                           |          |                     | Pelajar      | Syarikat  |
| 1             | Pameran Kerjaya           | 25 – 26  | Dewan Utama Pelajar | 1,670        | 46        |
| 2             | Temuduga Terbuka          |          |                     | 96           | 13        |
| 3             | Ceramah Kerjaya           | Mac 2016 | Kampus Induk        | 2,000        | 15        |
| 4             | Klinik Kaunseling Kerjaya |          |                     | 83           | 4         |
| <b>Jumlah</b> |                           |          |                     | <b>3,849</b> | <b>78</b> |

Jadual 6 : Statistik Pengunjung Mengikuti Aktiviti

EKSPEN 2016 telah membawa 46 buah syarikat dalam pameran kerjaya, 13 buah syarikat untuk menjalankan temuduga terbuka dan 15 syarikat mengambil bahagian dalam ceramah kerjaya. Berdasarkan jadual di atas, keseluruhan pengunjung adalah seramai 3,849 orang. Majoriti pengunjung adalah tertumpu kepada pameran kerjaya. Manakala 2,000 pengunjung adalah tertumpu dalam sesi ceramah kerjaya. Ini merupakan sambutan yang memberangsangkan kerana mendapat kerjasama yang baik daripada Pusat Pengajian dan penganjuran mata MyCSD. Seramai 96 orang daripada keseluruhan pengunjung yang hadir untuk menjalani temuduga terbuka. Manakala bagi perkhidmatan Klinik Kaunseling Kerjaya seramai 83 pengunjung yang mendapatkan perkhidmatan tersebut.

### Career Fair (CF)

| Bil           | Aktiviti                  | Tarikh           | Tempat              | Penyertaan   |            |
|---------------|---------------------------|------------------|---------------------|--------------|------------|
|               |                           |                  |                     | Pelajar      | Syarikat   |
| 1             | Pameran Kerjaya           | 16 – 17 Mac 2016 | Dewan Utama Pelajar | 2,475        | 65         |
| 2             | Temuduga Terbuka          |                  |                     | 200          | 30         |
| 3             | Ceramah Kerjaya           |                  | Kampus Kejuruteraan | 800          | 25         |
| 4             | Klinik Kaunseling Kerjaya |                  |                     | 70           | 0          |
| <b>JUMLAH</b> |                           |                  |                     | <b>3,545</b> | <b>120</b> |

Jadual 7 : Statistik Pengunjung Mengikuti Aktiviti

Program Career Fair 2016 (CF 2016) adalah kali ke-11 penganjurannya di Kampus Kejuruteraan dan pada kali ini program berlangsung pada 16 – 17 Mac 2016. Usaha ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung dalam dan luar kampus. CF 2016 telah membawa sebanyak 65 buah syarikat dan pengunjung seramai 3,545 orang dengan 111 orang pengunjung daripadanya adalah pengunjung daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaya (UM).

## PROGRAM APEX SCHOLAR

Program ini merupakan program khas yang dirancang untuk membimbing dan melahirkan sekumpulan pelajar H.E.B.A.T bagi tujuan untuk melahirkan pemimpin masa depan yang berpotensi dan berfikiran global.

Pelajar-pelajar APEX Scholar pengambilan Siri 1 yang terpilih mengikut Suitability Index dan PNGK yang cemerlang iaitu seramai 56 orang telah mengikuti beberapa modul yang telah dirancang oleh Penggubal Modul yang terdiri dalam kalangan pensyarah yang dilantik oleh Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) dan Pusat Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE). Antara program yang telah diikuti mereka ialah Pre-Induction Camp yang diadakan pada 26 Mei 2016 di Kampus Induk USM dan APEX Scholar Induction Camp yang telah diadakan pada 27 hingga 29 Mei 2016 di Kem D'Risa Impiana, Gerik, Perak. Beberapa perkara telah dinilai melalui modul ini antaranya ialah Language Proficiency, Ujian Personaliti, Ujian Kecergasan, Akademik dan Nilai Kenegaraan dan Jati Diri. Pelajar-pelajar ini juga diberikan insentif pengecualian yuran desasiswa dan keutamaan mengikuti program mobiliti pelajar di luar USM.

Penilaian akademik juga dipantau dari semasa ke semasa. Pelajar-pelajar program hendaklah mengekalkan prestasi sekurang-kurangnya PNGK 3.00 untuk kekal terus dalam program ini beserta insentif-insentif yang telah diberikan. Pemilihanambilan Siri 2 bagi pelajar-pelajar pengambilan sidang akademik 2015/2016 pula akan diadakan pada 13 Mei 2017.

## PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA

Entrepreneurship Centre (EpiC)@USM yang dahulu dikenali sebagai Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Jun 2011 bertujuan mempertingkatkan dan merencana aktiviti pembangunan keusahawanan yang lebih terancang, holistik dan berimpak tinggi dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti serta mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan seterusnya melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah. Penubuhan Pusat ini menepati objektif Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjadikan pembangunan keusahawanan sebagai salah satu projek Agenda Kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Dasar Pembangunan Siswa USM.

Dengan Misi 'To develop a new class of USM Entrepreneurial Graduate, Academician and Staff' EpiC telah berjaya :

- i. Melahirkan seramai 166 orang siswazah lulusan USM yang telah menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan pengajian.
- ii. Melibatkan 13,041 orang pelajar Ijazah Pertama dan Diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar Pascasiswazah) dalam aktiviti pendedahan/pembudayaan keusahawanan pada tahun 2016.
- iii. Melatih 279 orang usahawan pelajar menjalankan perniagaan secara aktif semasa dalam pengajian.
- iv. Menghasilkan 51 tenaga pengajar dalaman dan luaran yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan menjadi Penasihat atau Mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.



Bilangan ini menunjukkan satu pencapaian yang tinggi dalam mencapai indeks prestasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu :

Jadual 8 : Sasaran KPI pusat keusahawan universiti tahun 2016 yang ditetapkan oleh kpt

| Bil | KPI   | Sasaran KPT | Pencapaian EpiC |
|-----|---|-------------|-----------------|
| 1   | Bilangan pelajar IPT mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian    | 13,000      | 21, 326         |
| 2   | Bilangan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian | 110         | 166             |
| 3   | Bilangan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian              | 250         | 279             |

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 15 program anjuran EpiC dan juga anjuran bersama agensi luar telah pun dijalankan dengan penyertaan pelajar seramai 320 orang. Selain itu, EpiC juga telah berjaya melatih 62 usahawan terdiri daripada pelajar Ijazah Pertama dan Pascasiswazah melalui Program Inkubator Usahawan Pelajar yang terdapat di Uptown Mall, Kiosk Desasiswa dan Dataran Usahawan. Terdapat beberapa pencapaian yang berjaya diraih sepanjang tahun 2016 antaranya ialah :

Jadual 9 : Pencapaian pelajar untuk program keusahawanan

| Pertandingan/ Acara                                       | Pencapaian              |
|---|-------------------------|
| Enactus Malaysia National Cup                             | Anugerah All Star Award |
| Pertandingan Francais Siswa                               | Peringkat akhir         |
| Pertandingan MEA Award (Kategori Best Student Enterprise) | Peringkat akhir         |
| Pertandingan MEA Award (Kategori Institutional Awards )   | Peringkat akhir         |
| Pertandingan Pitching Business Model Canvas (BMC)         | Tempat ke-2             |



**Premis Perniagaan Pelajar**

**Tempat : Perkarangan Desasiswa Tekun**

**5 premis perniagaan berkonsepkan:**

- Minuman (minuman sejuk atau panas, dan jus buah-buahan)
- Makanan ringan (steambot, burger, keropok lekor dan ais krim)
- Ruang santai yang dilengkapi dengan kemudahan kerusi, meja dan televisyen

# Dataran Usahawan

**Premis Perniagaan Pelajar**

**Ruang perniagaan berbentuk kiosk yang ditawarkan di Kampus Induk dan kampus cawangan**

- 11 kiosk di Kampus Induk
- 2 kiosk di Kampus Kejuruteraan
- 2 kiosk di Kampus Kesihatan

**Perniagaan dimiliki sepenuhnya oleh pelajar berkonsepkan RINGKAS, CEPAT dan MUDAH seperti:**

- Makanan dan minuman
- Barangan elektronik
- Barangan runcit

# 1 Desasiswa 1 Kiosk



## Enactus USM unggul anugerah EMNC

info

**Sekretariat Enactus USM**

- Diturunkan pada tahun 2011.
- Mendapat sokongan Enactus Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Setiap aktiviti dijalankan bawah naungan PKU.
- Lebih 200 pelajar daripada pelbagai bidang pengajian menjadi ahli aktif setakat ini.

**Georgetown:** Sekretariat Enactus Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya meraih pengiktirafan 'All Star Award' dua tahun berturut-turut pada pertandingan Enactus Malaysia National Cup (EMNC) yang berlangsung di Pusat Konvesyen dan Pameran MATRADE (MECC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Penolong Pendaftar Kanan Pusat Keusahawanan Universiti (PKU) USM, Nurul Izzati Rozali, berkata anugerah itu diberikan kepada lima Enactus universiti awam (UA) dan universiti swasta yang aktif menjalankan program keusahawanan sosial serta berimpak tinggi bagi manfaat bersama.

Beliau yang juga Penasihat Sekretariat Enactus USM berkata, pasukan

kali ini dibarisi 10 ahli daripada pelbagai bidang pengajian, iaitu Kwan Wai Mun, Lim Yang Hock, Ngoi Hui Chien, Ong Gim Hoon, Soo Aje Ling, Yeong Hui Ling, Low Wei-Sherm, Yeong Kin Rong, Chak Lik Hao dan Low Kah Chun.

"Sekretariat Enactus USM masih ada beberapa perancangan untuk menambah baik projek keusahawanan sosial yang dijalankan dari semasa ke semasa.

**Bantu masyarakat**  
"Segala perancangan itu bertujuan membantu masyarakat melalui penyaluran maklumat dan kepakaran universiti kepada komuniti, di samping menaik taraf ekonomi mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu Presiden



Sekretariat Enactus USM ceria selepas memenangi 'All Star Award' dua tahun berturut-turut pada pertandingan EMNC.

Enactus USM, Yeong Hui Ling, berkata sekretariat berkenaan sudah menjalankan dua projek keusahawanan sosial, iaitu Techsave dan Trishaw, yang dipertandingkan pada EMNC.

Beliau berkata, projek

Techsave dijalankan bersama SIMA Handicapped Centre bertujuan menaik taraf ekonomi golongan orang kelainan upaya (OKU) di negeri ini.

"Projek Trishaw pula bertujuan menaik taraf

ekonomi penarik beca di sekitar negeri ini melalui pelbagai aktiviti, termasuk kelas asas pengurusan kewangan, pemasaran dan menghisab beca yang berjaya menarik perhatian hakim pertandingan," katanya.






## SUKARELAWAN PELAJAR

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 49 Program Kesukarelawanan dan penyertaan/penglibatan sebanyak 6,275 orang pelajar. Sebanyak 21 program bagi kategori Sekolah, 27 program bagi kategori Khidmat Komuniti dan satu Program Bencana.

Projek Baju Sekolah yang telah dianjurkan oleh Sekretariat Sukarelawan USM telah berjaya mengumpul dana daripada sumbangan orang ramai dan penajaan korporat sebanyak RM10,000.00 untuk disalurkan kepada anak-anak Asnaf di Balik Pulau, Pulau Pinang bagi membantu menyediakan keperluan asas ke sekolah.




Rajah 10 : Jumlah program/aktiviti kesukarelawanan tahun 2016




## PROGRAM PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN PELAJAR

Program dan aktiviti kebudayaan terbahagi kepada aktiviti seni tarian, teater, bengkel, jemputan persembahan luar, orkestra dan lain-lain.

Pada tahun 2016, Kumpulan Kesenian Adikarma di bawah seliaan Unit Kebudayaan BHEPA telah berjaya membawa pulang trofi 'Best Cultural Academic Presentation' sempena Pertandingan Tarian di Program Tahunan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) Varsity Carnival kali ke-18. Kumpulan ini juga telah dianugerahkan 'Anugerah Busana Terbaik' di Festival Zapin Johor MAKUM 2016. Seorang pelajar Kumpulan Kesenian Adikarma iaitu Saudari Chong Sin Yee dari Pusat Pengajian Seni telah dianugerahi 'Anugerah Bonang Emas' di Majlis Anugerah Seni MAKUM 2016 atas sumbangan dan penglibatan aktif beliau dalam bidang kebudayaan di universiti.



Rajah 11 : Jumlah aktiviti bagi tahun 2016



Rajah 12 : Jumlah penyertaan pelajar bagi program kebudayaan mengikut jenis persembahan

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Program Kebolehpasaran Graduan melalui Pusat Perhubungan Alumni telah dijalankan sepanjang tahun 2016 melibatkan beberapa syarikat luar seperti Talentcorp, HUAWEI Malaysia, Youth Today dan MyASEAN Internship. Pada tahun 2016, sebanyak lima Program Kebolehpasaran Graduan telah dijalankan kepada pelajar-pelajar USM. Yang berikut merupakan program-program yang dinyatakan:

Jadual 13 : Senarai program kebolehpasaran graduan bagi tahun 2016

| Bil | Program  | Tarikh            | Tempat                       | Penyertaan | Catatan   |
|-----|--|-------------------|------------------------------|------------|---|
| 1   | GE Bootcamp                                      | 11 - 13 Ogos 2016 | Kampus Induk Pulau Pinang    | 160        | Program ini merupakan program kerjasama Talentcorp. Matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar USM sebagai persediaan awal untuk memasuki alam pekerjaan.   |
| 2   | HUAWEI Career Fair                               | 14 November 2016  | Kampus Induk USM             | 250        | Program kerjasama antara HUAWEI Malaysia dan Youth Today. Diadakan kepada pelajar-pelajar semester akhir. Program berbentuk pendedahan, perkongsian pengalaman dan perjalanan kejayaan CEO Syarikat HUAWEI serta mencari bakat muda dan memberi peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar USM.   |
| 3   | TalentCorp Graduate Employability Programme 2016 | 30 November 2016  | Kampus Induk USM             | 138        | Program kerjasama antara Syarikat Talentcorp dan MyASEAN Internship. Tujuan program ini adalah untuk berkongsi rahsia kejayaan pelajar, Johan Mahmood Merican dan membuka satu platform untuk rakan kongsi USM dan menjemput ketua-ketua untuk membincangkan mengenai latihan industri zon  |
| 4   | Bengkel Penyediaan CV dan Sesi Temuduga          | 3 Disember 2016   | Dewan Kuliah Y, Kampus Induk | 171        | Bengkel penyediaan "Curriculum Vitae" dan langkah-langkah penyediaan diri untuk menjalani sesi temuduga terbuka kepada pelajar-pelajar USM sebagai persediaan awal sebelum tamat pengajian.   |
| 5   | Program Dell Roadshow                            | 16 November 2016  | Dell Inc.                    | 150        | Program ini diadakan adalah mencari bakat-bakat baru dalam kalangan graduan untuk memacu syarikat Dell Inc pada masa akan datang. Dell Inc. juga memberi pendedahan maklumat mengenai peluang pekerjaan dan kerjaya yang terdapat dalam syarikat tersebut. Dalam program tersebut, Dell Inc. juga membincangkan mengenai kerjasama pihak USM dalam menjayakan program kebolehpasaran graduan akan datang. |



## PENCAPAIAN-HUBUNGAN INDUSTRI/PELUANG PEKERJAAN

Merujuk kepada program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016, Pusat Perhubungan Alumni (PPAUSM) telah berjaya bekerjasama dengan syarikat luar dalam menjayakan kebolehpasaran graduan. Diantaranya ialah seperti yang berikut :

### i. Latihan Industri

- a. PPAUSM telah bekerjasama dengan syarikat luar untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar USM semasa membuat latihan industri.
- b. Senarai syarikat luar yang bekerjasama ialah Abbott Laboratories Limitedum, CUEPACS, Siangpack Sdn Bhd, EKG Network, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), KDU Penang Universiti Kolej, Havana Concept, TH Learning Resources Sdn Bhd, EZ Network Sdn Bhd, Syarikat Cengkih Prima Sdn Bhd, Think Plus Consulting Sdn Bhd, GlaxoSmithKline, PDN Resources (M) Sdn Bhd, AEON Credit Service (M) Berhad, DRB-HICOM, Moving Walls Sdn Bhd, Western Digital, Hunza Properties (Corporate Services) Sdn Bhd, Project Xpert Sdn Bhd, SD Global Technologies, Ken Prima, Universiti Malaysia Terengganu, Boon Siew Honda Sdn Bhd dan IT ASP. Net Web Development Company.

### ii. Peluang pekerjaan

- a. PPAUSM telah memberi peluang untuk pelajar-pelajar mahupun para graduan untuk membuat susulan dengan beberapa syarikat luar yang telah membuka pengiklanan kekosongan jawatan yang bersesuaian dalam bidang yang telah diceburi oleh pelajar-pelajar dan graduan.
- b. Antara syarikat luar ialah Inteksoft Sdn Bhd, Country Garden, Kexxel's Group, Rakuten, Inc., Sutherland Global Service, PPH Printing & Packaging Sdn Bhd, Tech Mahindra, Manpower Group, Team Excel Sdn Bhd, Perfect Food Manufacturing (M) Sdn Bhd, The Manpower Group, TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn Bhd, Affin Bank Bhd, Aegis BPO Malaysia Sdn Bhd dan Titron Rubber Industries (M) Sdn Bhd.

## ASEAN STUDENT ENTREPRENEURSHIP NETWORK (ASENet)

ASEAN Student Entrepreneurship Network (ASENet) bertujuan sebagai sebuah landasan kepada penyatuan badan-badan pertubuhan pelajar di seluruh negara ASEAN untuk merancang, melaksana dan menambahbaik program-program pembangunan keusahawanan pelajar yang dijalankan di universiti yang terlibat. Matlamat program ini adalah untuk memantapkan bidang keusahawanan di universiti yang terlibat sekali gus melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri H.E.B.A.T. Ianya menepati hasrat Universiti melalui Perutusan Naib Canselor 2016 dalam merealisasikan universiti global.



ASEAN STUDENT ENTREPRENEURSHIP NETWORK (ASENet)

|             |            |
|-------------|------------|
| 1 Thailand  | 6 Malaysia |
| 2 Vietnam   | 7 Myanmar  |
| 3 Indonesia | 8 Kambodia |
| 4 Singapura | 9 Laos     |
| 5 Filipina  | 10 Brunei  |



Program ini telah dijalankan pada 20 hingga 23 Januari 2016 di Kompleks Cahaya Siswa, USM. Peserta USM yang terlibat adalah seramai 110 orang manakala peserta luar yang terlibat adalah seramai 121 orang dari 11 IPTA dan 12 universiti luar negara.

Impak dari persidangan ini, rangkaian keusahawanan di peringkat ASEAN yang dianggotai oleh pelajar dan universiti tempatan dan ASEAN berjaya dibentuk dan mendapat persetujuan antara universiti bagi menjalankan program pembangunan keusahawanan secara bergilir-gilir antara universiti ASEAN yang terlibat setiap tahun.

Bagi penganjuran seterusnya diharapkan dapat menarik minat dan penyertaan dari universiti-universiti lain yang masih belum menjadi ahli ASENNet tidak kira dari dalam negara mahupun luar negara. Dengan penyertaan yang lebih menyeluruh dari negara ASEAN lain, akan memantapkan lagi bidang keusahawanan pada masa akan datang.

## PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (SISTEM ePILIH)

Dalam merealisasikan universiti global, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) mengambil inisiatif untuk menggantikan kaedah konvensional dalam proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar kepada kaedah pemilihan dalam talian atau dikenali sebagai Sistem ePilih.

Mesyuarat Dasar Majlis Pemilihan Siswa yang dipengerusikan oleh Naib Canselor pada 17 Ogos 2016 telah menetapkan kaedah Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar bagi Sidang Akademik 2016/2017 menggunakan sistem pemilihan dalam talian atau Sistem ePilih.

Pelaksanaan Sistem ePilih ini telah memberi impak besar dari segi penjimatan masa. Kaedah konvensional yang diamalkan sebelum ini proses pengiraan, penjumlahan undi dan pengumuman keputusan menggunakan Sistem E-Kira telah mengambil masa lebih lapan jam untuk diselesaikan. Dengan menggunakan Sistem ePilih ini, proses penjumlahan undi dan pengumuman keputusan telah diselesaikan dalam tempoh kurang dua jam.

Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) bertanggungjawab sebagai urus setia Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar bersama-sama Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) bertanggungjawab mengurus, membangunkan sistem dan melaksana proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar menggunakan Sistem ePilih pada 13 Oktober 2016. Sebanyak 45 konstituensi telah dipertandingkan di ketiga-tiga kampus.

**Pemilihan  
Majlis Perwakilan Pelajar  
Sidang Akademik 2016/2017**

Hari Pemilihan (*ePilih*)  
**13 Oktober 2016 | 8.30 pagi – 5.00 petang**

Lokasi Pemilihan

|   |   |   |  |
|---|---|---|--|
| Dewan Utama Desasiswa (DUD)<br><b>RESTU<br/>SAUJANA<br/>TEKUN</b> | Dewan Utama Pelajar (DUP)<br><b>INDAH KEMBARA<br/>PETAS</b> | Dewan AMAN K09<br><b>AMAN DAMAI<br/>FAJAR HARAPAN</b> | Dewan Cahaya Lobi Bistari H33<br><b>BAKTI PERMAI<br/>CAHAYA GEMILANG</b> |
|---|---|---|--|

**Semakan Daftar Pemilih • <https://mps.usm.my/semakan>**  
11 Oktober 2016 boleh disemak selepas 12.00 tengahari

Pemilihan secara **ELEKTRONIK**  
**Wajib bawa  
kad matrik pelajar &  
kad pengenalan**





## PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR

Pihak BHEPA juga sangat menekankan aspek perkhidmatan dan kebajikan pelajar seperti kewangan, pinjaman pelajar, tajaan dan biasiswa, perkhidmatan pengangkutan, hal ehwal kebajikan pelajar OKU dan kaunseling pelajar. Berikut merupakan laporan berkaitan hal ehwal perkhidmatan dan kebajikan pelajar yang diberikan oleh BHEPA sepanjang tahun 2016.

### Tabung Kemudahan Dan Kesihatan Pelajar

Tabung Kemudahan dan Kesihatan Pelajar diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pelajar sebagai usaha menjaga kebajikan mereka. Kemudahan ini disediakan khususnya untuk pelajar berdaftar penuh masa di Universiti dan tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa mengikut keputusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU). Tabung Kesihatan Pelajar adalah bertujuan untuk pembiayaan kos perubatan bagi pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Pelajar Pasca Ijazah Penuh Masa. Bagi Tahun 2016, BHEPA telah berbelanja dengan berhemah.

### Tabung Kebajikan Pelajar

Kemudahan Tabung Kebajikan Pelajar adalah bagi memastikan sumber kewangan tersedia dalam membantu pelajar dan keluarga pelajar yang ditimpa masalah seperti masalah kewangan, kematian, kemalangan dan sebagainya.

Antara bentuk bantuan kewangan yang disediakan melalui Tabung Kebajikan Pelajar ini adalah sumbangan Khairat Kematian yang merangkumi kematian pelajar dan ahli-ahli keluarga pelajar, kemalangan, kecacatan anggota akibat kemalangan, pembelian alat sokongan pergerakan bagi pelajar cacat anggota, bantuan kewangan bagi pelajar mangsa bencana dan sumbangan wang ehsan.


Jadual dibawah menerangkan bantuan yang telah di salurkan kepada pelajar bagi tahun 2016. Jumlah bantuan kebajikan yang diberikan pada tahun 2016 adalah sebanyak 65 kes.



Rajah 14 : Statistik pelajar yang mendapat bantuan tabung kebajikan mengikut kes bagi tahun 2016 (ketiga-tiga kampus)

## Kaunseling

Pada dasarnya Unit kaunseling dengan kekuatan seramai tiga orang kaunselor di Kampus Induk, satu orang di Kampus Kejuruteraan dan satu orang di Kampus Kesihatan menyediakan perkhidmatan Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Aktiviti Perkembangan, Pengurusan Tabung Kebajikan Pelajar dan Pameran Kerjaya. Bagi tahun 2016, jumlah peratusan pelajar yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling mengikut jantina berdasarkan jumlah 485 klien yang hadir ke sesi kaunseling bagi ketiga-tiga kampus adalah sebanyak 278 orang adalah terdiri daripada pelajar perempuan dan sebanyak 207 orang adalah pelajar lelaki.



Rajah 15 : Jumlah sesi kaunseling pelajar bagi tahun 2016

Perincian isu yang dibincangkan oleh klien adalah seperti berikut :

Jadual 16 : Jumlah pelajar mengikut kategori isu


| Bil.          | Isu               | Bil. Pelajar |
|---------------|-------------------|--------------|
| 1.            | Akademik          | 172          |
| 2.            | Peribadi          | 107          |
| 3.            | Ujian Psikometrik | 106          |
| 4.            | Kewangan          | 34           |
| 5.            | Personaliti       | 26           |
| 6.            | Perhubungan       | 13           |
| 7.            | Keluarga          | 8            |
| 8.            | Kemurungan        | 8            |
| 9.            | Bimbingan Kerjaya | 5            |
| 10.           | Lain-lain         | 5            |
| 11.           | Motivasi          | 1            |
| <b>Jumlah</b> |                   | <b>485</b>   |

Jadual dan carta di atas menjelaskan taburan isu-isu atau masalah pelajar yang dibincangkan dalam sesi kaunseling. Isu paling kerap yang dibawa oleh pelajar adalah masalah akademik dengan 172 kes. Proses kaunseling di bawah isu ini adalah dengan membantu membina semangat diri, membincangkan 'coping strategy' yang perlu dipraktikkan dan membincangkan perkara-perkara lain yang akan mengganggu proses akademik mereka.



Isu kedua tertinggi adalah isu peribadi dengan rekod sebanyak 107 kes. Masalah peribadi adalah merujuk kepada masalah perhubungan seperti konflik dalam kekeluargaan, percintaan, masalah personaliti (kritik diri), komunikasi, gangguan seksual, konflik dengan rakan, konflik dengan pensyarah dan pengurusan masa.

Peratusan ketiga tertinggi adalah ujian psikometrik iaitu sebanyak 106 kes. Ia merupakan salah satu ujian yang digunakan oleh klien untuk mengetahui jenis personaliti diri. Ujian ini juga membolehkan klien mengetahui kekuatan dan kelemahan diri untuk diperbaiki.



Rajah 17 : Jumlah perkhidmatan kaunseling kelompok mengikut kategori isu

Carta di atas menjelaskan taburan isu yang dibincangkan pelajar dalam kaunseling kelompok. Kaunseling kelompok dijalankan secara berkumpulan dengan isu dan masalah yang bincangkan adalah sama. Sesi kelompok mencatat 28 kes bagi isu peribadi, 10 kes isu kewangan dan empat kes isu akademik.

### Program Perkembangan Psikologi

Selain menyediakan perkhidmatan kaunseling, program perkembangan psikologi melalui pendekatan pencegahan dan pemulihan juga dilaksanakan sebagai salah satu usaha membantu mensejahterakan pelajar dalam mengharungi cabaran kehidupan dan membina konsep sendiri yang kukuh. Program-program yang dilaksanakan adalah direka khusus bagi membolehkan para pelajar berkeupayaan bermandiri seiring dengan perkembangan fisiologi, kognitif dan sosial.

Yang berikut merupakan program perkembangan psikologi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016

Jadual 18 : Program perkembangan psikologi bagi tahun 2016

| No.                         | Jenis/Kategori                 | Bil. Program | Bil. Peserta      | Catatan  |
|-----------------------------|--------------------------------|--------------|-------------------|--|
| 1.                          | Program Perkembangan Fisiologi | 15           | 253 (36.3%)       | Fokus program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah kepada perkembangan personaliti, pengurusan stress, gaya hidup sihat dan terapi. |
| 2.                          | Program Perkembangan Kognitif  | 6            | 324 (46.48%)      | Program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah fokus kepada penyelesaian masalah, membuat keputusan dan motivasi.                     |
| 3.                          | Program Perkembangan Sosial    | 9            | 120 (17.22%)      | Program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah fokus untuk membina keupayaan komunikasi dan interaksi.                                |
| <b>Jumlah &amp; Peratus</b> |                                | <b>31</b>    | <b>697 (100%)</b> |  |

## PINJAMAN, TAJAAN DAN BIASISWA PELAJAR

Sebanyak enam jenis/kategori penaja utama telah dikenalpasti. Bagi Kampus Induk seramai 9,845 orang pelajar (71%) mempunyai penaja, manakala bagi Kampus Kejuruteraan seramai 2,167 orang pelajar (68%) berpenaja dan bagi Kampus Kesihatan seramai 2,308 orang pelajar (76%) berpenaja. Kesimpulannya 71% pelajar USM mempunyai penaja dan hanya 29% yang membiayai sendiri pengajian.

Jadual 19 : Statistik keseluruhan pelajar ijazah sarjana muda (sepenuh masa) usm yang memegang biasiswa dan pinjaman bagi sidang akademik 2016/2017


| Bil                         | Jenis/ Kategori Penaja  | Jumlah Penerima Mengikut Kampus |                     |                  |
|-----------------------------|---|---------------------------------|---------------------|------------------|
|                             |   | Kampus Induk                    | Kampus Kejuruteraan | Kampus Kesihatan |
| 1.                          | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)                  | 5,641                           | 1,053               | 835              |
| 2.                          | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)                                       | 969                             | 330                 | 895              |
| 3.                          | Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)                          | 60                              | 0                   | 0                |
| 4.                          | Biasiswa Swasta/Korporat  | 120                             | 42                  | 10               |
| 5.                          | Biasiswa dan Pinjaman Kerajaan Negeri/ Yayasan Negeri/ Badan Berkanun | 188                             | 40                  | 6                |
| 6.                          | Biasiswa Dari Tabung Bakat Yayasan USM                                | 19                              | 10                  | 3                |
| Jumlah Pelajar Berpenaja    |   | 6,997 (71%)                     | 1,475 (68%)         | 1,749 (76%)      |
| <b>Jumlah Pelajar Aktif</b> |   | <b>9,845</b>                    | <b>2,167</b>        | <b>2,308</b>     |
| Jumlah Pelajar Tanpa Penaja |   | 2,848 (29%)                     | 692 (32%)           | 559 (24%)        |



Selain dari pinjaman dan tajaan/biasiswa dari pihak luar, BHEPA juga menyediakan kemudahan Pinjaman Jangka Pendek dan Jangka Panjang. Bayaran balik pinjaman dikenakan kepada pelajar selepas tamat pengajian secara tunai atau ansuran. Kos perkhidmatan dikenakan sebanyak 4% setahun mulai dari tarikh pinjaman dikeluarkan.

Jadual 20 : Statistik keseluruhan pelajar ijazah sarjana muda (sepenuh masa) usm memohon pinjaman jangka pendek dan pinjaman jangka panjang bagi sidang akademik 2016/2017

| Bil | Jenis Pinjaman          | Bilangan Pelajar |            | Jumlah Permohonan |
|-----|-------------------------|------------------|------------|-------------------|
|     |                         | Semester 1       | Semester 2 |                   |
| 1.  | Pinjaman Jangka Pendek  | 105              | 20         | 125               |
| 2.  | Pinjaman Jangka Panjang | 22               | 14         | 36                |



## KEMUDAHAN DAN BANTUAN PELAJAR OKU

Jadual 21 : Statistik pelajar OKU yang menerima bantuan sara hidup

| Perkara                                  | Bil. Pelajar RPPJJ  | Bil. Pelajar Sarjana Muda | Bil. Pelajar Ijazah Tinggi |
|--|---------------------|---------------------------|----------------------------|
| Bantuan Wang Saku (RM 1,800.00/semester) | Tidak Layak Memohon | 28 orang                  | 8 orang                    |
| Bantuan Yuran Pengajian                  | 2 orang             | 29 orang                  | 2 orang                    |

Jumlah keseluruhan pelajar OKU yang memohon bantuan Wang Saku dan bantuan yuran pengajian daripada pihak KPT adalah seramai 36 orang. Semua pelajar sepenuh masa sama ada di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Tinggi adalah layak untuk mendapat bantuan Wang Saku dan Bantuan Yuran Pengajian manakala bagi pelajar Rancangan Pengajian Pendidikan Jarak Jauh adalah hanya layak bagi bantuan yuran pengajian sahaja.

## PENGURUSAN ZAKAT

Sekretariat Zakat Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan satu badan yang menguruskan bantuan zakat kepada pelajar USM bagi para pelajar yang memerlukan. Kategori bantuan yang diberikan ialah Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Yuran Pengajian untuk pelajar-pelajar yang mempunyai status keputusan peperiksaan P1 dan P2.

Objektif bantuan zakat ini juga adalah untuk mengupayakan golongan terkebahawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka sesuai dengan hasrat Universiti Sains Malaysia. Melalui bantuan yang diberikan ini, ianya dapat membantu para pelajar terbabit meneruskan kelangsungan hidup di USM.


Bagi Kategori Asnaf Fakir dan Miskin, bantuan zakat hanya diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak menerima bantuan/pinjaman kewangan dari mana-mana pihak seperti PTPTN, MARA dan lain-lain. Manakala kategori Asnaf Fisabilillah pula diberikan kepada pelajar yang menerima bantuan atau pinjaman kewangan dan kadar perkepala mestilah tidak melebihi RM601.00 seorang. Bagi tahun 2016, terdapat tiga asnaf agihan zakat.

Jadual 22 : Statistik penerima zakat bagi tahun 2016

| Bil                       | Asnaf        | Bilangan Pelajar Kampus Induk | Bilangan Pelajar Kampus Kejuruteraan | Jumlah     |
|---------------------------|--------------|-------------------------------|--------------------------------------|------------|
| 1.                        | Fakir        | 42                            | 2                                    | 44         |
| 2.                        | Miskin       | 11                            | 3                                    | 14         |
| 3.                        | Fisabilillah | 766                           | 43                                   | 809        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |              |                               |                                      | <b>867</b> |



Kesimpulannya, jumlah asnaf yang menerima zakat bagi tahun 2016 adalah seramai 867 orang, bagi Kampus Induk sebanyak 819 orang dan Kampus Kejuruteraan seramai 48 orang. Pecahan asnaf yang menerima zakat mengikut kategori adalah seperti yang berikut :



Rajah 23 : Jumlah asnaf yang menerima zakat bagi tahun 201 mengikut kategori asnaf

## PENGINAPAN PELAJAR

Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) di bawah pengurusan Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU) yang telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1998 dan diletakkan terus di bawah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (HEPA) juga menjaga hal ehwal penginapan pelajar.

Pada 24 Jun 2016, UPPU telah dijadikan Pusat Perumahan dan Penginapan Universiti (P3U) berdasarkan Minit Mesyuarat ke-81 JKPU Bil. 6/2016. Antara peranan utama P3U ialah:

- i. Mengurus hal-hal yang berkaitan dengan perumahan dan penginapan universiti (Desasiswa dan perumahan kampus)
- ii. Menjadi sekretariat melaksana dasar, garis panduan dan arahan/ keputusan Jawatankuasa Universiti. Contoh Jawatankuasa Pengurusan Premis Perniagaan
- iii. Menjana pendapatan untuk Tabung Pusat Desasiswa

Yang berikut merupakan dua objektif dan strategi utama Pusat Perumahan dan Penginapan Universiti :

- i. Penjanaan Pendapatan

Menjana sumber pendapatan yang sentiasa meningkat bagi memastikan Tabung Pusat Desasiswa mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai operasi dan pembangunan perumahan dan penginapan universiti.

- ii. Pengurusan Perumahan dan Penginapan

Memastikan perumahan dan penginapan universiti dalam keadaan yang kondusif. Pada tahun 2016 sebanyak lebih kurang RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta) telah diperuntukkan bagi kerja-kerja naiktaraf kemudahan desasiswa bagi memastikan semua dalam keadaan baik dan sempurna. Antara kerja tersebut ialah naik taraf tandas dan tingkap di Desasiswa Bakti Permai Cahaya Gemilang, mengganti kipas siling di Desasiswa Aman Damai Fajar Harapan, naik taraf lantai jubin koridor di Desasiswa Indah Kembara dan naik taraf dewan di Desasiswa Nurani.

Jadual di bawah merupakan statistik penginapan pelajar bagi tahun 2016:

Jadual 24 : Statistik penginapan pelajar ketiga-tiga kampus bagi tahun 2016

| Kampus        | Tempat Ijazah Pertama |              | Jumlah        | Tempat Ijazah Tinggi |              | Jumlah       | Jumlah Keseluruhan |
|---------------|-----------------------|--------------|---------------|----------------------|--------------|--------------|--------------------|
|               | Lelaki                | Perempuan    |               | Lelaki               | Perempuan    |              |                    |
| Induk         | 2,894                 | 6,468        | 9,362         | 426                  | 853          | 1,279        | 10,641             |
| Kejuruteraan  | 1,258                 | 872          | 2,130         | 276                  | 115          | 476          | 2,606              |
| Kesihatan     | 824                   | 1,943        | 2,767         | 33                   | 33           | 66           | 2,833              |
| <b>Jumlah</b> | <b>4,976</b>          | <b>9,283</b> | <b>14,259</b> | <b>735</b>           | <b>1,001</b> | <b>1,821</b> | <b>16,080</b>      |

## PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI

Selaras dengan perubahan nama Pejabat Perhubungan & Pemajuan Alumni kepada Pusat Perhubungan Alumni (PPAUSM) yang berkuatkuasa pada tahun 2016, PPAUSM telah mengorak langkah menyusun halatuju, merancang pelbagai strategi dan mekanisme bagi memastikan kelangsungan Perhubungan Alumni dengan alma mater (USM). Di antaranya adalah seperti yang berikut:

**i. Jawatankuasa TNC HEPA bersama 38 orang Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah dan Wakil Tetap Alumni PTJ (Pusat Pengajian / Institut / Pusat Akademik / Kecemerlangan - yang mempunyai program akademik)**

PPAUSM telah mewujudkan beberapa agenda/aktiviti flagship yang menghubungkan Alumni USM dengan warga Universiti terutamanya siswa & siswi. Sepanjang tahun 2016, terdapat 132 program/aktiviti yang membabitkan seramai 127 alumni USM telah berjaya dilaksanakan.

**ii. Penglibatan Alumni dalam aktiviti persatuan/kelab/pasukan pakaian seragam**

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti kempen kesedaran penglibatan alumni dalam aktiviti persatuan/kelab/pasukan pakaian seragam, penubuhan Pusat Sehati bagi memberikan penasihat kepada pemimpin persatuan pelajar. Sepanjang tahun 2016, seramai 61 alumni dan 680 siswa siswi telah terlibat secara langsung.

**iii. Penglibatan Alumni bukan PTJ dan bukan persatuan/kelab/pasukan pakaian seragam**

Program bulanan bersama Alumni – 19 program/aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 24 alumni dan Program Alumni dan Masyarakat – 3 program/aktiviti Alumni Turun Padang dilaksanakan iaitu:

- bersama pelajar SMKA Al Irshad, SMK Datuk Hj. Abdul Kadir & SMK Hj. Ahmad Badawi pada 28 Julai 2016;
- bersama pelajar SMKA Al-Mashor (P), SMK Hj. Zainal Abidin & SMK(P) St. George pada 4 Ogos 2016; dan
- bersama pelajar/belia Orang Asli Ulu Slim, Slim River, Perak pada 4 - 6 November 2016





SK. Pos Bersih, Ulu Slim, Slim River, Perak

#### iv. Pemantapan pangkalan data alumni (dalam dan luar negara)

Penubuhan persatuan/chapter alumni USM di dalam dan luar negara

- Dalam Negara – Perak, Sabah dan Terengganu melibatkan 320 alumni



- Luar Negara – Brunei, 11-14 November 2016 yang melibatkan 15 alumni



Membantu meningkatkan reputasi Universiti (mempromosikan program-program akademik melalui alumni USM) :

- Tiga program di Brunei, Indonesia dan Kazakhstan
- Work-of-Mouth – program ini dilaksanakan secara berterusan





Sokongan kepada aktiviti persatuan alumni (dalam dan luar negara)

- Dalam Negara
  - (a) Pameran Seni (Spectrum Art Exhibition) melibatkan 48 alumni
  - (b) Hari Alumni/Dinner Palapes melibatkan 170 alumni
  - (c) Breakfast bersama Palapes 1983 melibatkan 50 alumni
  - (d) Dinner Persatuan Alumni USM melibatkan 640 alumni
  - (e) Re-Union Alumni USM 1986 melibatkan 180 alumni
  - (f) Perhimpunan Alumni Tahunan ISDEV melibatkan 35 alumni
  - (g) Program Home Coming
  - (h) Majlis Nostalgia 30 Tahun Palapes USM





- Luar Negara (a) Persidangan Antarabangsa ICEST – Ikatan Alumni USM Sumatera Utara yang melibatkan 200 alumni





v. Membina saluran pengemaskinian data alumni

- Membina laman sesawang – <http://welead.usm.my>

**PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI** UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## SISTEM ALUMNI USM

**Username (Email)**

**Password**

[Forgot Password?](#)

**SIGN IN**

Don't have an account yet?  
[Create Alumni Account](#)

Copyright © 2016 - 2017  
PPKT Engineering Campus USM. All rights reserved.  
For any enquiries please email: [dir\\_alumni@usm.my](mailto:dir_alumni@usm.my)

- vi. Memantapkan Laman Sesawang dan Facebook PPA menjadi lebih interaktif dan informatif  
Aktiviti ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama pihak PPKT
- vii. Menambah dan memantapkan data alumni USM tempatan (successful / prominent)  
Bekerjasama dengan semua Ketua PTJ di USM dan Pengerusi Persatuan/Chapter Alumni iaitu 1,224 data alumni berjaya dikumpulkan
- viii. Bentuk Sumbangan (KIP) :

Penglibatan siswa dan siswi (bakat, keusahawanan dan kebolehpasaran) melalui program e-Rezeki Global High Income Apprentice yang melibatkan 32 alumni USM;



- *Staff attachment* yang melibatkan 15 orang pelajar
- ix. Penajaan Kewangan :
  - Sewaan Tetap (pengusahaan gerai di Anjung Budi)
  - Sewaan Tidak Tetap (sewaan aktiviti di premis Anjung Budi)
  - Penjualan Frame Gambar (Majlis Konvokesyen USM)



x. PPA sebagai Ahli Jawatankuasa MyAlumni KPT :

USM melalui PPAUSM telah dipilih dalam Kluster MyAlumni iaitu bagi penubuhan persatuan alumni Malaysia di negara-negara (luar negara) yang akan ditentukan oleh KPT – USM telah dipilih sebagai peneraju untuk penubuhan MyAlumni Council Kazakhstan



xi. MyAlumni Council Kazakhstan

- 26 September 2016 di Hilton Garden Inn, Astana, Kazakhstan
- 50 Alumni daripada Universiti-Universiti di Malaysia

## PEMBANGUNAN SUKAN & REKREASI

Pusat Sukan & Rekreasi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Pembangunan Sukan, Pengurusan Acara dan Pembangunan Infrastruktur.

### Pembangunan Sukan

Pusat Sukan & Rekreasi menyediakan perkhidmatan pembangunan sukan dan mengenalpasti potensi kecemerlangan sukan dalam kalangan pelajar dan staf dengan penganjuran aktiviti kesukanan dan rekreasi. Pusat Sukan & Rekreasi juga turut membantu mewujudkan budaya sukan dikalangan warga kampus supaya dapat melahirkan masyarakat sihat serta meningkatkan perpaduan kaum melalui sukan.

Selain itu, Pusat Sukan & Rekreasi juga bertindak sebagai pusat latihan dalam penyediaan pasukan universiti dalam kalangan pelajar dan staf ke kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penzahiran generasi pelajar dan staf yang cergas, cerdas, tangkas serta memiliki daya saing dan daya juang “thinking athlete” yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.

Matlamat Pusat Sukan & Rekreasi ialah untuk meningkatkan prestasi atlet USM untuk kecemerlangan pada semua peringkat terutamanya pertandingan kebangsaan dan antarabangsa melalui program latihan yang sistematik untuk memastikan latihan dijalankan sepanjang tahun. Pusat Sukan & Rekreasi juga membangunkan atlet USM dan mewujudkan jurulatih yang bertauliah melalui skim persijilan kebangsaan serta memajukan bersama persatuan sukan kebangsaan dan pengelolaan kejohanan tempatan dan antarabangsa. Yang berikut ialah pencapaian pelajar dalam beberapa kategori sukan yang disertai sepanjang tahun 2016.

Jadual 25: Pencapaian pelajar USM sebagai atlet bagi tahun 2016

| Bil. | Nama                                     | Pusat Pengajian  | Anugerah Yang Diperoleh                    | Pertandingan   | Tarikh                 | Peringkat    |
|------|--|------------------|--|--|------------------------|--------------|
| 1    | Lim Chee Wei<br>(KARATE-DO)              | Ilmu Kemanusiaan | Quarter Final                              | Karate 1 World Cup, Lasko Slovenia                   | 12 – 15 Mac 2016       | Antarabangsa |
|      |  |                  | Olahragawan Masum 2014                     |  |                        | Kebangsaan   |
| 2    | Fatin Nurfatehah Mat Salleh<br>(MEMANAH) | Sains Perubatan  | Emas Berpasukan                            | Asia Cup Stage 1 Bangkok Thailand                    | 20 – 27 Mac 2016       | Antarabangsa |
|      |  |                  | Gangsa Campuran Berpasukan                 | World Archery University Championship 2016, Mongolia | 1 – 5 Jun 2016         | Antarabangsa |
|      |  |                  | 3 Emas<br>(Individu, Mixed Dan Berpasukan) | Asean University Game, Singapore                     | 11 – 17 Julai 2016     | Antarabangsa |
|      |  |                  | 2 Emas<br>(Individu, Mixed Dan Berpasukan) | Sukan Institusi Pengajian Tinggi (Sukipt) 2016       | 25 Jan. – 7 Feb 2016   | Kebangsaan   |
|      |  |                  | Olahragawati Masum 2015                    |  |                        | Kebangsaan   |
| 3    | Geh Cheow Lin<br>(PELAYARAN)             | Ilmu Pendidikan  | Emas                                       | Shanghai International Chinese Dragon Boat 2016      | 22 – 25 September 2016 | Kebangsaan   |



| Bil. | Nama                      | Pusat Pengajian                     | Anugerah Yang Diperoleh                      | Pertandingan   | Tarikh                  | Peringkat    |
|------|---------------------------|-------------------------------------|--|--|-------------------------|--------------|
| 4    | Khaw Yee Voon (KARATE-DO) | Perumahan, Bangunan dan Perancangan | Emas   | Sukipt 2016  | 1 – 4 Februari 2016     | Kebangsaan   |
|      |                           |                                     | Perak  | K1 Karate Premier League, Dubai UAE                      | 10 – 11 April 2016      | Antarabangsa |
|      |                           |                                     | Gangsa                                       | 5th Seakf Karate Championship Kata, Port Dickson         | 1 – 5 Jun 2016          | Kebangsaan   |
|      |                           |                                     | Emas (Individu Dan Team Kata)                | Sukma Sarawak, Miri 2016                                 | 19 – 21 Julai 2016      | Kebangsaan   |
|      |                           |                                     | 1 Emas (Individu Kata)                       | Sukan Institusi Pengajian Tinggi (Sukipt) 2016           | 25 Jan – 7 Feb 2016     | Kebangsaan   |
|      |                           |                                     | Anugerah Pasukan Terbaik Negeri Pulau Pinang |  |                         | Negeri       |
| 5    | Ian Leondy (RENANG)       | Komunikasi                          | 1 Perak, 1 Gangsa                            | Sukipt 2016  | 25 Januari – 4 Feb 2016 | Kebangsaan   |
|      |                           |                                     | Ke-7   | Labuan International Sea Challenge Swimming 2016, Labuan | 1 – 3 Mei 2016          | Antarabangsa |



Geh Cheow Lin



Fatin Norfatehah Mat Salleh



Lim Chee Wei

## Pengurusan Acara

Program pengurusan acara ini adalah penganjuran acara sukan oleh para siswazah USM di peringkat Universiti, Negeri dan Antarabangsa. Program ini menepati hasrat universiti iaitu mewujudkan pelajar yang Holistik, Pemikiran dan Keusahawanan dalam menguruskan acara di peringkat antarabangsa dengan idea-idea baru mengikut peredaran masa dan keperluan pembangunan sukan Malaysia seiring dengan hasrat kerajaan dan persatuan sukan negara. Program-program ini dianjurkan oleh para pelajar dengan nasihat dan bimbingan daripada Pusat Sukan & Rekreasi. Para pelajar ditugasi untuk mewujudkan jawatankuasa masing-masing mengikut keperluan penganjuran kejohanan.

Bagi tahun 2016, terdapat lima program Pengurusan Acara yang dijalankan oleh para pelajar iaitu Pesta Bola Jaring USM Penang International, Pesta Hoki USM Penang International, Temasya Olahraga Tahunan USM, Sukan antara Desasiswa (SUKAD) dan Sukan antara Jabatan/Pusat Pengajian (SUKJAB).

Program ini menerapkan ilmu kepimpinan dan pengurusan kepada pelajar yang merangkumi aspek-aspek seperti Problem Solving 'Crisis Management and Leadership'. Program ini mewujudkan kesukarelawan dalam kalangan para pelajar yang mencecah hampir 1,000 orang para pelajar. Melalui program ini penglibatan yang memberangsangkan dari negara luar untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini antaranya dari Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei, Sri Lanka, India, Pakistan, Uzbekistan, United Kingdom, Australia, United Arab Emirates, Chinese Taipei, Hong Kong, Taiwan serta beberapa buah negara dari Eropah. Program-program ini diadakan bagi melatih para pelajar mempelajari kemahiran insaniah dari segi penulisan, komunikasi serta berdikari dan menyediakan diri menghadapi masa depan bersama modal insan yang cemerlang.

## Pembangunan Infrastruktur

Pusat Sukan & Rekreasi juga turut memberikan perkhidmatan kemudahan sukan dan menyediakan infrastruktur sukan yang mencukupi dan menepati piawai antarabangsa. Antara kemudahan sukan yang terdapat di USM adalah yang berikut:

Jadual 26: Senarai kemudahan dan infrastruktur yang disediakan oleh Pusat Sukan & Rekreasi USM

| Bil | Tempat           | Kemudahan                 | Catatan  |
|-----|------------------|---------------------------|--|
| 1   | Stadium Olahraga | Trek Padang               | Balapan Sintetik yang diiktiraf oleh IAAF (8 lorong) |
|     |                  | Pavilion                  | Muatan 700 penonton                                  |
|     |                  | Bola sepak                | 1 padang   |
|     |                  | Skuasy (Cermin Kaca)      | 3 gelanggang   |
|     |                  | Ping Pong                 | Muatan 4 buah meja                                   |
|     |                  | Senam robik               | Sebuah Studio  |
|     |                  | Ruang Kombat              | 1 gelanggang   |
|     |                  | Kaunter Tempahan/ Pejabat | 2 buah bilik mesyuarat                               |
| 2   | Stadium Hoki     | Hoki (Astroturf Berlampu) | 1 padang utama yang diiktiraf FIH                    |
|     |                  | Pavilion                  | Muatan 600 Penonton                                  |
|     |                  | Bilik Persalinan          | 2 bilik  |
|     |                  | Bilik Mesyuarat           | 2 bilik  |
|     |                  | Surau                     | 1 bilik  |
| 3   | Kompleks Tenis   | Tenis                     | 8 gelanggang berlampu                                |
|     |                  | Pavilion                  | Muatan 400 penonton                                  |
|     |                  | Bilik Mesyuarat           | 2 bilik  |
|     |                  | Bola Jaring               | 2 bilik  |
|     |                  | Surau                     | 1 bilik  |



| Bil | Tempat                           | Kemudahan  | Catatan                            |
|-----|----------------------------------|--|------------------------------------|
| 4   | Azman Hashim- USM Sport Arena    | Pavilion   | Muatan 600 penonton                |
|     |                                  | Badminton  | 16 gelanggang                      |
|     |                                  | Futsal   | 2 gelanggang                       |
|     |                                  | Gimnasium  |                                    |
|     |                                  | Kiosk Ambank   |                                    |
|     |                                  | Bola Tampar  | 2 gelanggang                       |
|     |                                  | Bola Keranjang   | 2 gelanggang                       |
|     |                                  | Kafe   |                                    |
| 5   | Desasiswa Bakti Permai           | Bola Keranjang   | 2 gelanggang                       |
| 6   | Desasiswa Cahaya Gemilang        | Bola Keranjang   | 1 gelanggang                       |
|     |                                  | Bola Tampar  | 4 gelanggang                       |
|     |                                  | Sepak Takraw   | 2 gelanggang                       |
| 7   | Bersebelahan Stadium Hoki        | Bola Tampar  | 2 gelanggang                       |
|     |                                  | Sepak Takraw   | 3 gelanggang                       |
|     |                                  | Gelanggang Petanque  | 16 lorong                          |
| 8   | Kompleks Kolam Renang            | Kolam (50m) (olimpik saiz)   | Sebuah                             |
|     |                                  | Kolam (25m)  | Sebuah                             |
|     |                                  | Kolam Kanak-kanak  | Sebuah                             |
|     |                                  | Pavilion   | Muatan 500 penonton                |
| 9   | Kemudahan Sukan Air dan Rekreasi | USM mempunyai perjanjian MOU dengan Bukit Merah Laketown Resort bagi membolehkan warga USM mengadakan program/aktiviti Sukan Air & Rekreasi dikawasan ini. Semua permohonan menggunakan kemudahan ini perlu dibuat melalui Pusat Sukan & Rekreasi USM. |                                    |
| 10  | Kompleks Sukan USM               | Badminton  | 6 gelanggang                       |
|     |                                  | Skuasy   | 3 gelanggang                       |
|     |                                  | Bilik Kecergasan dengan Alatan Gimnasium   | Sebuah                             |
|     |                                  | Surau  | Sebuah                             |
|     |                                  | Pavilion   | Muatan 400 penonton                |
| 11  | Padang Minden                    | Bola Sepak   | 5 Padang                           |
|     |                                  | Bola Jaring  | 2 Padang                           |
|     |                                  | Bola Baling  | 2 Padang                           |
|     |                                  | Ragbi  | 1 Padang                           |
|     |                                  | Softbol  | 2 Padang                           |
|     |                                  | Memanah  | 1 kawasan khas                     |
|     |                                  | Golf   | 3 Par (2 buah Green/2 buah Burker) |
|     |                                  | Stor Sukan   | *Urusan pinjaman alatan sukan      |
|     |                                  | Pavilion   | *Muatan 200 penonton               |

Kesemua kemudahan ini terbuka kepada masyarakat kampus pada setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad serta pada hari cuti umum seperti ditetapkan berikut :

|                     |                                 |
|---------------------|---------------------------------|
| Isnin hingga Jumaat | : 5.00 petang – 9.00 malam      |
| Sabtu dan Ahad      | : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari |
| Cuti Umum           | : 5.00 petang – 9.00 malam      |

### Penjanaan Wang

Pusat Sukan & Rekreasi juga turut membuat penjanaan wang melalui kutipan sewaan kemudahan-kemudahan sukan USM seperti penggunaan gelanggang badminton, Kompleks Sukan Azman Hashim, basikal dan lain-lain untuk tujuan menampung kos penyelenggaraan dan kemudahan sukan serta peralatan sukan agar kemudahan sukan sentiasa dalam keadaan yang selesa dan selamat digunakan oleh para pengguna.

### Kemudahan Sukan di Kampus Induk



## KESIMPULAN

Secara Keseluruhannya sepanjang tahun 2016, USM melalui BHEPA telah melaksanakan pelbagai aktiviti malahan terdapat penambahbaikan dari sudut penyertaan pelajar dalam program-program yang berimpak tinggi. Perkara ini juga selaras dengan misi dan visi USM untuk melahirkan pelajar yang bercirikan nilai H.E.B.A.T selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi.

Diharapkan agar segala program yang direncanakan oleh USM dapat melahirkan graduan H.E.B.A.T dan graduan ini kembali menyumbang bakti kepada USM sebagai alumni dalam pelbagai komitmen dan platform seperti perkongsian ilmu dan pengalaman kepada masyarakat kampus terutamanya pelajar-pelajar USM yang bakal bergraduasi seperti mereka.





DEWAN SE



## JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

WAI







## JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

### PENGENALAN

Jaringan Industri dan Masyarakat (JIM) berperanan untuk mengukuhkan dan mengembangkan jaringan dan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dengan pihak industri dan komuniti. Matlamat JIM ini dijayakan melalui pepadanan ilmu dan kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di dalam universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat bagi memastikan kelestarian pada pelbagai peringkat. Tumpuan utama JIM pada tahun 2016 adalah untuk melaksanakan usaha untuk mengukuhkan hubungan serta jaringan bersama pihak industri dan masyarakat dengan lebih proaktif dan efektif. Penglibatan pihak dalaman kampus akan menghasilkan output libatsama yang berimpak tinggi demi memperkasakan industri dan komuniti. USM giat memberi penumpuan terhadap usaha dan inisiatif bagi memperluaskan libatsama universiti-industri-komuniti pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk mengembangkan nilai-nilai kemanusiaan serta kesejagatan ke arah keharmonian, kesejahteraan dan juga kelestarian masyarakat khususnya golongan terke bawah. Usaha ini ialah selari dengan Pelan Pengukuhan Kerjasama Universiti Industri dan Masyarakat yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menghasilkan impak yang lebih tinggi.

## Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti 2016-2018

Selaras dengan hasrat Universiti Sains Malaysia untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala dengan sektor industri/komuniti, setiap Pusat Pengajian telah menubuhkan Panel Penasihat Industri/Komuniti (Industry/Community Advisory Panel – ICAP) sebagai suatu forum rasmi untuk mempromosi interaksi universiti-industri/komuniti yang boleh memanfaatkan kedua-dua pihak.

### TUGAS PANEL ICAP

**Berbincang dan menasihati Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam aspek-aspek:**

- Pengajaran dan Pembelajaran
- Perkhidmatan Konsultasi
- Pendidikan Berterusan
- Projek penyelidikan bersama
- Projek Libat sama industri komuniti
- Perkongsian kemudahan
- Tanggungjawab sosial

**AHLI**

**135**  
ahli ICAP

**PELANTIKAN**

**1 JANUARI 2016**  
hingga  
**31 DISEMBER 2018**

Penambahbaikan Sistem Industry & Community Network - Information System (ICN-IS) V2


Sistem ICN-IS telah genap setahun dibangunkan dan memerlukan penambahbaikan berdasarkan maklumbalas dan komen yang diberikan oleh pengguna. Selain itu, antara fokus utama dalam ICN-IS versi kedua ini adalah untuk mengenalpasti kepakaran-kepakaran yang terdapat di USM dan seterusnya sistem ini disambungkan (link) dengan sistem lain yang terdapat di USM supaya satu sistem yang lebih komprehensif dapat dihasilkan dalam penyediaan laporan untuk keperluan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Pengurusan Tertinggi USM, MyRA, National Blue Ocean Strategy (NBOS) serta University Community Transformation Centre (UCTC).





### Penandatanganan MOU/MOA Dengan Pihak Industri/Komuniti

Sehingga Disember tahun 2016, JIM telah berjaya menguruskan dua Memorandum Persefahaman (MoU), satu Collaboration Agreement dan satu LOI (Letter of Intent) dengan pelbagai pihak komuniti dan organisasi seperti yang berikut:




- 01 Shu-Te Univeristy (STU) Tai**  
Kolaborasi dalam program lawatan dan pertukaran pelajar serta lawatan staf akademik dan teknikal untuk tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembangunan serta libatsama komuniti/industri
- 02 Opto Semiconductors (Malaysia)**  
Biasiswa Kewangan berjumlah RM500,000 kepada 10 orang pelajar USM  
RM50,000 untuk seorang pelajar program Kedoktoran (maksimum 3-5 tahun)  
RM10,000 untuk seorang pelajar program Ijazah Sarjana (maksimum 2 tahun)
- 03 Kawai Corporation**  
Penempatan latihan industri kepada pelajar Jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta meneroka peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan
- 04 TORAY Industries (Malaysia)**  
Meneroka potensi kolaborasi bagi mewujudkan sinergi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan produk baharu

Gambarajah menunjukkan kolaborasi USM bersama Industri

### Geran Projek Libatsama Universiti-Industri dan Universiti-Komuniti

Tawaran geran bagi pelaksanaan projek libatsama Universiti-Industri dan Universiti-Komuniti merangkumi geran daripada JIM dan geran luar daripada National Blue Ocean Strategy (NBOS), University Community Transformation Centre (UCTC) serta Public-Private Research Network (PPRN).

### Geran Aktif Libatsama Universiti-Industri dan Libatsama Universiti-Komuniti (Jangka Pendek) JIM



Jadual di bawah menunjukkan jumlah geran aktif libatsama universiti-industri yang diluluskan oleh JIM bermula Januari sehingga Disember 2016.

### Geran Aktif Libatsama Universiti-Industri

Jadual 1 : Menunjukkan Geran Aktif Libatsama Universiti – Industri JIM

| Bil.                      | Ketua Projek  | Tajuk Projek  | Nilai Geran (RM)    |
|---------------------------|---|---|---------------------|
| 1.                        | Profesor Dr. Mohd Fadzil Ain (P P Kejuruteraan Elektrik & Elektronik) | Design and fabrication of the solar powered electronic road sign.   | 10,000.00           |
| 2.                        | Dr. Elmi Abu Bakar (PP Kejuruteraan Aeroangkasa)                      | Educational modules for under-graduate apprenticeship program (ugap) and industry partner in technical aspects for assembly manufacturing line improvement. | 11,000.00           |
| 3.                        | Dr. Fatehah Mohd Omar (PP Kejuruteraan Awam)                          | Sistem solar pra-bayar di perkampungan orang asli bagi pengurangan pelepasan karbon di Hutan Belum, Perak Darul Ridzuan, Malaysia                           | 5,000.00            |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |   |   | <b>RM 26,000.00</b> |

### Geran Libatsama Universiti-Komuniti

#### (a) Geran Libatsama Universiti-Komuniti (Jangka Pendek) JIM

| Bil.                      | Bidang Tumpuan                   | Bilangan Projek | Jumlah Geran (RM)   |
|---------------------------|----------------------------------|-----------------|---------------------|
| 1.                        | Golongan Terpinggir              | 2               | 12,000.00           |
| 2.                        | USM Prihatin                     | 2               | 13,000.00           |
| 3.                        | Pendidikan (Golongan Terkebawah) | 1               | 8,420.00            |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                                  |                 | <b>RM 33,420.00</b> |

| Bil                        | Ketua Projek   | Tajuk Projek   | Nilai Geran (RM) | Tema         |
|----------------------------|--|--|------------------|--------------|
| <b>Golongan Terpinggir</b> |  |  |                  |              |
| 1.                         | Prof. Madya Dr. Saidatulakmal Mohd (PP Sains Kemasyarakatan) | Untuk Semua: Menjadikan Ia Pendidikan USatu Realiti  | 7,000.00         | Pendidikan   |
| 2.                         | Puan Norazrina Md Jabarullah (PP Sains Kemasyarakatan)       | Pembangunan Perdamaian, Siapa Kisah? Kita Buat!  | 5,000.00         | Pendidikan   |
| <b>USM Prihatin</b>        |  |  |                  |              |
| 3.                         | Dr. Fatehah Mohd Omar (P.P Kejuruteraan Awam)                | Sistem solar prabayar di perkampungan orang asli bagi pengurangan pelepasan karbon di Hutan Belum, Perak Darul Ridzuan, Malaysia | 8,000.00         | Persekitaran |




| Bil                                     | Ketua Projek  | Tajuk Projek  | Nilai Geran (RM) | Tema       |
|---|---|---|------------------|------------|
| 4.                                      | Prof. Madya Dr. Mohd Ali Samsudin<br>(PP Ilmu Pendidikan) | Dari Kelab Stem ke Kem Cabaran Stem: Mempromosikan Pendidikan Integrasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk Guru dan Pelajar di Luar Bandar | 5,000.00         | Pendidikan |
| <b>Pendidikan (Golongan Terkebawah)</b> |   |   |                  |            |
| 5.                                      | Dr. Norfarah Nordin<br>(PP Siswazah Perniagaan)           | Memupuk Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Sekolah Menengah Luar Bandar Melalui Program Pemikiran Ekonomi Kreatif  | 8,420.00         | Ekonomi    |


**(b) Geran Libatsama Universiti-Komuniti (Ad Hoc) JIM**

| Bil                                     | Ketua Projek  | Tajuk Projek   | Nilai Geran (RM) | Tema       |
|---|---|--|------------------|------------|
| <b>Golongan Terpinggir</b>              |   |  |                  |            |
| 1.                                      | Dr. Magdalene Ang Chooi Hwa<br>(Pusat Peny. Wanita dan Gender (KANITA)) | Mobile Salon Jari Emas   | 5,000.00         | Ekonomi    |
| 2.                                      | Dr. Anis Farhan Kamaruddin<br>(IPPT)                                    | Dyslexia: Meningkatkan Kesedaran Guru-guru Terhadap Masalah Pembelajaran di Sekolah          | 2,774.00         | Kesihatan  |
| 3.                                      | Dr. Norehan Mokhtar<br>(IPPT)   | Early Oral Cancer Detection Awareness Programme Among Orang Asli: Empowering The Lanoh Tribe | 5,750.00         | Kesihatan  |
| <b>USM Prihatin</b>                     |   |  |                  |            |
| 4.                                      | Dr. Darshan Singh<br>(Pusat Racun Negara)                               | Projek Tautan Kasih Ramadhan-5   | 4,000.00         | Sosial     |
| 5.                                      | Dr. Khairul Mohd Fadzli Mustaffa<br>(INFORMM)                           | Science Made Fun Carnival "Mencorak Generasi Celik Sains"                                    | 2,600.00         | Pendidikan |
| 6.                                      | Rohaya Husny Pahmy<br>(sains@usm)                                       | Engineering, Science & Techonology Youth Program 2016  | 3,150.00         | Pendidikan |
| <b>Pendidikan (Golongan Terkebawah)</b> |   |  |                  |            |
| 7.                                      | Ahmad Fadly Jusoh<br>(P. Peny Arkeologi Global)                         | Kem Arkeologis Junior  | 6,325.00         | Warisan    |
| 8.                                      | Dr. Nor Hazlina Hashim<br>(PP Komunikasi)                               | Program Komunikasi Kompeten: Communication in Action 2016                                    | 2,800.00         | Sosial     |

### Bidang Tumpuan Tema Projek Libatsama Universiti-Komuniti



Hasil pelaksanaan projek libatsama Universiti Komuniti ini, penglibatan seramai 1338 orang dari pelbagai pihak dalam menjayakan projek adalah seperti yang berikut:



### Geran Luar - Geran Rancangan Transformasi Luar Bandar (RTP) , NBOS Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

| Bil | Ketua Projek   | Tajuk Projek   | Peruntukan (RM) |
|-----|--|--|-----------------|
| 1.  | Dr. Sharifah Zahhura Syed Abdullah (Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender)                  | Meningkatkan sumber pendapatan dan aktiviti ekonomi dalam usaha memperkasakan komuniti Orang Asli Temiar | 30,000.00       |
| 2.  | Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria (Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar) | Penanaman Jagung dan Sayuran Terpilih  | 45,000.00       |
| 3.  | Prof. Madya Dr. Noorliza Karia (Pusat Pengajian Pengurusan)                                | Projek Penanaman Variasi Cendawan di Kawasan Luar Bandar   | 45,000.00       |
| 4.  | Dr. Jahangir Kamaldin (Institut Perubatan dan Pergigian Termaju)                           | MyMasjid Parfum di Masjid Luar Bandar  | 5,000           |
| 5.  | Prof. Madya Dr. Md Azman PKM Seeni (Institut Perubatan dan Pergigian Termaju)              | Pembangunan Santuari Agro-Kelulut Kampung Teloi Tua, Sik Kedah   | 50,000.00       |




**Geran Luar- Public Private Research Network (PPRN)**

Public-Private Research Network atau PPRN ialah inisiatif inovatif Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai satu model kerjasama strategik antara industry and academia dengan sokongan perantara yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui program inovasi dan pengkomersilan yang berpacuan permintaan.

PPRN merupakan antara inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) di bawah Teras Strategik 6: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran yang bertujuan untuk menjana kekayaan melalui inovasi dengan memperkukuh kerjasama antara industri dan akademik melalui perantara.

Sehingga kini, USM telah berjaya memperoleh sebanyak 41 projek berjumlah hampir RM1,464,365 yang melibatkan kerjasama antara 41 syarikat dan hampir 173 orang penyelidik USM. Ini juga telah meletakkan USM pada kedudukan yang tertinggi di antara universiti di seluruh negara.

**Geran Public Private Research Network 2016**



Nota: Tiada projek untuk Bulan November dan pepadanan projek bagi bulan Disember masih di dalam proses di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi.

**Projek/ Program Libatsama Universiti-Industri/ Universiti-Komuniti**



## Projek/ Program Libatsama Universiti-Industri

Libatsama Universiti-Industri merupakan kluster perkongsian keserjanaan yang strategik antara USM dengan pihak industri. Perkongsian keserjanaan menunjukkan peringkat persetujuan penglibatan sebenar, iltizam, sumbangan dan pemilikan oleh semua stake holder yang berkepentingan. Perkongsian ini berkisar tentang peningkatan dan pengukuhan aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional dan keserjanaan untuk memenuhi keperluan kedua-dua pihak iaitu Universiti dan Industri. Perkongsian ini memfokuskan pelaksanaan projek-projek perintis yang terancang berdasarkan idea penyelidikan Universiti untuk memenuhi keperluan sosial, ekonomi, ilmu dan kemahiran masyarakat dengan memaksimumkan sinergi usahasama Universiti dan Industri. Hasil perkongsian ini dicermi oleh program Universiti demi melestarikan kerelevanan universiti dan industri ke arah pembangunan negara.

### Antara aktiviti/bengkel/program anjuran JIM dari Jun hingga Disember 2016 adalah:

- Program Seeds for the Future oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Huawei Technology (M) Sdn. Bhd.
- Biasiswa Program Pengajian Sarjana dan Kedoktoran oleh Osram Opto Semiconductors (M) Sdn. Bhd.
- Lawatan dan Usahasama Penganjuran Sesi Taklimat PPRN bersama Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Cawangan Pulau Pinang
- Engagement Session (E-session) with TalentCorp & PSDC berdasarkan Program Breaking Boundaries Initiatives (BBi) Penglibatan 17 Pensyarah bidang Teknologi, Sains dan Kejuruteraan
- CEO Visit University oleh Mr. Shinichi Saku, Presiden Kawai Corporation Japan
- Lawatan Pembangunan Staf Pentadbiran oleh Toyohashi University of Technology (TUT)
- Lawatan daripada Universiti Tsuruoka Kosen Ke USM
- Lawatan dan Perbincangan ke Penang Skills Development Centre (PSDC)
- Lawatan daripada Institut Teknikal Jepun Malaysia dan Politeknik Seberang Perai dan lawatan balas
- Forum Pendidikan Tinggi Malaysia- Taiwan 2016 (Malaysia-Taiwan Higher Education Forum 2016)-anjuran bersama
- Sesi Perbincangan Roundtable Ahli Lembaga Gabenor Universiti (LGU) bersama Sektor Industri
- Siri Tech Talk '5G Communication and its Test Challenges' JIM, USAINS dan Dreamcatcher Consultant
- Lawatan ke Broadcom
- Kolaborasi Bersama UEM dan USM
- Kolaborasi bersama Avon Malaysia, Segi Universiti dan USM
- Kolaborasi USM-CREST-Inari mengenai Electronics Smart Manufacturing
- Esquel Integral Conversation Pusat Pengajian Teknologi Industri
- Lawatan daripada Agilent Technologies Malaysia ke USM
- Siri Tech Talk 'VLSI Thermal Management with On-Chip Digital Temperature Sensors' JIM, USAINS, Dreamcatcher Consultant
- Perkongsian Kolaborasi Libatsama Universiti-Industri dan Taklimat Geran PPRN bersama Association of Malaysian Medical Industries (AMMI)
- Lawatan Pembangunan Staf Pentadbiran Toyohashi University Of Technology (TUT), Nagaoka University Of Technology (NUT) dan National Institute Of Technology (NIT)
- Lawatan industri ke SanDisk 28 pelajar diiringi lima orang pensyarah termasuk seorang pensyarah dari PP Sains Komputer



### Program 'Industry/ Community In The Classroom'

Industry/Community in the Classroom dilaksanakan di USM untuk menstrukturkan amalan yang seragam di Pusat Pengajian USM melalui rangka kerja pengajaran bersama antara staf akademik USM dengan pihak industri/komuniti. Melalui amalan ini, diharapkan dapat melengkapkan pelajar universiti dengan pengetahuan yang berkaitan, berkemahiran dan pengalaman sebagai graduan yang relevan untuk industri dan komuniti di samping meningkatkan kolaborasi antara universiti dengan pihak industri dan komuniti. Beberapa Pusat Pengajian telah mengambil inisiatif dengan menjemput pensyarah jemputan daripada pelbagai latar belakang untuk memberikan penasihat serta berkongsi pengalaman kepada pelajar. Antara pensyarah jemputan yang telah dijemput adalah yang seperti yang berikut:

Jadual 2 : Menunjukkan Senarai Pensyarah yang terlibat dengan Program Community In The Classroom

| Bil | Nama                     | Syarikat/ Organisasi             | PTJ   |
|-----|--------------------------|----------------------------------|---|
| 1.  | Dr. Michael Lim Mah-Hui  | Pesara dari institusi kewangan   | Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan              |
| 2.  | Encik Khor Sing Tatt     | Pesara dari institusi kewangan   | Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan              |
| 3.  | Sr. Nicole Lim Gaik Ling | Langdon & Seah Sdn. Bhd.         | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan |
| 4.  | Encik Hazuan Hasnan      | JUBM Sdn. Bhd.                   | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan |
| 5.  | Encik Yeow Guo Lin       | Arcadis Projek Sdn. Bhd.         | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan |
| 6.  | Pn. Rose Haniff          | JUBM Sdn. Bhd.                   | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan |
| 7.  | Pn. Loh Wai Jeng         | Langdon & Seah Sdn. Bhd.         | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan |
| 8.  | Dr. Wong Jia Woei        | Attest Research Sdn. Bhd.        | Pusat Pengajian Sains Farmasi                     |
| 9.  | Dr. Ng Bee Hong          | Tiarabee PNC Solutions Sdn. Bhd. | Pusat Pengajian Sains Farmasi                     |
| 10. | Dr. Leong Chuei Wuei     | Human Architecture Technologies  | Pusat Pengajian Sains Farmasi                     |

### Program Sandaran Staf Akademik Ke Industri

Seramai 4 orang staf akademik telah menjalani program Sandaran Staf Akademik di Industri 4 buah syarikat dalam negara. Program ini ialah satu saluran yang penting untuk memaklumi pihak industri penyelidikan, inovasi, konsultansi, kurikulum, potensi libatsama industri-komuniti selain mendapat input daripada pihak industri yang dapat memperkasakan lagi sistem pembelajaran di USM.

Jadual 3 : Menunjukkan senarai staf akademik ke industri 2016

| Bil | Nama                         | PTJ   | Syarikat   | Tarikh Sandaran (Tempoh)         |
|-----|------------------------------|---|--|----------------------------------|
| 1.  | Prof. Madya Dr. Nurul Huda   | Pusat Pengajian Teknologi Industri                | Mydin Wholesale Hypermarket (Iman Ikhlas (M) Sdn. Bhd. | 4 Januari 2016 - 29 Januari 2016 |
| 2.  | Prof. Madya Sr. Lim Yoke Mui | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan | Perunding Kos Bersatu Sdn. Bhd.                        | 20 Jun 2016 - 20 Julai 2016      |
| 3.. | Dr. Radzi Ismail             | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan | Syarikat Norbina Sdn. Bhd.                             | 27 Jun 2016 - 27 Ogos 2016       |
| 4.  | Dr. Norizah Mohamad          | Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik              | Ingress Precision Nilai (IPSB)                         | 11 Ogos 2016 - 10 September 2016 |

### Program 'Making Higher Education Interesting'- 2 tahun di universiti, 2 tahun di Industri (2U2i)

Pejabat JIM bertindak sebagai sekretariat penyelarasan di peringkat USM. Terdapat lima Program daripada tiga Pusat Pengajian telah dikenalpasti untuk dijadikan Program 2u2i atau 3u1i. Pusat Pengajian akan berbincang dengan lebih lanjut pada peringkat Majlis, Jawatankuasa Pengurusan Akademik dan seterusnya Senat untuk perubahan dalam kurikulum sebelum dikuatkuasakan.

Program dan Pusat Pengajian yang terpilih adalah seperti yang berikut:


| Bil | Pusat Pengajian                                   | Program  |
|-----|---|--|
| 1.  | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan | Ijazah Sarjana Muda Teknologi Bangunan (Building Technology)   |
| 2.  | Pusat Pengajian Teknologi Industri                | Ijazah Sarjana Muda Teknologi Persekitaran (Environmental Technology)  |
| 3.  | Pusat Pengajian Sains Kajihayat                   | Ijazah Sarjana Muda Mikrobiologi (Sains Tulen)<br>Ijazah Sarjana Muda Entomologi dan Parasitologi (Sains Gunaan) |

Secara tentatifnya, penawaran program ini dijangka dilaksanakan pada Sidang Akademik 2017/2018.

### Projek/ Program Libatsama Universiti-Komuniti

Perubahan aspek masa kini, lebih-lebih lagi dengan peningkatan kebergantungan komuniti kepada dana awam telah memangkin hala tuju universiti dalam memberi satu komitmen yang lebih jitu terhadap kebajikan dan transformasi masyarakat di sekeliling mereka.






Dalam melaksanakan libatsama komuniti, USM menggunakan pendekatan Model Quadruple Helix yang akan melibatkan empat pemegang taruh terbesar iaitu Kerajaan, Industri, Komuniti dan universiti sendiri. Kerjasama erat pelbagai pihak ini penting bagi memastikan objektif libatsama tercapai dan memberi impak yang tinggi kepada komuniti yang disasarkan.

Antara aktiviti/bengkel/program anjuran BJIM dari Jan hingga Disember 2016 adalah:

- Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan dan Sesi Bersama MPP USM kepada golongan B40 sebanyak RM 1,000 seorang daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang dan disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (MTPng), Datuk Seri Zainal Abidin Osman.
- Majlis Penyerahan Kerusi Roda yang Dimodifikasikan Khas USM – RICD semasa Majlis Konvokesyen ke – 54.
- Mesyuarat Persidangan Antarabangsa Libatsama Komuniti ke- 5 (UCEC) 2017
- Bengkel Pemantauan Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti
- Pameran Projek Berimpak Tinggi Sempena Hari Terbuka NBOS (NBOS Day) International Conference On Blue Ocean Strategy (ICBOS)

### Projek/Program Aktif

- KUFS English Programme Kerjasama bersama Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Pelajar KUFS
- Program Sukarelawan Mejiro University Kerjasama bersama Pusat Autism Pulau Pinang, Rumah Orang-Orang Tua Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Minden Height, P. Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan melibatkan Pelajar Mejiro University





### Klaster Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC USM)

Aktiviti Klaster OKU dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC USM) pada tahun 2016





## Projek Libatsama Universiti Komuniti bersama Agensi Luar

### (a) Projek NBOS USM: Projek Perintis 'Water for Life'

Majlis perasmian empangan telah diadakan pada 15 Oktober 2016 dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan merangkap Ahli Parlimen Larut. Projek ini ialah penyelesaian isu bekalan air bersih kepada 48 buah rumah dengan jumlah 202 isi rumah. Projek ini juga mendapat pengiktirafan apabila memenangi Pertandingan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) kategori Perkhidmatan Awam dengan membawa pulang wang tunai RM30,000.00.



### (b) Projek Baikpulih Rumah Dhaif di bawah NBOS

Projek meningkatkan taraf hidup Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar di Pulau Pinang dengan menggunakan kepakaran yang ada di USM





## Pusat Kebudayaan Jepun Kyoto University Of Foreign Study (KUFS)-USM

- Majlis Perasmian Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM
- Pertandingan Lisan Bahasa Jepun
- Japanese University English Model United Nation (JUEMUN)
- Teaching Practise Agreement Signing Ceremony bersama SM Sains Kepala Batas
- Japanese Language Teaching Practise at SM Sains Kepala Batas antara Pusat Kebudayaan Jepun, tiga orang pelajar Kyoto University of Foreign Studies dan SM Sains Sekolah Kepala Batas
- Workshop for High School Students sent by Nagoya CBE
- Workshop for Otemun Gakuin University bersama Pusat Kebudayaan Jepun, JCC Buddies dan pelajar Otemun Gakuin Universiti Asia-Pacific University Exchange Program
- Workshop Japan Society for Promotion of Sciences bersama Pusat Kebudayaan Jepun, President Japan Society for Promotion of Sciences, Prof. Yamashita
- One Day Programme for Nanzan University melibatkan Pusat Kebudayaan Jepun, enam Pelajar Universiti Nanzan dan Prof. Sakamoto dari Universiti Nanzan
- Sakura Week 2016 kerjasama Pusat Kebudayaan Jepun, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan dan Japan Foundation KL
- The Japan Foundation – Universiti Sains Malaysia Japanese Studies Summer Institute melibatkan Pengarah Pusat Kebudayaan Jepun, Mr. Masatoshi Soeda, Pusat Pengajian Sains



## Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)

### Keahlian APUCEN

Pada tahun 2016, APUCEN telah menerima seramai 8 keahlian baru dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan juga dari pihak swasta. Ahli-ahli yang baru ialah:

- International Medical University (Malaysia)
- Prince of Songkhla University (Thailand)
- Taylor's University "Lakeside Campus" (Malaysia)
- Rhodes University (South Africa)
- Toray Industries (Malaysia) Sdn. Bhd. (Malaysia)
- MyWave Sdn. Bhd. (Malaysia)
- Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar (Indonesia)
- Saar Nepal (Nepal)



Taburan ahli-ahli APUCEN telah melangkaui kawasan Asia-Pasifik

Secara keseluruhannya, keahlian APUCEN pada tahun 2016 telah meningkat dan APUCEN kini mempunyai 87 orang ahli dari 19 buah negara.



## MESYUARAT DAN AKTIVITI APUCEN

### Mesyuarat Pertama APUCEN@Japan

Pada 17 Februari 2016, mesyuarat pertama APUCEN@Japan telah diadakan di Kyoto University of Foreign Studies (KUFS), Kyoto, Japan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 19 orang ahli daripada tiga buah institusi pengajian tinggi (IPT). Mesyuarat ini telah dipengerusi oleh Presiden APUCEN, YBhg. Prof. Dato' Dr. Omar Osman.



### Mesyuarat Ketujuh APUCEN@Malaysia

Mesyuarat ketujuh APUCEN@Malaysia dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr See Ching Mey, Pengerusi APUCEN@Malaysia pada 11 April 2016 di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan dihadiri oleh 20 delegasi daripada 17 buah institusi pengajian tinggi, organisasi bukan kerajaan dan sektor korporat dari seluruh Malaysia. Antara yang dibincangkan adalah penggabungan projek-projek yang dianjurkan oleh institusi-institusi bagi menghasilkan impak yang lebih besar terhadap komuniti.



### Mesyuarat Serantau Kelapan Majlis Tertinggi APUCEN

Mesyuarat Serantau Kelapan Majlis Tertinggi APUCEN telah berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia pada 5 Jun 2016. Mesyuarat ini telah dipengerusi oleh Profesor Dato' Dr. Omar Osman, selaku Presiden APUCEN dihadiri oleh 13 delegasi dari sembilan institusi pengajian. Antara yang dibincangkan adalah APUCEN Trust Fund, iaitu tabung ini akan diletakkan di bawah Bendahari USM dan akan diuruskan oleh Sekretariat APUCEN serta dipersetujui oleh semua delegasi yang hadir. Selain itu, Presiden APUCEN juga menekankan kepentingan mengenai penyelidikan berdasarkan komuniti (Community-based Research/ CBR) dan mencadangkan satu bengkel mengenai CBR patut dijalankan dengan bantuan fasilitator daripada Chiangmai University (Thailand).





### Mesyuarat Panel Penasihat EnRRICH

Presiden APUCEN telah dilantik sebagai panel penasihat dalam EnRRICH Konsortium. EnRRICH merupakan satu projek bertajuk “Enhancing Responsible Research and Innovation through Curricula in Higher Education”, yang telah dimulakan di negara-negara Eropah pada tahun 2015.

Mesyuarat panel penasihat EnRRICH telah diadakan di Dublin Institute of Technology, Aungier St., Dublin, Ireland pada 20-21 June 2016. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai, selaku Pengarah Eksekutif APUCEN, mewakili Presiden APUCEN.



### Mesyuarat Pertama APUCEN Student Chapter

Mesyuarat pertama APUCEN Student Chapter telah diadakan pada 21 September 2016 di USM. Mesyuarat ini dihadiri oleh 15 peserta daripada enam institusi bagi membincangkan penubuhan student chapter yang akan diketuai oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar di institusi masing-masing. Struktur dan pelaksanaan student chapter di setiap institut turut dibincangkan.

### Mesyuarat kelapan APUCEN@Malaysia

Mesyuarat kelapan APUCEN@Malaysia telah diadakan di The University of Nottingham Malaysia Campus, Semenyih, Selangor. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi APUCEN@Malaysia yang baru, Prof. Abdul Rahman Mohamed dan dihadiri oleh 30 orang dari 20 institusi pengajian tinggi, organisasi bukan kerajaan dan sektor korporat dari seluruh Malaysia. Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini adalah projek Global Islamic Outreach di Kampung Speu, Kemboja dan tabung amanah APUCEN.





### Mesyuarat Serantau Kesembilan Majlis Tertinggi APUCEN

Mesyuarat Serantau Kesembilan Majlis Tertinggi APUCEN telah diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei pada 5 Disember 2016 telah dihadiri oleh 15 orang daripada 10 institusi yang merupakan ahli Majlis Tertinggi APUCEN. Agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini ialah mewujudkan belia yang seimbang dalam pengetahuan dan karakter melalui service learning, dan sukarelawan.



### APUCEN-San Pedro Program Pembinaan Semula Komuniti di Filipina

San Pedro College (SPC) telah membuat rayuan kepada Majlis Tertinggi APUCEN pada bulan November 2015, untuk membantu mangsa-mangsa Taufan Pablo di Andap, Filipina. APUCEN berjaya menyumbangkan 10 unit penempatan tetap kepada mangsa-mangsa Taufan Pablo. Ahli-ahli APUCEN yang telah berganding bahu membuat sumbangan kepada projek ini ialah USM, Universiti Utara Malaysia, Kyoyo University of Foreign Studies, Griffith University, Australian College of Applied Psychology dan San Pedro College.





## Bengkel Menghakupayakan Diri

Bengkel tersebut telah diusahakan oleh MMICare Association, ahli APUCEN daripada agensi bukan kerajaan pada 18-20 Mac 2016 di Tanjung Malim, Perak dan dihadiri oleh 30 pelajar perempuan STPM daripada sekolah di kawasan pedalaman.



## Program Keusahawanan Ibu Tunggal Fasa 2

Program ini telah dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia bersama APUCEN, pada 23 – 24 Mac 2016 di Kampus Sintok, UUM. Program ini merupakan Fasa 2 di mana dari jumlah 150 peserta yang dilatih pada Fasa 1, seramai 30 orang ibu tunggal telah dipilih untuk mengikuti kursus keusahawanan yang seterusnya. Ibu-ibu tunggal yang terpilih ini telah diajar cara-cara menguruskan perniagaan serta penjagaan akaun kewangan dan “money flow” sesuatu perniagaan. Peserta-peserta ini juga didedahkan kepada cara-cara untuk pemasaran yang bertahap antarabangsa serta cara-cara untuk mempromosikan jenama barangan mereka.







### Pelancaran Pusat Sumber APUCEN di Kemboja

USM bersama-sama Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaya (UM) yang menganggotai APUCEN melakukan khidmat libatsama komuniti di Kemboja dengan menyumbangkan buku ilmiah dan pendidikan Bahasa Inggeris kepada sekolah yang terlibat dalam program komuniti, serta melancarkan Pusat Sumber APUCEN.

Sekolah yang menerima sumbangan tersebut ialah Sekolah UPSI, Pray Bis Village, Kampung Chnang, Kemboja pada 31 Mac 2016.



### Forum Menghakupayakan Wanita Melalui Keusahawanan

Forum Menghakupayakan Wanita melalui Keusahawanan telah dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan APUCEN, bertempat di UMS, pada 11 April 2016. Seramai 50 orang peserta menyertai forum bagi membincangkan konsep menghakupayakan wanita dan juga keusahawanan.





### Persidangan ICAW2016

Persidangan Antarabangsa Kedua Wanita ASEAN (ICAW2016) telah dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama Universiti Malaysia Sabah dan APUCEN. Persidangan antarabangsa ini dianjurkan pada 12-14 April 2016 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah, bertemakan “Gender Mainstreaming and Public Policy” yang dapat memberikan impak kepada kedua-dua kaum wanita dan lelaki telah dihadiri oleh 140 peserta daripada jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian, Akademik dari Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina, Nigeria dan Malaysia dan juga NGO dari persatuan-persatuan ibu tunggal dan Keusahawanan Wanita Sabah.



### Bengkel Latihan Kepimpinan di Nepal

Satu bengkel latihan Kepimpinan Melalui Libatsama Komuniti telah diadakan di Nepal School of Social Work, Kathmandu, Nepal, pada 24 April 2016. Bengkel ini telah dikendalikan oleh USM ; USM menyediakan “Master Trainers”, iaitu Tuan Syed Yusof Syed Kechik dan Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai. Bengkel ini dijalankan berdasarkan tiga modul yang diterbitkan oleh Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) USM, di bawah tajaan AKEPT.

Seramai 25 peserta telah menghadiri bengkel ini iaitu peserta dari Nepal, Malaysia dan Canada. Bengkel ini dapat dijayakan atas kerjasama daripada APUCEN, USM, Kadambari Memorial College dan Engage Nepal.





### Persidangan Antarabangsa Libatsama Universiti-Komuniti di Nepal

Persidangan ini telah diadakan pada 25-27 April 2016, dan dianjurkan oleh Nepal School of Social Work bersama-sama APUCEN, USM dan Australian College of Applied Psychology (ACAP). Seramai lebih kurang 50 peserta telah menyertai persidangan ini.



### Pendermaan Buku ke Kolej di Nepal

USM bersama-sama organisasi MMICare Association yang menganggotai APUCEN melakukan khidmat libatsama komuniti di Kathmandu, Nepal dengan menyumbangkan buku-buku pendidikan Bahasa Inggeris kepada dua buah kolej yang terlibat dalam program ini.

Dua buah kolej yang menerima sumbangan tersebut adalah Bhagyodayo Ucha Madhyamik Vidhyalaya, Sakhu dan Kadambari Memorial College of Science & Management, Budha Nagar di Kathmandu, Nepal. Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Eksekutif APUCEN Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai yang mewakili Presiden APUCEN Profesor Dato' Dr. Omar Osman pada 26 April 2016. APUCEN juga dapat sumbangan daripada McGraw Hill Education ; syarikat ini juga menyumbangkan buku-buku bahasa Inggeris kepada kolej-kolej tersebut.



### Bengkel "Inspiring Heart2Heart"

Bengkel ini telah diadakan pada 14-16 Mei 2016 di Ulu Tiram, Johor bagi menghakupayakan golongan remaja perempuan di kawasan terpinggir bagi membincangkan topik kesihatan, kerjaya, perkahwinan dan juga pergaulan.





**Persidangan “Living Knowledge” Ketujuh di Dublin, Ireland**

Persidangan “Living Knowledge” Ketujuh telah diadakan pada 22-24 Jun 2016 bertempat di Dublin, Ireland bertemakan “Inspire – Integrating community based partnership into learning and teaching for responsible research and innovation (RRI)”. APUCEN juga berpeluang membuat satu pembentangan ringkas untuk memperkenalkan APUCEN kepada negara-negara Eropah dan menggalakkan kerjasama dengan negara-negara Asia-Pasifik melalui jaringan APUCEN.



**Bengkel “Inspiring & Upgrading”**

Bengkel ini telah dianjurkan oleh MMICare Association bersama APUCEN dan USM pada 24 - 26 Jun 2016 di Sungai Petani, Kedah dan dihadiri oleh 30 pelajar SPM dan STPM. Bengkel ini bertujuan memberikan inspirasi serta dorongan kepada gadis-gadis lepasan SPM dan STPM dari kawasan pedalaman mengenai cara-cara untuk berpakaian serta membawa diri apabila menceburi diri dalam alam pekerjaan selepas tamat pengajian pada peringkat sekolah menengah.



**Courtesy call daripada University of Manitoba dan Inner City Social Work Program, Kanada**

APUCEN dan USM telah menerima courtesy call daripada Dr. Collin R. Bonnycastle daripada University of Manitoba dan Dr. Marley M. Bonnycastle from Inner City Social Work Program, Kanada pada 4 Julai 2016 mengenai perbincangan memulakan kolaborasi dalam libatsama komuniti.



**Persidangan Antarabangsa Libatsama Universiti-Komuniti 2016, Surabaya, Indonesia**

Mantan Presiden APUCEN, Prof. Dato’ Dr. Omar Osman telah menyampaikan ucapan bertajuk University Community Engagement as a Global Movement dalam Persidangan Antarabangsa Libatsama Universiti-Komuniti 2016 yang bermula pada 2 hingga 5 Ogos 2016 di Surabaya, Indonesia. Persidangan ini disertai oleh 350 orang peserta dari India, Kanada, Malaysia, United Kingdom dan Indonesia.

**Program Inspire and Upgrade Personal Empowerment**

MMICare dengan kerjasama APUCEN dan USM telah mengadakan Program Inspire and Upgrade Personal Empowerment dalam bidang pendidikan, alam sekitar dan kesihatan di Temerloh, Pahang pada 29-31 Julai 2016 mengenai penampilan diri, kesihatan, cara menghadapi temu duga dan meningkatkan keyakinan diri.



**Program Kesedaran Alam Sekitar**

USM, APUCEN bersama-sama MMICare telah mengadakan satu Program Kesedaran Alam Sekitar di dua buah sekolah di Langkawi, Kedah pada 26-28 Ogos 2016 mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar dan juga kempen “Katakan Tidak kepada Beg Plastik”.



### Persidangan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang Ke-4

Persidangan Pembelajaran Sepanjang Hayat ke-4 telah diadakan pada 8 – 9 September 2017 dan merupakan APUCEN merupakan penganjur bersama. Prof. Dato' Dr. Susie See Ching Mey yang merupakan mantan pengerusi APUCEN@Malaysia telah dijemput untuk menyampaikan syarahan umum bertajuk Perspektif Antarabangsa dalam Mengukuhkan Jaringan Universiti-Komuniti dan juga Libatsama Komuniti dalam Pendidikan dan Sistem Pembelajaran. Selain itu, Pengarah Eksekutif APUCEN, Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai turut menjadi salah seorang panel dalam sesi perbincangan panel bertajuk Pendekatan Kreatif untuk Memupuk Minat dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat.



### Community-Based Research

Pada 22 September, APUCEN, USM dengan kerjasama Chiang Mai University telah mengadakan Bengkel Community-Based Research di USM, Pulau Pinang. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai Community-Based Research, pengurusan penyelidikan dan biasiswa libatsama social. Seramai 14 peserta daripada 10 institusi dari Malaysia telah menghadiri bengkel ini.







### Seminar Pendidikan Belia Kebangsaan

Seminar Pendidikan Belia Kebangsaan telah diadakan di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugamma Seri Begawan (KUPU SB) anjuran KUPUSB dan APUCEN pada 6 Disember 2016.

Seminar dihadiri oleh lebih 350 orang terdiri daripada pegawai-pegawai di Bahagian Hal Ehwal Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), mahasiswa-mahasiswi IPT kerajaan dan bukan kerajaan, pelajar-pelajar sekolah menengah kerajaan serta swasta, Pusat Tingkatan Enam (pelajar A-Level), Pusat Pembangunan Belia dan belia-belia dari empat buah daerah di Negara Brunei Darussalam. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat dalam seminar tersebut.



### Lawatan Komuniti ke Brunei

Pada 5 Disember 2017, bersempena dengan Mesyuarat Serantau ke-9 Majlis Tertinggi APUCEN, ahli majlis tertinggi APUCEN telah dibawa ke Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk diberikan penedahan mengenai aktiviti-aktiviti dan projek libatsama yang dilakukan oleh Yayasan tersebut.

Selain itu, para delegasi turut dibawa melawat ke Kampung Ayer yang dibina di atas Sungai Brunei yang didiami kira-kira 39000 penduduk. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah turut membina rumah moden setinggi dua tingkat di kampung ini pada tahun 2013-2014 untuk diberikan kepada rakyat yang memerlukan rumah baru namun tidak mahu berpindah ke kawasan lain.





**Program Pembangunan Kampung Svay Phaem, Kampung Chnnang. Kemboja**

Pada 24-30 Oktober yang lalu, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dengan kerjasama APUCEN telah menganjurkan satu program pembangunan Kampung Svay Phame dan Kampung Chnnang di Kemboja. Program ini merangkumi empat aspek iaitu pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan asas, penambahbaikan dalam pendidikan, pembangunan sosial dan budaya dan akhirnya kelestarian ekonomi. Pelajar daripada UIA ini telah mengajar kanak-kanak di kedua kampung ini untuk membaca. Selain itu, orang kampung ini juga diajar cara untuk membuat baja kompos bagi menambahkan hasil pertanian.





### Program BACK2SCHOOL

MMIcare bersama-sama APUCEN telah menganjurkan program MMICARE & APUCEN BACK2SCHOOL di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Ladang Saggar di Sillau, Negeri Sembilan pada 21 November yang lalu bagi memberikan sumbangan kepada 91 orang pelajar.



## KESIMPULAN

Setelah sembilan tahun ditubuhkan, JIM telah menyediakan pelbagai platform bagi membolehkan aktiviti libatsama di antara Komuniti-Universiti-Industri dapat dilaksanakan secara aktif agar ia bermanfaat dan lestari. Geran projek libatsama universiti-komuniti/universiti-industri dan aktiviti/projek/program ad-hoc terus ditawarkan kepada warga USM untuk menggalakkan lebih banyak jalinan libatsama antara Universiti dengan pihak komuniti dan industri dengan melibatkan belanjawan sebanyak RM228,399.00 telah diluluskan sepanjang tahun 2016 untuk tujuan ini.

Di samping itu, JIM turut aktif menjalinkan kerjasama dengan industri/agensi/organisasi luar bagi mendapatkan geran untuk membiayai penyelidikan dan projek libatsama komuniti/ industri USM. Jalinan dan kerjasama ini diperkukuhkan melalui pertemuan dan perbincangan ke arah kolaborasi melalui aktiviti-aktiviti seperti penandatanganan MoU/MoA, ICAP, lawatan, program sandaran staf ke industri, penganjuran bersama bengkel/seminar/ceramah, program internship pelajar dan banyak lagi.

Sepanjang tahun 2016, Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM yang berperanan untuk memperkenalkan dan mempromosikan kebudayaan Jepun dan Malaysia kepada masyarakat setempat serta antarabangsa telah bertindak dengan lebih proaktif dan inovatif dalam melaksanakan pelbagai projek dan program bersama-sama dengan USM, Universiti dan organisasi luar.

Selain itu, APUCEN pula aktif menjalankan peranan sebagai penggerak kepada bidang libatsama komuniti USM secara global. Jalinan baharu dan penguatan hubungan yang sedia ada dengan pelbagai pihak di luar negara dipergiat lagi pada tahun ini demi menyumbang ke arah kelestarian serta pembangunan dan transformasi USM yang holistik di persada antarabangsa.







# TADBIR URUS





## PENJAJARAN SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Sumber Manusia telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memperkukuh tadbir urus USM.

Antara inisiatif utama yang diperkenalkan adalah :-

- i. MyHR@USM<sup>®</sup>
- ii. MyWorkProfiling<sup>®</sup>

### MyHR@USM<sup>®</sup>

Sistem pemantauan perancangan strategik organisasi yang menghubungkan pencapaian 'output' dan 'outcome' (SO- KFA).

Sistem ini dibangunkan untuk membolehkan pengguna memantau status terkini setiap inisiatif berasaskan pengenalan warna.

Antara cabaran utama pengurusan organisasi adalah menterjemahkan hala tuju strategik organisasi dalam bentuk tindakan. Kelemahan dalam menterjemahkan hala tuju mungkin menyebabkan organisasi terperangkap dalam zon selesa yang menyebabkan segala urusan dalam keadaan status quo. Hal ini akan mendorong wujudnya lompong atau jurang prestasi yang boleh menjejaskan prestasi keseluruhan organisasi. Sistem MyHR@USM<sup>®</sup> ialah untuk membantu pengurusan organisasi mengenal pasti dan memantau secara sistematik Key Focus Area (KFA) dan juga pencapaian objektif strategik (SO) berasaskan pengenalan warna.

#### Matlamat

- Menghubungkan perancangan dan pelaksanaan inisiatif strategik.
- Mengenal pasti prestasi setiap unit/bahagian yang penting ke arah pencapaian matlamat strategik.
- Memantau status terkini berdasarkan pengenalan mengikut sistem warna.





**Kreativiti**

MyHR@USM<sup>®</sup> ialah sistem yang dibangunkan untuk membantu perancangan dan pemantauan berdasarkan output dan outcome.



**Keberkesanan**

Berupaya menganalisis data (real time data) dan boleh diakses di mana-mana tempat melalui telefon pintar dan platform lain secara dalam talian (Online).



**Signifikan**

Memastikan pencapaian perancangan strategik organisasi dirancang dan dipantau secara sistematik.



**Relevan**

Menyokong agenda pemantauan berasaskan aplikasi dalam talian dan menjimatkan ruang dan masa.






## MyWorkProfiling<sup>®</sup>

Sistem yang menguruskan maklumat tentang pekerjaan sesuatu perjawatan merangkumi kepentingan jawatan kepada pencapaian matlamat strategik organisasi, pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta kelayakan akademik yang diperlukan oleh jawatan berkenaan.

MyWorkProfiling<sup>®</sup> ialah sistem yang dibangunkan untuk membantu proses analisis pekerjaan dan penilaian pekerjaan membantu pihak pengurusan untuk memposisikan staf yang betul di tempat kerja yang betul. Sistem ini membantu pepadanan bidang kerja dengan staf dan penentuan struktur organisasi. Melalui sistem ini, pengurusan mampu membuat perancangan strategik dalam menentukan nisbah staf yang bersesuaian di sesebuah jabatan di samping menjayakan agenda Pengurusan Kejut. Secara tidak langsung, ia menyokong langkah penjimatan dan pengoptimuman modal insan dalam inisiatif organisasi kejut.

Secara umumnya, MyWorkProfiling<sup>®</sup> membantu organisasi dalam aspek berikut;

- Matlamat organisasi dapat dihubungkan dengan tugas individu dan hal ini dapat membantu usaha untuk memacu pencapaian matlamat organisasi.
- Anggota organisasi dapat mengenal pasti matlamat strategik, 'Key Focus Area' dan juga mengenal pasti petunjuk prestasi utama.
- Organisasi dapat mengaplikasikan teknik pelaksanaan analisis pekerjaan dan deskripsi pekerjaan dan mengetahui jumlah sebenar anggota yang diperlukannya. Cara ini akan membantu organisasi mengetahui jumlah anggota sebenar bagi sesebuah jabatan selaras dengan organisasi kejut (lean organization).
- Penilaian terhadap piawaian atau kriteria prestasi pekerjaan dapat ditetapkan.
- Proses pengambilan anggota organisasi adalah lebih mudah kerana kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh sesebuah jabatan dapat dikenal pasti lebih awal.



|  |   |
|--|---|
|  <p><b>Kreativiti</b></p>   | <p>MyWorkProfiling<sup>®</sup> ialah sistem yang unik kerana bertindak sebagai kaedah untuk menganalisis pekerjaan dan penilaian pekerjaan di samping melihat kompetensi yang diperlukan oleh staf.</p> |
|  <p><b>Keberkesanan</b></p> | <p>MyWorkProfiling<sup>®</sup> dapat membantu pepadanan bidang tugas dengan kompetensi staf serta penentuan struktur organisasi yang bersesuaian dengan hala tuju organisasi.</p>                       |
|  <p><b>Signifikan</b></p>   | <p>Menjadi asas penting dalam pelaksanaan Pengurusan Kejat dalam sektor awam</p>  |
|  <p><b>Kerelevanan</b></p> | <p>Membantu dalam memastikan staf menjalankan tugas yang sesuai dengan perubahan dan tuntutan semasa serta keperluan masa hadapan.</p>  |











# PEMBANGUNAN INSTITUSI



## PEMBANGUNAN INSTITUSI

Bahagian Pembangunan Institusi (BPI) dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK) telah ditubuhkan pada Februari 2000 dan bertanggungjawab terhadap tiga fungsi utama iaitu Perancangan Strategik, Jaminan Kualiti dan Perkhidmatan Maklumat Eksekutif. BPI juga menyediakan rangka kerja bagi menetapkan dasar, piawaian dan garis panduan serta memantau pelaksanaan aktiviti yang akan memacu daya saing universiti dalam dua aktiviti utama iaitu pendidikan dan penyelidikan.


Bagi menghadapi cabaran masa hadapan pendidikan tinggi, BPI memantau perkembangan dan pencapaian universiti sepanjang tahun 2016 melalui aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan. Antara beberapa aktiviti dan inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah yang berikut:

### MODEL UNIVERSITI BERTARAF GLOBAL

#### a. Kolaborasi Global (MoU/MoA/NDA)

Bahagian Pembangunan Institusi memainkan peranan yang penting sebagai titik tengah dan pusat pengurusan MoU/MoA di USM. Pihak BPI telah bekerjasama dengan Pejabat Perundangan USM dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan bagi meneliti aspek undang-undang dan bahasa dalam penyediaan MoU, MoA dengan dan NDA dengan pihak luar.

Bagi tahun 2016, BPI telah berjaya menguruskan sebanyak 238 MoU/MoA/NDA yang baharu. Gambarajah yang berikut memaparkan MoU/MoA/NDA mengikut pecahan kategori perjanjian:



Rajah 1 : Statistik keseluruhan MoU/MoA/NDA mengikut kategori perjanjian tahun 2016

#### b. Rantaian Multisektor (Quadruple Helix)



Kerjasama yang berlandaskan lingkaran empat atau quadruple helix yang menggabungkan kepakaran Universiti Sains Malaysia (USM) bersama-sama agensi kerajaan dan industri termasuk Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Malaysia (NCIA) dan Collaboration Research in Engineering, Science and Technology (CREST) telah dipilih sebagai antara enam finalis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM). Projek "Inovasi Mempelbagaikan Sumber Pendapatan daripada Sumber Baharu Melalui Kerjasama Pintar USM-NCIA-CREST" ini dijemput ke pertandingan ini buat kali pertama dan berjaya memasuki pusingan akhir.





## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

### a. Knowledge Production (Most Cited Researchers, Prominent Academicians)

- Most Cited Researchers by Clarivate Analytic



Dari perspektif penjanaan pengetahuan USM telah menjadi peneraju utama di Malaysia. Tiga daripada enam orang saintis di Malaysia adalah daripada Universiti Sains Malaysia (USM) yang menerima anugerah 'Highly Cited Researchers 2016' daripada Clarivate Analytics, Thomson Reuters Corporation, New York, US. Penyelidik yang menerima anugerah ini ialah Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad dan Profesor Dr. Bassim H. Hameed daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia bagi kategori Kejuruteraan dan Profesor Dr. Abdul Karim Alias daripada Pusat Pengajian Teknologi Industri bagi kategori 'Agricultural Sciences'.

## b. The Most Cited Researchers by Shanghai Academic Ranking of World Universities (ARWU)



Pencapaian USM dalam aspek sasi jurnal penyelidikannya pula terus dipertahankan menjadi yang terbaik di dalam negara dan antara yang terbaik pada peringkat antarabangsa. Ia dapat dilihat apabila tiga daripada empat orang pensyarah di negara ini yang diiktiraf sebagai 'The Most Cited Researchers' oleh 'Shanghai Academic Ranking of World Universities' (ARWU) datangnya daripada USM. Penyelidik yang menerima anugerah ini adalah daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia terdiri daripada Profesor Dr. Bassim H. Hameed bagi subjek 'Environmental Sciences & Engineering', Profesor Dr. Hanafi Ismail bagi subjek 'Chemical Engineering' dan Profesor Dr. Lee Keat Teong bagi subjek 'Energy Sciences & Engineering'.



## c. Malaysia's Rising Stars Award 2016

Sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian penyelidik Malaysia dalam penerbitan antarabangsa, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Thomson Reuters, telah mengenal pasti tiga penyelidik USM untuk anugerah "Malaysia's Rising Stars Award 2016". Penyelidik yang dimaksudkan ialah:

- i. Profesor Dr. Wan Saime bin Wan Ngah  
Pusat Pengajian Sains Kimia  
Malaysia's Rising Star Award (Clarivate Analytics) kategori Highly Cited Review
- ii. Profesor Dr. Lee Keat Teong  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia  
Malaysia's Rising Star Award (Clarivate Analytics) kategori Young Researcher
- iii. Profesor Dr. Bassem H. Hameed  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia  
Malaysia's Highly Cited Researchers Named Amongst the World's Most Influential Scientific Minds 2015



d. QS Stars Reimagine Award – Teaching



Dari perspektif inovasi dalam pengajaran, USM juga telah menjadi peneraju utama dengan kejayaan Dr. Muhammad Saiful Bahri Yusoff daripada Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) yang telah menjulang nama USM di persada antarabangsa dengan menjadi Johan dalam pertandingan QS STARS Reimagine Education bagi kategori “Teaching Delivery” oleh Graduate School of Education, Universiti Wharton Pennsylvania. Beliau menerima anugerah tersebut berdasarkan salah satu inovasi penyelidikan beliau yang bertajuk “Promoting Resilience and Preventing Burnout in Medical Students through the DEAL- Based Practice”.



e. Anugerah L'Oréal-UNESCO National Fellowship 2016

Dua orang saintis muda wanita USM telah mencatat pencapaian cemerlang dan telah menerima anugerah L'Oréal-UNESCO National Fellowship pada tahun 2016. Anugerah ini diwujudkan khas untuk menghargai sumbangan besar penyelidik wanita dalam pembangunan bidang sains di Malaysia. Penerima anugerah L'Oréal-UNESCO National Fellowship pada tahun 2016 ialah:

- i. **Dr. Fatehah Mohamad Omar**  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam  
Kampus Kejuruteraan  
Nibong Tebal, Pulau Pinang.
- ii. **Dr. Nethia Mohana Kumaran**  
Pusat Pengajian Sains Kajihayat  
Kampus Induk, Pulau Pinang.

**f. Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu**

Seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr. Noriah Mohamed telah menerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM) 2016 di satu majlis sambutan bulan kebangsaan peringkat sektor pendidikan yang telah berlangsung pada 13 Oktober 2016 bertempat di Shah Alam, Selangor.



**g. Anugerah Akademik Negara (AAN):  
Anugerah Pengajaran - Kelompok Sastera dan Sains Sosial**

Seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden telah menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) bagi kategori Anugerah Pengajaran - Kelompok Sastera dan Sains Sosial 2016.

**h. Anugerah Tertinggi USSH Vietnam**

Seorang Pakar Perancangan dan Pembangunan Pelancongan dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (HBP) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Badaruddin Mohamed telah menerima Anugerah Pingat Merit daripada University of Social Sciences and Humanities (USSH), Vietnam.

Anugerah ini diberikan atas sumbangan beliau yang sangat signifikan dalam bidang pembangunan bandar dan pelancongan serta penglibatan akademik beliau di negara Vietnam.



**i. Ikon Istimewa Kebangsaan**

Seorang Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM iaitu Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor telah dinobatkan sebagai Ikon Istimewa Kebangsaan sempena Program Konvensyen Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2016 di Langkawi International Convention Centre (LICC). Program ini dianjurkan oleh Yayasan Komuniti Inklusif Langkawi dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan berlangsung pada 26 hingga 28 Februari 2016.



## MEMPOSISIKAN USM

### QS Stars Rating

Ranking dan penarafan Universiti tidak asing lagi dalam sektor pendidikan tinggi pada masa ini. Ranking dan penarafan telah dijadikan sebagai asas pengukuran prestasi sebuah Universiti, asas pembahagian peruntukan penyelidikan dan juga sebagai asas pemilihan pelajar untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat prasiswazah dan pasca siswazah. Pihak Universiti melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah bersetuju menyertai Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating yang dikendalikan oleh pihak QS Limited.



Penarafan dan ranking QS diberi keutamaan oleh USM kerana ia diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan senarai QS Ranking ini digunakan/dirujuk untuk penyediaan polisi kerajaan yang rasmi (official government policy making). Selain Malaysia, negara lain yang secara rasmi menggunakan senarai QS Ranking oleh kerajaannya ialah negara Chile, Denmark, Brazil, Netherlands, Russia, Singapore, Kazakhstan, India dan Indonesia.

QS Limited yang berpangkalan di United Kingdom (UK) merupakan organisasi terbesar dan paling berpengaruh dalam penarafan serta ranking Universiti seluruh dunia. Instrumen penarafan dan ranking yang dijalankan oleh pihak QS Limited merupakan instrumen utama yang digunakan oleh KPT dan kerajaan Malaysia untuk mengukur prestasi kecemerlangan Universiti pada peringkat global selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) di bawah aspirasi KUALITI khususnya kualiti institusi yang menasaskan kedudukan terbaik universiti dalam penarafan dan ranking global. Selain itu, penarafan dan kedudukan ranking yang terbaik pada peringkat global adalah amat penting dalam usaha menarik pelajar daripada luar negara untuk meneruskan pengajian tinggi di negara sejajar dengan matlamat Malaysia menjadi hub pendidikan bertaraf global.

QS Stars Rating merupakan instrumen penarafan mengikut bintang untuk membuat perbandingan dengan standard global meliputi elemen pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, kebolehpasaran graduan, pengantarabangsaan, kemudahan, pengajian jarak jauh & dalam talian, inovasi, seni & kebudayaan, tanggungjawab sosial dan akreditasi.





# Universiti Sains Malaysia

The QS Intelligence Unit has, through rigorous and independent data collection and analysis of performance metrics as set out in the QS Stars™ methodology, rated Universiti Sains Malaysia as a Five Stars institution.



The QS Stars™ rating system is operated by the QS Intelligence Unit, the independent compiler of the QS World University Rankings® since 2004. The system evaluates universities across a wide range of important performance indicators as set against pre-established international standards. By covering a broader range of criteria than any world ranking exercise, QS Stars™ shines a light on both the excellence and the diversity of the rated institution.

| CATEGORY             | STAR RATING |
|----------------------|-------------|
| Teaching             | ★★★★★       |
| Employability        | ★★★★★       |
| Research             | ★★★★        |
| Internationalization | ★★★★★       |
| Facilities           | ★★★★★       |
| Innovation           | ★★★★★       |
| Inclusiveness        | ★★★         |
| Chemical Engineering | ★★★★★       |
| Overall              | ★★★★★       |




Ben Sowter - Head of QS Intelligence Unit



## PENARAFAN QS STARS RATING USM

Projek ini bermula pada 24 Februari 2016 dengan pembentukan satu Jawatankuasa QS Stars Rating & Ranking untuk merangka strategi pengumpulan dan penyediaan data USM bagi tujuan pengauditan oleh pihak Quacquarelli Symonds (QS) UK. Di samping itu, ia juga bertujuan memaksimumkan pencapaian QS Stars Rating & Ranking USM melalui kepakaran, idea dan input yang bernas daripada Ahli Jawatankuasa serta untuk mengukuhkan jenama USM pada peringkat antarabangsa menerusi sistem penarafan yang berprestij.

Data QS Stars Rating USM telah diserahkan kepada pihak QS-WUR pada 30 September 2016. Audit oleh pihak QS-WUR telah selesai pada 16 Disember 2016. Pasukan juruaudit QS telah menjalankan penilaian data secara ketat, bebas dan menggunakan analisis prestasi metrik yang digariskan dalam Metodologi QS Stars Rating. Pihak USM yang telah menyediakan data lengkap dengan dokumen sokongan secara efisien telah berjaya dinobatkan sebagai sebuah institusi bertaraf lima bintang (maksimum) oleh pihak QS. Penarafan lima bintang (maksimum) bagi QS Star Rating ini sah bagi tempoh tiga tahun iaitu sehingga 17 Disember 2019.



Skor penuh penilaian ialah sebanyak 1000 mata secara keseluruhannya yang merangkumi 52 penunjuk dalam 12 kategori. Perincian pecahan skor adalah seperti gambarajah di bawah.

|   |  |  |  |  |
|---|--|--|--|--|
| <p>Detailed methodology awards 1,000 points across 52 indicators in up to 12 categories</p> |  | <p><b>ADVANCED CRITERIA</b><br/>CHOOSE TWO</p>                 | <p><b>INNOVATION</b><br/>4 indicators</p> <p>50</p>          | <p><b>ARTS &amp; CULTURE</b><br/>4 indicators</p> <p>50</p>    |
|   |  | <p><b>TEACHING</b><br/>6 indicators</p> <p>150</p>             | <p><b>INCLUSIVENESS</b><br/>4 indicators</p> <p>50</p>       | <p><b>SOCIAL RESPONSIBILITY</b><br/>4 indicators</p> <p>50</p> |
| <p><b>FACILITIES</b><br/>6 indicators</p> <p>100</p>  | <p><b>EMPLOYABILITY</b><br/>4 indicators</p> <p>150</p>    | <p><b>QS STARS</b><br/>RATED FOR EXCELLENCE</p> <p>1000</p>    | <p><b>RESEARCH</b><br/>3 indicators</p> <p>150</p>           | <p><b>SPECIALIST CRITERIA</b></p>                              |
| <p><b>LEARNING ENVIRONMENT</b><br/>CHOOSE ONE</p>   | <p><b>ONLINE/ DISTANCE</b><br/>6 indicators</p> <p>100</p> | <p><b>INTERNATIONALIZATION</b><br/>7 indicators</p> <p>150</p> | <p><b>DISCIPLINE RANKING</b><br/>2 indicators</p> <p>150</p> | <p><b>ACCREDITATIONS</b><br/>2 indicators</p> <p>50</p>        |

## SKOR QS STARS RATING USM MENGIKUT SEKSYEN

### a. Pengajaran

Sebanyak enam indikator telah digunakan untuk menilai kategori pengajaran dengan skor penuh 150 mata. Indikator pertama ialah nisbah bilangan pelajar dan pensyarah (50 mata), kedua ialah bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian dalam tempoh 12 bulan selepas graduasi (20 mata), ketiga ialah kepuasan terhadap pengajaran (40 mata), keempat ialah bilangan pensyarah yang mempunyai PhD (40 mata), kelima ialah bilangan pelajar yang bergraduasi mengikut tempoh pengajian (40 mata) dan keenam ialah kepuasan pelajar secara menyeluruh (40 mata).



|  |  |  |  |   |
|--|--|--|--|---|
| <p><b>TEACHING</b><br/>6 indicators</p> <p><b>150</b></p>                                |  | 75% student satisfaction or higher with scaled scores down to 50% student satisfaction | <p><b>OVERALL STUDENT SATISFACTION</b></p> <p><b>40</b></p>                            | 90% of students scheduled to graduate succeeding in doing so scaled down to 60% |
|  |  |  |  | <p><b>COMPLETION</b></p> <p><b>40</b></p>                                       |
| <p><b>FACULTY STUDENT RATIO</b></p> <p><b>50</b></p>                                     | Maximum points for a 10:1 ratio (10%) scaled down to 50:1 (2%) |  |  | <p>80% scaled down to 60% of faculty with PhD or equivalent terminal degree</p> |
| 30% of students pursuing further study within 12 months of graduation scaled down to 10% | <p><b>FURTHER STUDY</b></p> <p><b>20</b></p>                   | <p><b>SATISFACTION WITH TEACHING</b></p> <p><b>40</b></p>                              | 75% student satisfaction or higher with scaled scores down to 50% student satisfaction |   |



b. Kebolehpasaran graduan


Bagi kategori kebolehpasaran pula, sebanyak empat indikator iaitu reputasi majikan (50 mata), kehadiran bakal majikan ke acara yang diadakan oleh universiti (30 mata), sokongan perkhidmatan kerjaya (50 mata) dan kadar graduan mendapat pekerjaan (50 mata). Jumlah keseluruhan indikator ini ialah 150 mata dalam kategori kebolehpasaran ini. USM turut menerima penarafan lima bintang dalam kategori ini.



|  |  |  |   |
|--|--|--|---|
| <p>CAMPUS EMPLOYER PRESENCE</p> <p><b>30</b></p> | <p>200 companies present at events on campus OR equivalent to 1% of the FTE student body. Scaled proportion of the points thereafter</p> | <p>EMPLOYER REPUTATION</p> <p><b>50</b></p>  | <p>50 employer referees or over. Scaled proportion of the points thereafter</p> |
|  | <p>GRADUATE EMPLOYMENT RATE</p> <p><b>50</b></p>   | <p>90% of graduates employed within 12 months (excluding those not seeking work scaled to 50%)</p> | <p>CAREERS SERVICE SUPPORT</p> <p><b>50</b></p>                                 |

**c. Penyelidikan**

Mata penuh yang diperuntukkan bagi kategori penyelidikan ialah sebanyak 150 mata dengan lima indikator didalamnya. Indikator pertama ialah reputasi akademik (50 mata), indikator kedua ialah jumlah sitasi bagi satu kertas pembentangan (20 mata), jumlah kertas pembentangan dalam fakulti (40 mata), output seni yang berkaitan (40 mata) dan pakar akademik prolifik (40 mata). Bagi kategori penyelidikan, USM telah menerima penarafan empat bintang.





d. Pengantarabangsaan

Terdapat tujuh indikator di bawah penarafan pengantarabangsaan yang memberi sebanyak 150 mata untuk kategori ini. Indikator dalam kategori ini ialah kolaborasi antarabangsa (50 mata), pensyarah antarabangsa (20 mata), pelajar pertukaran pelajar ke dalam negara (20 mata), pelajar antarabangsa (20 mata), kemudahan keagamaan (10 mata) dan kepelbagaian antarabangsa dalam kalangan pelajar (10 mata). USM telah dinobatkan dengan penarafan lima bintang bagi kategori pengantarabangsaan.



|  |                                     |  |   |   |
|--|-------------------------------------|--|---|---|
| INTERNATIONAL COLLABORATION<br><b>50</b>   | INTERNATIONAL FACULTY<br><b>20</b>  | 25% international faculty, scaled proportion thereafter                              | INBOUND EXCHANGE STUDENTS<br><b>20</b>  | OUTBOUND EXCHANGE STUDENTS<br><b>20</b>   |
| 50 university research collaborations OR joint-degree with QS top 500 universities in previous 3 years | INTERNATIONAL STUDENTS<br><b>20</b> | 2% inbound students against total number of students                                 | 2% inbound students against total number of students  | 2% outbound students against total number of students                                   |
| INTERNATIONALization<br>7 indicators<br><b>150</b>   |                                     |  |   | Up to 50 nationalities represented in student body (excluding online/distance/offshore) |
|  |                                     | RELIGIOUS FACILITIES<br><b>10</b>  | 1 place of worship for a minimum of 3 major religious groups OR 1 Multi-denominational religious facility | INTERNATIONAL DIVERSITY<br><b>10</b>  |

e. Kemudahan Pelajar

USM telah menerima penarafan lima bintang bagi kategori kemudahan pelajar. Sebanyak enam indikator dalam kategori ini iaitu penginapan pelajar (20 mata), infrastruktur IT (20 mata), perpustakaan (20 mata), kemudahan sukan (20 mata), kemudahan perubatan (10 mata) dan kemudahan berpersatuan (10 mata). Jumlah keseluruhan mata bagi kategori ini ialah 100 mata.



|   |   |                                     |   |   |
|---|---|-------------------------------------|---|---|
| <p>STUDENT ACCOMMODATION</p> <p>20</p>  | <p>Number of computers OR internet access in student rooms OR WIFI coverage on campus</p> | <p>LIBRARY FACILITIES</p> <p>20</p> | <p>Investment per student over the past year OR new library catalogue entries per student</p> | <p>SPORTING FACILITIES</p> <p>20</p>  |
| <p>Maximum points for the same number of rooms in student residences as first year students</p> | <p>IT INFRASTRUCTURE</p> <p>20</p>  |                                     |   | <p>Provision of key, popular sporting facilities (e.g. swimming pool, gym, track, sports courts etc...)</p> |
| <p>FACILITIES</p> <p>6 indicators</p> <p>100</p>  |   |                                     |   | <p>MEDICAL FACILITIES</p> <p>10</p>   |



f. Inovasi

USM turut dinobatkan dengan penarafan lima bintang bagi kategori inovasi. Terdapat tiga indikator dalam kategori ini iaitu paten (20 mata), penyelidikan dengan industri (10 mata) dan penubuhan syarikat baharu sebanyak 20 mata. Jumlah keseluruhan mata ialah 50 mata.



**g. Keterangan**

Empat indikator digariskan dalam kategori keterangan iaitu biasiswa dan dermasiswa (20 mata), akses bagi orang kelainan upaya (10 mata), keseimbangan gender (10 mata) dan outreach berpendapatan rendah (10 mata). Jumlah mata keseluruhan ialah 50 mata. USM menerima penarafan tiga bintang bagi kategori ini.





**h. Kriteria kepakaran dalam disiplin**

USM telah menerima penarafan lima bintang dalam disiplin Kejuruteraan dan Teknologi dan dalam bidang Kejuruteraan Kimia.



|   |  |  |
|---|--|--|
| <p><b>NOTE:</b> Specialist criteria evaluated must all relate to the same selected discipline as resulting rating will be discipline specific</p> | <p>DISCIPLINE RANKING</p> <p>150</p>   | <p>Highly ranked in any of one of the 42 specific subject areas based on the QS World University Rankings by Subject, or in one of the 5 broad faculty areas based on QS Rankings by Faculty area. Maximum points for position 1- 50, scaled scores down to 10 points at position 300.</p> |
|   | <p>10 points for each national accreditation and 25 points for each international accreditation.</p> <p>Multiple domestic and international accreditations for the <u>same subject area</u> can be combined for a maximum score capped at 50</p> | <p><b>Specialist CRITERIA</b></p> <p>2 indicators</p>  |
| <p>ACREDITATIONS</p> <p>50</p>  | <p>200</p>   |  |

## PENERBIT USM

Penerbit USM merupakan pusat tanggungjawab bagi mencetak buku dan jurnal hasil pengeluaran penyelidik-penyelidik USM dan juga dari luar USM. Elemen penerbit memainkan peranan penting dalam menyebarkan hasil-hasil penulisan berasaskan penyelidikan. Sepanjang tahun 2016, selain menumpukan perhatian kepada usaha operasi kebiasaan, penerbit juga mengambil pelbagai langkah untuk memastikan hasil penyelidikan universiti dapat diakses oleh penyelidik-penyelidik antarabangsa. Pencapaian penerbit USM sepanjang tahun 2016 dapat diringkaskan seperti berikut.

## JUMLAH PENERBITAN

Penerbit USM telah menerbitkan sejumlah 73 penerbitan yang terdiri daripada 21 judul buku, 44 isu jurnal, dan 8 judul teks syarahan dengan menggunakan imprint 2016.

## PEMASARAN BUKU ELEKTRONIK (FORMAT ePUB)

Pada masa ini buku elektronik Penerbit USM dipasarkan melalui aggregator (pengedar buku elektronik) eSentral, Bachabooku dan BookCapital (syarikat dalam negara), Google Play, Trajectory, Barnes and Noble, Kobo, OverDrive, PT Buqu Global dan syarikat pangkalan data seperti ProQuest dan EBSCO Publishing (syarikat berpangkalan di luar negara). Yang terbaru ialah syarikat Snippify yang berpangkalan di Cape Town untuk pasaran Afrika Selatan dan negara sekitarnya. Sementara itu buku elektronik boleh dibeli melalui puluhan outlet buku elektronik antarabangsa seperti Amazon.com, Google Book, App Store, Barnes & Noble, Hoopla, Scribd, 3M Cloud Library, 24symbols, Copia, Gardners Books, Sophos dan sebagainya. Outlet ebuku Penerbit USM telah menembusi lebih daripada 18 buah negara yang menjadi pelanggan berdasarkan rekod jualan yang diterima daripada aggregator manakala pengedar ebuku dalam negara pula ialah eSentral, Bachabooku dan BookCapital.

## PEMASARAN BUKU BERCETAK MELALUI EDAGANG “KARYAUSM”

Sistem eDagang Penerbit USM, iaitu “karyausm” yang memulakan operasinya pada tahun 2015 terus menerima tempahan pembelian daripada masyarakat umum. Melalui portal “karyausm”, buku-buku bercetak boleh dibeli dalam talian dengan menggunakan kad debit atau kad kredit

## HASIL JUALAN

Hasil jualan yang diperolehi tahun ini merangkumi jualan melalui pengedar, peruncit, tender, dan jualan runcit buku bercetak dan buku elektronik sejumlah RM200,394.78.

## RAKAN STRATEGIK PEMASARAN GLOBAL

Dalam usaha membawa karya Malaysia, khususnya hasil kajian dan penyelidikan oleh penyelidik USM ke peringkat antarabangsa, USM telah menandatangani satu lagi Memorandum Perjanjian (MoA) di Frankfurter Buchmesse (Pesta Buku Frankfurt) yang berlangsung pada 19-23 Oktober 2016 dengan rakan strategik, iaitu syarikat Snappify yang berpangkalan di Cape Town bagi memasarkan hasil terbitan Penerbit USM dalam bentuk elektronik pada peringkat global khususnya Afrika Selatan dan negara sekitarnya.



MoA ini ialah tambahan kepada empat MoA yang telah ditandatangani semasa Frankfurt Book Fair 2015 dengan EBSCO Publishing dan ProQuest, gergasi depositori kandungan yang menempatkan kandungan digital dari seluruh dunia bagi memasarkan buku elektronik (ebuku) Penerbit USM untuk pasaran antarabangsa di samping penandatanganan perjanjian dengan Ingram Content Group dan PT Buqu Global.

Pemeteraian perjanjian dengan syarikat agregator luar negara ini adalah sebagai usaha untuk memasuki pasaran antarabangsa penerbitan digital melalui syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat terutama untuk meningkatkan keternampakan karya, pengarang dan USM pada peringkat dunia.

## ANUGERAH PENERBIT



### a. Anugerah Jurnal CREAM

Enam jurnal terbitan Penerbit Universiti Sains Malaysia pada tahun 2016 telah dipilih sebagai penerima Jurnal Taraf CREAM di bawah Skim Galakan Penerbitan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Senarai jurnal yang dipilih menerima Taraf CREAM adalah seperti berikut:

- **Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dato' Dr. Ruhani Ali dari Pusat Pengajian Sains Matematik
- **Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dato' Dr. Rosihan M. Ali dari Pusat Pengajian Sains Matematik
- **Journal of Construction in Developing Countries**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Sr. Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz dari Pusat Pengajian Perumahan Bangunan Dan Perancangan
- **Journal of Physical Sciences**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- **International Journal of Asia Pacific Studies**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dr. Ooi Keat Gin dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- **Malaysian Journal of Medical Sciences**  
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dato' Dr. Jafri Malin Abdullah dari Pusat Perkhidmatan & Penyelidikan Neurosains

b. Anugerah MAPIM



Penerbit USM telah memenangi dua Anugerah MAPIM dalam Kategori Editor Naskhah Buku terbaik seperti berikut:

- i. Anugerah Editor Naskhah Terbaik (Sains, Teknologi dan Perubatan)  
**Hadiah Utama RM8,000.00**  
 Editor Naskhah: **Puan Rosziana Radli**, Pegawai Penerbitan Kanan  
 (Editor Naskhah menerima RM5,600.00 dan Penerbit USM menerima RM2,400.00)
  
- ii. Anugerah Editor Naskhah Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial)  
**Hadiah Penghargaan RM3,000.00**  
 Editor Naskhah: **Puan Che Su Yaakub**, Pegawai Penerbitan  
 (Editor Naskhah menerima RM2,400.00 dan Penerbit USM menerima RM600.00)





Nota: Anugerah MAPIM 2015 telah diterima pada 22 April 2016

**c. Anugerah Buku Negara**

Dua judul buku terbitan Penerbit USM telah dipilih memenangi Anugerah Buku Negara 2016. Judul berkenaan adalah seperti yang berikut:

Kategori : Buku Tamadun Islam Terbaik


Judul : Tradisi Intelektual Andalusia: Pengaruh Disiplin Al-Quran

Penulis : Mohd Zamrus Mohd Ali

Kategori : Buku Arkeologi Terbaik

Judul : Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah

Penulis : Stephen Chia



## PERPUSTAKAAN USM

### PENGENALAN

Berpegang teguh pada visi “Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, keserjanaan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan lestari”, Perpustakaan terus memainkan peranan utamanya sebagai pusat sumber maklumat dan ilmu kepada Universiti. Selain itu, Perpustakaan juga memberikan tumpuan kepada menyokong Universiti dari segi kecemerlangan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan menerusi pelbagai inisiatif perkhidmatan yang ditawarkan serta menyumbang kepada masyarakat di dalam dan luar kampus.

### PERKHIDMATAN PENGGUNA

Ahli berdaftar Perpustakaan USM sehingga Disember 2016 ialah seramai **73,441** orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran, dan publik yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perkhidmatan pinjaman Perpustakaan telah merekodkan sejumlah **296,119** buah pinjaman bahan. Sementara itu, Perpustakaan juga telah merekodkan **550,298** kunjungan pengguna secara fizikal dan **354,860** secara maya. Jadual 1 menunjukkan perincian mengikut rangkaian Perpustakaan USM:

Jadual 1: Jumlah Keahlian, Kunjungan dan Pinjaman

| KAMPUS                     | KEAHLIAN      | PINJAMAN       | KUNJUNGAN (FIZIKAL) | KUNJUNGAN (MAYA) |
|----------------------------|---------------|----------------|---------------------|------------------|
| Perpustakaan Hamzah Sendut | 51,014        | 246,517        | 327,356             | 273,732          |
| Perpustakaan Hamdan Tahir  | 13,550        | 40,219         | 174,408             | 57,770           |
| Perpustakaan Kejuruteraan  | 8,852         | 8,123          | 47,143              | 22,588           |
| Perpustakaan IPPT          | 25            | 1,260          | 1,391               | 770              |
| <b>Jumlah</b>              | <b>73,441</b> | <b>296,119</b> | <b>550,298</b>      | <b>354,860</b>   |

### PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2016

- Simposium Perpustakaan Bersama Pusat Pengajian telah berjaya dilaksanakan pada 25 April 2016. Menerusi simposium ini, sesi perkongsian maklumat serta percambahan idea antara perpustakaan dengan pusat-pusat pengajian dapat diwujudkan bagi memperkasakan pengurusan sumber dan penerbitan penyelidikan Universiti.
- Perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengguna ditingkatkan dengan pemantapan berterusan sistem bersepadu dalam talian Perpustakaan bagi keseluruhan rangkaian Perpustakaan USM. Penaiktarafan sistem telah dilakukan sebanyak dua kali (April dan Jun) dengan versi terkini adalah versi 16.11.
- Kedudukan Repository@USM di Ranking Web of World Repositories (July 2016) ([http://repositories.webometrics.info/en/top\\_Inst?page=1](http://repositories.webometrics.info/en/top_Inst?page=1)) pada kedudukan nombor 196 daripada 2,188 repositori institusi di dunia. Sementara kedudukan webometrics universiti di Malaysia meletakkan USM pada kedudukan ke 467 dunia dan ke-2 di Malaysia (sumber: <http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia>).



- iv. Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan Perpustakaan diteruskan dengan jayanya dalam membantu pelajar dan staf akademik meningkatkan kemahiran menggunakan pelbagai aplikasi perisian yang memudahkan proses aktiviti penyelidikan mereka. Sebanyak 57 sesi latihan melibatkan enam (6) modul telah dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai 526 orang.
- v. Perpustakaan terus melakar sejarah apabila berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 setelah Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dilaksanakan pada 7 dan 8 November 2016 manakala Perpustakaan Hamdan Tahir juga berjaya mengekalkan Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC).
- vi. Seramai 18 orang pustakawan telah membentangkan tiga kertas kerja dalam tiga persidangan antarabangsa.
- vii. Sebanyak 255 latihan/seminar/bengkel Program Pendidikan Pengguna dan Sokongan Penyelidikan telah dianjurkan oleh perpustakaan dengan penglibatan jumlah peserta seramai 10,570 orang.
- viii. Perpustakaan telah menerima sejumlah 119 kunjungan merangkumi pelbagai organisasi, sekolah, agensi dan juga unviersiti luar.
- ix. Sebanyak 21 pameran telah diadakan sepanjang tahun 2016 iaitu lima pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut, 14 pameran di Perpustakaan Hamdan Tahir dan dua pameran di Perpustakaan Kejuruteraan.
- x. Bagi meneruskan usaha pengantarabangsaan, Perpustakaan selaku Sekretariat ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO) telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan 'The 12th AUNILO Committee Meeting' pada 23-25 Mei 2016 di Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam. Satu Bengkel Latihan tentang Evaluation and Assessment of Electronic Resources in Universities Libraries telah diadakan pada 26-27 Mei 2016 meliputi aspek penilaian penggunaan sumber maklumat elektronik dan perkongsian amalan terbaik penilaian, promosi dan pemasaran sumber elektronik.
- xi. Sebanyak 57 seminar/bengkel telah dianjurkan oleh Perpustakaan dan juga anjuran bersama Unit Latihan Jabatan Pendaftar pada tahun 2016.
- xii. Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengadakan pelbagai aktiviti bersama masyarakat. Sepanjang tahun 2016, sembilan program bersama pelanggan dan lima program bersama masyarakat berjaya dijalankan.
- xiii. Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan berjaya menjana kewangan berjumlah RM395,289.40. Penjanaan kewangan ini ialah hasil kutipan denda, pendaftaran keahlian, sewaan, muat turun artikel, salinan mikrobentuk, penganjuran persidangan dan perkhidmatan faksimili. Jadual 2 menunjukkan perincian pendapatan mengikut rangkaian Perpustakaan USM.

Jadual 2: Pendapatan Perpustakaan USM

| PHS        | PHT        | PK       | PITM, IPPT | JUMLAH     |
|------------|------------|----------|------------|------------|
| RM         | RM         | RM       | RM         | RM         |
| 185,650.20 | 202,665.00 | 6,114.30 | 859.90     | 395,289.40 |

## KOLEKSI

Jadual 3 dan 4 menunjukkan perincian koleksi Perpustakaan USM bagi tahun 2016.

Jadual 3: Koleksi Perpustakaan USM

| JENIS BAHAN                        | JUMLAH JUDUL     |
|------------------------------------|------------------|
|                                    | 2016             |
| Buku dan Jurnal Bercetak           | 1,138,700        |
| (Jumlah naskhah)                   | (1,323,271)      |
| Buku elektronik                    | 113,509          |
| Jurnal elektronik                  | 360,619          |
| Bahan Media (termasuk mikrobentuk) | 219,402          |
| <b>JUMLAH</b>                      | <b>1,843,230</b> |

Jadual 4: Statistik Pangkalan Data dan Langganan Majalah 2016

| PERKARA           | JUMLAH |
|-------------------|--------|
| Pangkalan data    | 45     |
| Langganan majalah | 119    |

Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan telah melaksanakan pelbagai program perkhidmatan yang menyokong aktiviti penyelidikan warga Universiti. Hal ini dapat dilihat daripada pelaksanaan program simposium serta pelbagai bengkel/latihan yang disediakan oleh Perpustakaan. Perpustakaan juga melaksanakan perbelanjaan berhemah dengan membuat penilaian secara mendalam bagi langganan pangkalan data serta perolehan bahan koleksi Perpustakaan. Selain itu, penggunaan sistem bersepadu perpustakaan sedia ada juga diteruskan bagi tujuan pengurusan kos yang lebih efektif tetapi dalam masa yang sama berfungsi dengan baik serta mesra pengguna. Perpustakaan akan terus komited memberikan perkhidmatan yang terbaik, memberikan tambah nilai kepada warga Universiti dan menjadi perpustakaan rujukan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa menerusi inisiatif serta inovasi terkini demi menyokong merealisasikan visi dan misi Universiti di dalam era globalisasi masa ini.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2016 PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT



Latihan pangkalan data - 17 Mei 2016



Taklimat perpustakaan kepada pelajar baharu - 29 Ogos 2016



Jom Cari Maklumat - 28 September 2016



PC Fair 2016 @Perpustakaan Hamzah Sendut - 29 September 2016



Jom Cari Maklumat - 30 September 2016







# YAYASAN USM







## PENGENALAN

Yayasan Universiti Sains Malaysia (Yayasan USM) dinaungi oleh D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah pula adalah Pro Canselor USM iaitu Tan Sri Datuk Mustafa Mansur serta dua ahli Pemegang Amanah yang dilantik iaitu Pengerusi Lembaga Gabenor USM Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan Naib Canselor USM, Yayasan USM di tubuhkan dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) pada 31 Mac 2014 sebagai sebuah badan korporat bagi mendokong serta bergerak seiring bersama USM bagi mencapai visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi demi kelestarian hari esok. Moto, misi dan objektif Yayasan USM adalah seperti berikut:

### Moto:

Ke Arah Masa Hadapan Yang Lestari

### Misi:

Menjana, merencanakan dan mengurus dana bagi menyokong dan membantu USM untuk melaksanakan dan mencapai matlamat hala tujunya.

### Antara Objektif Yayasan USM :

- Mengumpulkan dan menyatukan dana serta mengemblend sumber-sumber sumbangan, hadiah dan pemberian lain berkaitan yang berpotensi sama ada dari dalam atau luar negara bagi manfaat USM.
- Membangunkan dan memajukan dana atau harta yang diperoleh melalui kerjasama pihak yang sesuai bagi pihak USM.
- Menjana dana dan pemberian melalui kaedah-kaedah kontemporari dan inovatif untuk meningkatkan sumber dana bagi manfaat USM.
- Membangunkan dan memajukan harta atau aset hasil sumbangan untuk tujuan yang difikirkan perlu melalui kaedah yang sesuai berdasarkan matlamat USM.
- Menyempurnakan amanah dan amanat penderma.

### Antara aktiviti utama Yayasan USM :

- Mengumpulkan dan menyatukan dana serta mengembleng sumber-sumber sumbangan, hadiah dan pemberian lain yang berkaitan serta yang berpotensi sama ada dari dalam atau luar negara bagi manfaat USM.
- Membangunkan dan memajukan dana atau harta yang diperolehi melalui kerjasama pihak yang sesuai bagi pihak USM.
- Mempromosikan Yayasan USM kepada staf, pelajar dan alumni sebagai satu platform dalam menyumbang semula kepada USM.

Terdapat sembilan Tabung di bawah Yayasan USM untuk sumbangan iaitu : -

#### a) Tabung Kursi

Tabung ini membiayai ahli akademik ulung dan ahli professional dengan tujuan khas bagi perkembangan dan perkongsian ilmu.

#### b) Tabung Penyelidikan

Tabung ini membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan agenda kelestarian universiti bagi menyediakan penyelesaian isu kelestarian hari esok.

#### c) Tabung Akademik dan Pengantarabangsaan

Tabung ini menyokong program akademik termasuklah program mobiliti staf akademik dan pelajar bagi pendedahan global.

#### d) Tabung Libatsama (Komuniti dan Industri)

Tabung ini menyokong program-program libatsama di antara universiti dengan komuniti dan industri.

#### e) Tabung Bakat (Biasiswa dan Hadiah)

Satu tabung khas yang dinamakan Dermasiswa Kasih USM telah dilancarkan pada Mac 2015 dibawah kategori Tabung Bakat (Biasiswa dan Hadiah). Tabung ini memberikan fokus kepada usaha untuk membantu pelajar-pelajar dalam kalangan terkebahawah. Pengagihan bantuan ini akan bermula dengan pengambilan pelajar pada semester yang akan datang dalam bentuk sumbangan *one-off*, zakat atau bantuan khas seperti pemberian makanan kepada pelajar miskin yang dianjurkan oleh Majlis

Perwakilan Pelajar USM. Selain itu, tabung ini juga turut menguruskan penerimaan dana sumbangan kepada penerima-penerima biasiswa dan *fellowship* daripada individu, badan korporat dan agensi luar.

#### f) Tabung APEX

Tabung ini membiayai program-program di bawah agenda APEX.

#### g) Tabung Bangunan dan Penyelenggaraan

Tabung ini membiayai penyelenggaraan dan mencantikkan bangunan-bangunan yang sedia ada di dalam kampus. Dana ini juga akan digunakan untuk tujuan membeli peralatan yang diperlukan bagi bangunan yang memerlukan. Selain itu, ianya juga membantu membiayai pembinaan bangunan baru bagi keperluan universiti.

#### h) Tabung Endowmen Islam

Tabung ini membiayai keperluan yang melibatkan endowmen Islam seperti sumbangan zakat, wakaf pendidikan dan sumbangan yang berkaitan dengannya.

#### i) Tabung Am

Tabung ini akan digunakan untuk pembiayaan secara umum selain lapan tabung yang dinyatakan.





## LAPORAN PENCAPAIAN - SUMBANGAN DANA

Pada tahun 2016, sumbangan dana yang telah diterima oleh Yayasan USM adalah sebanyak **RM 6,227,515.79 juta**. Berikut adalah pecahan faedah dan kebaikan daripada sumbangan yang diterima oleh Yayasan USM kepada Universiti Sains Malaysia pada tahun 2016:

| Bil.                      | Bulan               | Nama Penyumbang   | Tabung                                 | Tujuan Sumbangan   | Jumlah Sumbangan (RM) |
|---------------------------|---------------------|---|--|--|-----------------------|
| 1.                        | Januari             | Wakaf Pendidikan ISDEV  | Tabung Endowman Islam                  | Kutipan sumbangan berdasarkan Kupon Wakaf Pendidikan bagi membantu pelajar yang layak berdasarkan kriteria yang bersesuaian dengan agihan wakaf pendidikan.  | 21,055.00             |
| 2.                        | Januari/Mei/Oktober | Lotte Chemical Titan (M) Sdn Bhd                                  | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah)        | Pemberian biasiswa kepada 2 pelajar Tahun 2 SA 2016/2017 dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia USM dan sumbangan sepanjang tempoh pengajian selama 4 tahun.  | 31,374.76             |
| 3.                        | Januari/November    | Kuok Foundation Berhad (MSM Fellowship Award)                     | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah)        | Fellowship untuk 11 Pelajar Ijazah Tinggi Pusat Pengajian Teknologi Industri.  | 330,000.00            |
| 4.                        | April/Mei           | Sumbangan Amanah Anak-Anak Yatim                                  | Tabung Am                              | Kutipan sumbangan staf USM dan orang awam kepada anak-anak yatim staf USM.   | 26,150.00             |
| 5.                        | Mei                 | Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian Tionghua                      | Tabung Libatsama (Komuniti & Industri) | Sumbangan kepada Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian Tionghua bagi tujuan aktiviti sekretariat tersebut.   | 2,000.00              |
| 6.                        | Ogos/Disember       | Sumbangan Staf/Alumni/Badan Korporat Persatuan Pelajar/Orang Awam | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah)        | Tabung Biasiswa/ Dermasiswa Kasih USM (TBDK) diwujudkan pada Mac 2015 sebagai usaha untuk membantu pelajar yang tergolong dalam kalangan terke bawah dan agihan dana dibuat dari semester ke semester. | 210,926.03            |
| 7.                        | November            | Asian Finance Bank Berhad   | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah)        | Bantuan untuk bayaran tunggakan yuran pengajian pelajar miskin USM.  | 75,000.00             |
| 8.                        | November            | YBhg. Tan Sri Azman Hashim, CEO AmBank                            | Tabung Bangunan & Penyelenggaraan      | Sumbangan aset enam unit Kondominium Hillcrest bagi perjanaan kewangan dan pemberian biasiswa melalui keuntungan yang diterima serta diberikan nama khas Biasiswa Tan Sri Azman Hashim.                | 5,520,000.00          |
| 9.                        | Disember            | Encik Al-Zambri Ahmad, Alumni USM                                 | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah)        | Pemberian biasiswa kepada seorang pelajar Pusat Pengajian Sains Perubatan Tahun 1, Sidang akademik 2016/2017.  | 11,000.00             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                     |   |  |  | <b>6,227,515.79</b>   |

## AKTIVITI PENJANAAN KEWANGAN YAYASAN USM 2016

| Bil | Aktiviti                             | Tarikh   | Pencapaian   |
|-----|--------------------------------------|--|--|
| 1   | Santapan Malam Amal Yayasan USM 2016 | 23 Oktober 2016<br>Eastern & Oriental Hotel,<br>Georgetown | <p>Aktiviti Penjanaan Wang melalui jualan meja makan mengikut kategori dan kedudukan meja. Jemputan khas untuk majlis ini ialah Tuanku Canselor USM.</p> <p>Selain itu, tujuan majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan yang diberikan kepada Yayasan USM dan akan terus menyokong pembangunan lestari yang telah direncanakan oleh pihak Universiti Sains Malaysia.</p> <p>Senarai penglibatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Badan-badan korporat/swasta</li> <li>2. Alumni USM</li> <li>3. Penyumbang-penyumbang yang berpotensi dijemput hadir</li> <li>4. Agensi-agensi kerajaan</li> <li>5. Pusat-pusat Pengajian dalam kampus/ Ahli LGU</li> <li>6. Individu luar</li> </ol> |
| 2   | Yayasan USM Bike Convo 2016          | 23 hingga 27<br>Oktober 2016<br>Tapak ConvEx               | <p>Penjanaan Kewangan melalui</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Jualan khemah kepada vendor motorsikal</li> <li>ii. Pendaftaran ahli YUSM Bikers</li> <li>iii. Jualan T-Shirt dan sticker Yayasan Bikers USM</li> </ol> <p>Senarai Penglibatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kelab-kelab motor seluruh Malaysia</li> <li>ii. Syarikat-syarikat jualan aksesori dan peralatan</li> <li>iii. Pameran syarikat-syarikat motorsikal berkuasa tinggi</li> </ol>  |



## GAMBAR AKTIVITI-AKTIVITI YAYASAN USM

### a) Aktiviti Biasiswa dan Zakat



Majlis Anugerah Biasiswa USAINS kepada 15 pelajar USM pada 12 Mac 2016 di Sains@USM.



Majlis Penyerahan Cek sumbangan Zakat Etiqa kepada USM pada 7 April 2016 di Bilik Persidangan Canselori, Aras 6, Bangunan Canselori USM.



Bantuan komputer riba kepada dua orang pelajar Komunikasi Grafik dari Yayasan USM melalui Tabung Bakat (Biasiswa dan Hadiah) yang telah disampaikan oleh Dekan Pusat Pengajian Seni.

### b) Aktiviti Penjanaan Kewangan



Pemberian sumbangan kepada Yayasan USM di Program "The USM 10th Anniversary Chinese New Year Charity Gala Evening 2016" pada 12 Mac 2016 di Dewan Tunku Syed Putra USM.



"USM Jazz Band Annual Concert 2016" dengan kerjasama Yayasan USM yang diadakan di Dewan Tuanku Syed Putra pada 14 Mei 2016.



Aktiviti penjaanaan kewangan Yayasan USM iaitu Bike Convo Yayasan USM bikers diadakan di tapak pameran dan jualan Ekspo Konvokesyen USM 2016 pada 23 hingga 27 Oktober 2016.



Majlis Pelancaran Kompleks Azman Hashim USM Sports Arena oleh Pengasas dan Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim pada 2 Mac 2016.



Aktiviti penjaanaan wang Yayasan USM iaitu Majlis Santapan Malam Amal Yayasan USM diadakan di Eastern & Oriental Hotel Penang pada 24 Oktober 2016.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Yayasan USM telah melalui strategi dan kaedah pelaksanaan untuk penjaanaan dana sumbangan, Yayasan USM telah berjaya mengumpulkan dana sumbangan lebih RM10 juta dan daripada dana tersebut telah disalurkan kepada USM bagi sumbangan yuran pengajian pelajar, biasiswa kepada pelajar serta bantuan kewangan kepada pelajar terkebahawah di USM. Selain itu, Yayasan USM telah mengadakan aktiviti untuk meningkatkan lagi dana sumbangan yang dapat dikhususkan untuk bantuan khas dan biasiswa kepada pelajar USM yang memerlukan dari pelbagai peringkat pengajian sama ada ijazah pertama ataupun ijazah tinggi.





Repo

ary

nd

14%



# LAPORAN KEWANGAN



Summary



## PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

USM secara keseluruhannya telah menguruskan operasi tahun 2016 seperti yang dirancang walaupun berdepan dengan perubahan persekitaran semasa yang mencabar dari sudut ekonomi, perubahan dasar pendanaan Kerajaan serta pematuhan piawaian perakaunan baharu.

Dari sudut ekonomi, faktor harga pasaran komoditi seperti perubahan harga minyak dunia dan nilai matawang negara telah mempengaruhi strategi belanjawan dan perancangan USM manakala, perubahan dasar pendanaan kepada Universiti Awam dalam tahun 2016 telah menyaksikan berlakunya pengurangan peruntukan kepada USM. Perkara ini telah membawa USM untuk merangka strategi kelestarian kewangan, meliputi strategi penjanaaan pendapatan dan pengoptimuman sumber.

Tahun 2016 juga menyaksikan perubahan pemakaian piawaian perakaunan oleh Universiti Awam iaitu dari Private Entities Reporting Standards (PERS) kepada Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS). Pematuhan kepada piawaian ini dilihat telah berjaya menambahbaik persembahan penyata kewangan USM bagi tahun 2016.

## STRATEGI BELANJAWAN

Strategi belanjawan 2016 adalah ke arah meningkatkan sumber-sumber dana tambahan kepada Universiti dan mengoptimumkan sumber. Strategi ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan perbelanjaan awam dilakukan secara berhemah dan sumber yang ada digunakan secara optimum. Strategi penjanaaan pendapatan pula adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015 - 2025 yang mensasarkan pengurangan tahap kebergantungan Universiti Awam kepada Kerajaan dan kearah kelestarian kewangan Universiti.

Belanjawan Mengurus telah dirancang agar berupaya menampung keperluan asas dan melancarkan keperluan operasi tahunan bagi empat komponen utama Universiti, iaitu Pentadbiran dan Pengurusan, Pengajaran dan Pembelajaran, Perkhidmatan dan Penyelidikan serta Pusat Kecemerlangan. Belanjawan ini dirancang untuk memastikan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan serta menyokong pencapaian kecemerlangan Universiti.

## PENJANAAN PENDAPATAN DAN OPTIMUM SUMBER

Strategi kelestarian kewangan yang meliputi aktiviti penjanaaan pendapatan dan pengoptimuman sumber telah dirancang selaras dengan perubahan dasar pendanaan kerajaan. Pengurangan pembiayaan mengurus Universiti termasuk Hospital USM bagi tahun 2016 telah berkurang sebanyak 8.06% berbanding tahun sebelumnya. Sehubungan itu bagi menampung pengurangan ini, maka Universiti telah mengambil pendekatan untuk memperkukuhkan strategi kewangannya.

Antara usaha membudayakan penjanaaan pendapatan yang telah dilaksanakan adalah:

- Menubuhkan Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti yang bertanggungjawab mengelola, memudahcara, menggerak dan memantau aktiviti penjanaaan pendapatan Universiti;
- Penubuhan Seksyen Endowmen Perniagaan di Jabatan Bendahari yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan aktiviti penjanaaan pendapatan; dan
- Memperkukuh Unit Perniagaan Pusat Tanggungjawab Universiti.

Pengoptimuman sumber juga diberi penekanan dalam strategi kelestarian kewangan Universiti. Sebanyak 111 inisiatif di bawah tujuh teras utama telah dirancang, seperti:

- Mengoptimumkan ruang dan sumber sedia ada
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi
- Menambahbaik kaedah perolehan untuk mencapai best value for money
- Kawalan dalaman yang lebih berkesan.

## PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN 2016

### SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

USM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia berakhir pada 31 Disember 2016.

### PRESTASI KEWANGAN 2016

#### AKAUN KUMPULAN


##### Pendapatan

Pendapatan Akaun Kumpulan pada tahun 2016 berjumlah RM1,343.03 juta berbanding sebanyak RM1,489.08 juta dalam tahun 2015, iaitu menurun sebanyak RM146.05 juta (9.80%). Daripada jumlah pendapatan tersebut, sebanyak RM1,017.96 juta (75.80%) ialah geran kerajaan, RM144.01 juta (10.72%) ialah yuran pelajar, RM15.32 juta (1.14%) ialah perkhidmatan hospital dan RM165.74 (12.34%) ialah pendapatan lain.

##### Perbelanjaan

Perbelanjaan Akaun Kumpulan pada tahun 2016 berjumlah RM1,421.12 juta berbanding sebanyak RM1,437.36 juta pada tahun 2015, iaitu menurun sebanyak RM16.24 juta (1.13%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM762.91 juta (53.08%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM442.73 juta (30.80%) untuk perkhidmatan dan bekalan, RM10.17 juta (0.71%) untuk pembelian harta modal dan RM221.55 juta (15.41%) untuk peruntukan susutnilai aset dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Universiti sebanyak RM78.1 juta dalam tahun 2016 berbanding lebih pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM51.72 juta pada tahun 2015. Kurangan ini disumbangkan oleh kurangan pendapatan yang diterima atau dijana oleh Kumpulan.




Rajah 1: Perbandingan Geran Kerajaan, Pendapatan Lain dan Perbelanjaan Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2015 dan 2016



## Aset dan Liabiliti

Jumlah aset bersih pada tahun 2016 adalah sebanyak RM1,946.65 juta berbanding RM2,119.08 juta pada tahun 2015, menurun sebanyak RM172.43 juta (8.13%). Manakala, jumlah liabiliti semasa berjumlah RM115.77 juta berbanding RM146.50 juta pada tahun 2015, menurun sebanyak RM30.73 juta (20.98%). Keseluruhan program dan aktiviti USM dibiayai oleh lima Kumpulan Wang Disatukan Utama serta sebuah anak syarikat milik penuh USM iaitu Usains Holdings Sdn Bhd.



Rajah 2(a): Aset dan Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2015

Rajah 2(b): Aset dan Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2016

## PRESTASI KUMPULAN WANG YANG MENERIMA GERAN KERAJAAN

Kumpulan wang yang menerima Geran Kerajaan ialah Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Penyelidikan. Kedudukan kewangan berasaskan tunai bagi Kumpulan Wang Mengurus dalam tahun 2016 menunjukkan kurangan pendapatan berbanding perbelanjaan terkumpul sebanyak RM6.84 juta berbanding lebih terkumpul sebanyak RM46.21 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM53.05 juta (114.80%) manakala bagi Kumpulan Wang Pembangunan pula menunjukkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan terkumpul sebanyak RM80.97 juta berbanding lebih terkumpul sebanyak RM85.85 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM4.88 juta (5.68%).


Maklumat pendapatan dan perbelanjaan tunai bagi Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dipaparkan di Jadual 1.

Jadual 1: Lebihan Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan Tahun 2015 dan 2016


|  | Kumpulan Wang Mengurus |                       | Kumpulan Wang Pembangunan |                       |
|--|------------------------|-----------------------|---------------------------|-----------------------|
|  | Tahun 2016<br>RM juta  | Tahun 2015<br>RM juta | Tahun 2016<br>RM juta     | Tahun 2015<br>RM juta |
| Pendapatan                               | 981.69                 | 1,037.98              | 42.52                     | 57.00                 |
| Tolak: Perbelanjaan                      | (1,037.22)             | (1,052.48)            | (47.40)                   | (66.26)               |
| Kurangan untuk tahun                     | (55.53)                | (14.50)               | (4.88)                    | (9.26)                |
| Lebihan terkumpul awal tahun             | 46.21                  | 82.18                 | 85.85                     | 92.93                 |
| Pelarasan                                | 2.48                   | (21.47)               | -                         | 2.18                  |
| (Kurangan)/Lebihan terkumpul akhir tahun | (6.84)                 | 46.21                 | 80.97                     | 85.85                 |

## KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan mengurus USM pada tahun 2016 adalah sebanyak RM981.69 juta berbanding sebanyak RM1,037.98 juta dalam tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak RM 56.29 juta (5.42%). Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM851.68 juta (86.76%) adalah daripada pemberian kerajaan. Manakala RM74.72 juta (7.61%) adalah dari yuran pelajar dan RM55.29 juta (5.63%) adalah daripada pelbagai pendapatan Universiti.



Rajah 3(a): Pemberian Kerajaan-Belanja Mengurus Bagi Tahun 2015



Rajah 3(b): Pemberian Kerajaan-Belanja Mengurus Bagi Tahun 2016

Di samping itu, perbelanjaan mengurus pada tahun 2016 berjumlah RM1,037.22 juta berbanding sebanyak RM1,052.48 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM15.26 juta (1.47%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM725.96 juta (70.00%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM275.85 juta (26.59%) adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM3.10 juta (0.30%) untuk perbelanjaan harta modal dan RM32.30 juta (3.11%) untuk pelbagai perbelanjaan.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus USM sebanyak RM55.53 juta (282.97%) dalam tahun 2016 berbanding kurangan pendapatan pada tahun 2015 sebanyak RM14.50 juta. Kurangan pendapatan atas perbelanjaan ini disumbangkan oleh pengurangan penerimaan geran kerajaan dan kurangan pendapatan yang dijana oleh USM berbanding yang disasarkan dalam tahun 2016 untuk menampung kurangan geran kerajaan.






Rajah 4: Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Kumpulan wang Mengurus Bagi Tahun 2015 dan 2016

### KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Pendapatan pembangunan pada tahun 2016 ialah sebanyak RM42.52 juta berbanding sebanyak RM57.00 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM14.48 juta (25.40%) manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2016 ialah berjumlah RM47.40 juta berbanding sebanyak RM66.26 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM18.86 juta (28.46%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan berjumlah RM45.18 juta (95.32%), RM0.85 juta (1.79%) untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan manakala RM1.37 juta (2.89%) adalah untuk perbelanjaan lain.



Rajah 5: Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Kumpulan wang Pembangunan Bagi Tahun 2015 dan 2016


Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan wang Pembangunan sebanyak RM4.88 juta dalam tahun 2016 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM9.26 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM4.38 juta (47.30%).

## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Kumpulan Wang Penyelidikan terdiri daripada kumpulan wang yang menerima dana bagi tujuan program atau aktiviti penyelidikan dan perundingan. Selaras dengan pemakaian MPERS, geran penyelidikan diakaunkan berlandaskan prinsip pendapatan tertunda (deferred income). Prinsip ini mengkehendaki geran yang diterima untuk membiayai projek penyelidikan dikreditkan kepada akaun geran penyelidikan tertunda (liabiliti bukan semasa). Seterusnya, amaun dalam akaun ini dilunaskan (amortised) mengikut kaedah peratusan penyiapan projek penyelidikan.

Jumlah baki akaun geran penyelidikan tertunda pada tahun 1 Januari 2016 ialah sebanyak RM182.22 juta. Dalam tahun 2016, USM telah menerima sejumlah RM60.60 juta geran penyelidikan dari pelbagai sumber. Jumlah penerimaan ini menunjukkan penurunan sebanyak RM23.54 juta (27.98%) berbanding penerimaan tahun 2015 sebanyak RM84.14 juta manakala, jumlah yang dilunaskan dalam tahun 2016 ialah sebanyak RM87.37 juta berbanding sebanyak RM117.64 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM30.27 juta (25.73%).

Pada akhir tahun 2016, baki akaun geran penyelidikan tertunda menunjukkan jumlah sebanyak RM150.80 juta, berbanding sebanyak RM182.22 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak RM31.42 juta (17.24%). Penurunan ini disumbangkan oleh kurangan penerimaan geran penyelidikan dalam tahun 2016 yang mengakibatkan pengurangan dalam bilangan projek penyelidikan.



Rajah 6: Perbandingan Baki Akhir, Penerimaan Dan Pelunasan Kumpulan wang Penyelidikan Bagi Tahun 2015 dan 2016

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahun 2016 telah menyaksikan kejayaan USM menguruskan operasinya mengikut perancangan walaupun berdepan dengan perubahan persekitaran semasa yang mencabar sama ada dari sudut ekonomi, perubahan dasar pendanaan Kerajaan serta pematuhan piawaian perakaunan baharu.

Walaupun prestasi kewangan USM menunjukkan kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan dan USM sebanyak RM78.10 juta dalam tahun 2016 yang disumbangkan oleh kurangan pendapatan yang diterima atau dijana, USM masih berupaya mengekalkan prestasi dan kecemerlangan tahap kualiti penyampaian perkhidmatannya.

USM juga berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.



STATISTIK KEWANGAN

PENDAPATAN AKAUN KUMPULAN  
TAHUN 2012-2016



PENDAPATAN UNIVERSITI  
TAHUN 2012-2016




PERBELANJAAN AKAUN KUMPULAN  
TAHUN 2012-2016



PERBELANJAAN UNIVERSITI  
TAHUN 2012-2016



PEMBERIAN KERAJAAN - BELANJA MENGRUS  
TAHUN 2012-2016



# PENYATA KEWANGAN







**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.



## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Gabenor bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:



- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Gabenor.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Gabenor dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Gabenor, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Sains Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.


## Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Sains Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Gabenor terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan



